SEKATARAKYAT

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

# Mesyuarat Agung Perwakilan 2025



# ATUR CARA

**MAJLIS PERASMIAN**
**MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN**
**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(SEKATARAKYAT)**
**TAHUN 2025**

| | | |
|---|---|---|
| **7.15 pagi – 8.00 pagi** | **:** | **Ketibaan & Pendaftaran Para Perwakilan** |
| **8.00 pagi – 8.30 pagi** | **:** | **Ketibaan Para Tetamu Jemputan** |
| **8.45 pagi** | **:** | **Ketibaan Tetamu Kehormat**<br>**Datuk Mohd Irwan Mohd Mubarak**<br>**Pengerusi Bank Rakyat** |
| | **:** | **Taklimat Keselamatan** |
| | **:** | **Nyanyian Lagu Negaraku &**<br>**Kecemerlangan Koperasi** |
| | **:** | **Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran** |
| | **:** | **Bacaan Doa** |
| | **:** | **Ucapan Pengerusi Sekatarakyat**<br>**Datuk Mohamed Arsad Sehan** |
| | **:** | **Ucapan Perasmian oleh Tetamu Kehormat**<br>**Datuk Mohd Irwan Mohd Mubarak**<br>**Pengerusi Bank Rakyat** |
| | **:** | **Penyampaian Cenderahati Kepada Perasmi** |
| | **:** | **Pelancaran Aplikasi AiServe oleh**<br>**Pengerusi Sekatarakyat** |
| **10.00 pagi** | **:** | **Kudapan (*Refreshments*)** |
| **10.30 pagi** | **:** | **Mesyuarat Agung Perwakilan Bermula** |

## ISI KANDUNGAN / PERJALANAN MESYUARAT


| Bil | Perkara | Kandungan | Mukasurat |
|---|---|---|---|
| i. | | Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) | MAP 8 – MAP 9 |
| ii. | | Perutusan Pengerusi Bank Rakyat | MAP 10 |
| iii. | | Perutusan Pengerusi Sekatarakyat | MAP 11 |
| **MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE DUA PULUH SEMBILAN (KE-29)** | | | |
| 1 | | Garis Panduan Etika Mesyuarat Agung Perwakilan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) | MAP 13 – MAP 23 |
| 2 | | Ucapan Y. Bhg. Datuk Pengerusi Sekatarakyat | |
| 3 | | Notis Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke Dua Puluh Sembilan (Ke-29) | MAP 25 – MAP 26 |
| 4 | | Pelantikan Pengerusi Mesyuarat | |
| 5 | | Pelantikan Pencatat Minit | |
| 6 | 10 | Pelantikan Jawatankuasa Penentusahan Minit Mesyuarat Agung kali ke Dua Puluh Sembilan (Ke-29) | MAP 278 |
| 7 | 1 | Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke Dua Puluh Lapan (Ke-28) Tahun 2024 | MAP 28 – MAP 52 |
| 8 | 2 | Menimbang laporan-laporan Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman dan Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atas akaun-akaun teraudit dan Lembaga Koperasi | |
| | | 1) Laporan Lembaga Pengarah | MAP 56 – MAP 82 |
| | | a) Profil Anggota Lembaga Pengarah | MAP 84 – MAP 94 |
| | | b) Tugas dan Tanggungjawab Anggota Lembaga Pengarah | MAP 95 – MAP 97 |
| | | c) Senarai Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah Tahun 2024 | MAP 98 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | d) Senarai Mesyuarat Portfolio Lembaga Pengarah Tahun 2024 | MAP 99 – MAP 102 |
| | | e) Laporan Mesyuarat, Perbincangan & Lawatan Rasmi Anggota Lembaga Pengarah Sepanjang Tahun 2024 | MAP 103 |
| | | f) Laporan Lawatan Rasmi Hartanah Milik Sekatarakyat oleh Anggota Lembaga Pengarah Sepanjang Tahun 2024 | MAP 104 |
| | | g) Laporan butiran perbelanjaan Lembaga dan bayaran kepada pihak individu Lembaga Pengarah Sekatarakyat Tahun 2024 | MAP 105 |
| | | h) Senarai Lembaga Pengarah menghadiri kursus / seminar / persidangan Tahun 2024 | MAP 106 – MAP 107 |
| | | i) Perancangan Jangka Masa Hadapan Sekatarakyat | MAP 108 – MAP 109 |
| | | j) Polisi Integriti | MAP 110 |
| | | k) Laporan Komiti *"Environment, Social & Governance"* (ESG) | MAP 111 – MAP 112 |
| | | l) Laporan Jawatankuasa Pencalonan | MAP 114 |
| | | m) Laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko | MAP 116 – MAP 118 |
| | | n) Laporan Jawatankuasa Disiplin | MAP 120 |
| | | o) Laporan Jawatankuasa Pelaburan | MAP 122 – MAP 123 |
| | | p) Laporan Jawatankuasa Imbuhan | MAP 125 – MAP 126 |
| | | q) Laporan Jawatankuasa Syariah | MAP 128 – MAP 131 |
| | | 2) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman 2024 | MAP 134 – MAP 138 |
| | | 3) Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia atas akaun teraudit pada 31 Disember 2024 | MAP 140 – MAP 148 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9 | 3 | Menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit koperasi berdaftar dan subsidiari-subsidiari<br><br>1) Pembentangan Bendahari Kehormat Sekatarakyat ke atas Penyata Kewangan Diaudit 31 Disember 2024<br><br>2) Penyata Kewangan Diaudit 31 Disember 2024<br><br>3) Laporan Juruaudit Koperasi | <br><br>MAP 151 – MAP 157<br><br>MAP 159 – MAP 216<br><br>MAP 218 – MAP 221 |
| 10 | 4 | Memilih anggota-anggota Lembaga Pengarah | MAP 223 |
| 11 | 5 | Menimbang dan meluluskan Belanjawan Tahunan bagi tahun kewangan 2025 | MAP 225 – MAP 248 |
| 12 | 6 | Meluluskan elaun-elaun kepada Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan saraan kepada anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah subsidiari atau subsidiari-subsidiarinya<br><br>1) Cadangan Elaun Mesyuarat Anggota Lembaga Pengarah<br><br>2) Cadangan Elaun Tetap Anggota Lembaga Pengarah<br><br>3) Cadangan Elaun Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman<br><br>4) Cadangan Elaun Jawatankuasa Syariah<br><br>5) Cadangan perbelanjaan Takaful Group Hospital & Surgical dan rawatan pesakit luar bagi Anggota Lembaga Pengarah | <br><br>MAP 251 – MAP 252<br><br>MAP 254 – MAP 256<br><br>MAP 258 – MAP 259<br><br>MAP 261 – MAP 262<br><br>MAP 264 – MAP 268 |
| 13 | 7 | Meluluskan pelantikan suatu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua firma audit untuk mengaudit akaun-akaun atau lain-lain firma yang berkaitan | MAP 270 |
| 14 | 8 | Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan koperasi | MAP 272 – MAP 273 |
| 15 | 9 | Menentukan had maksimum keterhutangan koperasi | MAP 275 – MAP 276 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 16 | 11 | Menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan tahun kewangan 2024<br><br>Cadangan Bayaran Honorarium Kepada Anggota Lembaga Pengarah | MAP 280 – MAP 284<br><br>MAP 286 – MAP 289 |
| 17 | 12 | Mengisytihar atau menerbitkan syer-syer bonus | |
| 18 | 13 | Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa urusan lain koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan<br><br>Cadangan Pemberian Anugerah Penghargaan Kepada Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat Yang Masih Berkhidmat Sempena 50 Tahun Sekatarakyat | MAP 293 – MAP 297 |
| 19 | 14 | Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Sekatarakyat<br><br>1) Cadangan meminda Undang-Undang Kecil (UUK) Sekatarakyat<br><br>2) Cadangan Mewujudkan Aturan Perniagaan Ar-Rahnu X'Change (ARX) Sekatarakyat<br><br>3) Cadangan Permohonan Kelulusan Pembukaan Perniagaan Taska Qaseh Nuri, Kafeteria Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Dan D'Sekata | MAP 300 – MAP 305<br><br>MAP 307 – MAP 369<br><br>MAP 371 – MAP 373 |
| 20 | 15 | Mendengar dan memutuskan apa-apa aduan, yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan kepada Sekatarakyat, yang dikemukakan oleh anggota yang terkilan dengan keputusan Lembaga Pengarah Sekatarakyat | |
| 21 | 16 | Meluluskan apa-apa perbelanjaan bagi pelantikan orang-orang yang kompeten untuk membantu Jawatankuasa Audit Dalaman | MAP 376 – MAP 377 |
| 22 | 17 | Menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut peraturan-peraturan<br><br>Laporan kursus luar negara bagi Lembaga Pengarah (Tiada) | |

# PERUTUSAN

## PERUTUSAN



Bismillahhirrahmanirrahim
Assalamualaikum WBT, Selamat Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Koperasi yang memiliki tatakelola yang baik, cekap dan sistematik berupaya melonjakkan koperasi ke arah penyediaan perkhidmatan dan produk yang lebih kompetitif dan berdaya saing dalam perniagaan.

Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat) telah membangun sebagai sebuah koperasi yang cemerlang dalam gerakan koperasi negara. Pencapaian ini adalah hasil usaha yang baik antara anggota lembaga koperasi, pihak pengurusan dan para anggota.

Sehubungan itu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Sekatarakyat dalam usaha untuk menerbitkan buku serta menganjurkan Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Kali ke-29 bagi tahun 2025.

Buku Laporan Tahunan 2024 ini memaparkan prestasi Sekatarakyat bagi tahun 2024 sejajar 50 tahun penubuhannya. Buku ini juga sebagai bukti betapa koperasi amat komited dalam menjalankan urus niaga perniagaan untuk memaksimumkan manfaat kepada anggota-anggotanya. Meskipun berdepan dengan ketidaktentuan ekonomi semasa, Sekatarakyat terus menunjukkan prestasi positif dari tahun ke tahun untuk terus berdaya saing dalam ekosistem perniagaan progresif dan mampan.

Buku ini juga menjadi saksi betapa Sekatarakyat berjaya mengharungi pelbagai cabaran, termasuk ketidaktentuan ekonomi semasa dan tetap tampil dengan prestasi positif yang berterusan dari tahun ke tahun. Ini merupakan bukti nyata bahawa Sekatarakyat terus mengukuhkan kedudukannya sebagai koperasi yang berdaya saing dan progresif dalam ekosistem perniagaan yang semakin berkembang dan mampan.

Memetik saranan daripada YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, koperasi adalah salah satu asas dan tonggak pertumbuhan ekonomi rakyat dan amat penting dalam merakyatkan ekonomi negara yang terus diperkasakan. Hasrat ini adalah signifikan dengan Dasar Koperasi Malaysia (DaKom) 2030 yang bermatlamat untuk membina sektor koperasi berdaya tahan dan berprestasi tinggi. Potensi koperasi akan terus kekal relevan dalam ekonomi.

Perkhidmatan yang disampaikan meliputi segenap lapisan masyarakat. Justeru, Sekatarakyat dilihat begitu proaktif dalam menggembleng tenaga, sumber manusia serta sumber modal bagi mempertingkat taraf sosioekonomi para anggota secara inklusif.

Kejayaan Sekatarakyat mengekalkan kedudukan di tempat ke-7 dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik Tahun 2024 adalah bukti bahawa koperasi ini sentiasa berusaha untuk lebih cemerlang. Kejayaan ini tidak akan dapat diraih tanpa adanya usaha yang bersungguh-sungguh daripada setiap anggota dan tadbir urus yang baik secara keseluruhannya.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) akan terus memberikan sokongan, bimbingan dan nasihat kepada Sekatarakyat dalam menjayakan aktiviti-aktiviti yang berkepentingan kepada anggota sekaligus dapat memacu pertumbuhan ekonomi negara melalui koperasi.

Pada 23 September 2024, Sekatarakyat telah meraikan sambutan Jubli Emas dengan usia yang matang dalam mendepani cabaran ekonomi global dan semasa. Harapan saya agar Sekatarakyat akan menjadi sebuah koperasi yang dihormati dan disegani dan terus berkembang menjadi jaguh koperasi di peringkat negara dan antarabangsa.

Selamat Maju Jaya.

**DATUK RUSLI BIN JAAFAR**
**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

## PERUTUSAN



Bismillahhirrahmanirrahim,
Assalamu'alaikum WBT dan Selamat Sejahtera,

Sekalung penghargaan dan tahniah kepada Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat) atas kejayaan menerbitkan buku seterusnya melaksanakan Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Kali Ke-29 bagi tahun 2025 mengikut lunas peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Prestasi cemerlang yang digapai oleh Sekatarakyat membuktikan ketahanan dan kestabilan dari aspek pentadbiran serta pengurusan yang cekap dan berkesan untuk kemajuan serta kelestarian koperasi dan anggota.

Meskipun berdepan dengan ketidaktentuan ekonomi semasa yang mencabar, prestasi cemerlang serta perkhidmatan yang terbaik untuk anggota-anggota Sekatarakyat mampu direalisasikan apabila kita sentiasa komited dalam memainkan peranan sebagai penggerak koperasi menerusi perancangan jangka panjang yang strategik untuk kekal utuh dalam industri koperasi negara.

Syabas kepada barisan Anggota Lembaga Pengarah dan Pengurusan Sekatarakyat atas usaha yang telah ditunjukkan dalam menggalas tanggungjawab dan amanah anggota-anggotanya. Berpaksikan kepada matlamat penubuhan untuk terus kekal cemerlang, saya percaya bahawa Sekatarakyat akan terus berkembang dan menjadi penyumbang kepada sektor ekonomi negara.

Syukur Alhamdulillah di atas kejayaan Jubli Emas yang telah diraikan sepanjang tahun 2024. Semoga Sekatarakyat akan menjadi sebuah koperasi yang terbaik bukan sahaja di persada dunia koperasi tanah air bahkan di peringkat antarabangsa. Selamat Maju Jaya dan Selamat Menjalankan Amanah.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

**DATUK MOHD IRWAN MOHD MUBARAK**
**PENGERUSI**
**BANK RAKYAT**

## PERUTUSAN



Bismillahhirrahmanirrahim
Assalamu'alaikum wbt,

Segala puji bagi Allah SWT yang menguasai alam semesta serta selawat dan salam kepada junjungan Rasulullah SAW. Bersyukurlah kita kepada-Nya kerana diberikan taufik dan inayah bagi menjalankan tugas yang diamanahkan.

Tahun 2024 merupakan tahun teristimewa buat Sekatarakyat yang genap usia 50 tahun pada 23hb September 2024. Sambutan Jubli Emas telah diraikan dengan penuh makna bagi meninggalkan kenangan yang terindah buat semua pihak berkepentingan di Sekatarakyat.

Bagi mengharungi cabaran semasa, Sekatarakyat membulatkan iltizam dan mengukuhkan jati diri di kalangan para anggota, Anggota Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit Dalaman, Jawatankuasa Syariah, Pengurusan dan Warga Kerja untuk terus maju ke hadapan.

Budaya integriti sangat dituntut bagi mengurus tadbir koperasi dengan efektif agar matlamat penubuhan Sekatarakyat, iaitu "meningkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggotanya mengikut Prinsip Koperasi", dapat digapai.

Bagi memelihara kepentingan dan kebajikan semua anggota, Sekatarakyat akan terus berusaha mempertingkatkan kemudahan dan perkhidmatan ke tahap yang lebih cemerlang di masa hadapan. Justeru, saya bertekad dan menyeru rakan-rakan di barisan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Warga Kerja sekalian untuk terus menjalankan tugas dengan penuh rasa tanggungjawab, amanah dan jujur dengan meletakkan kepentingan anggota-anggotanya melebihi kepentingan peribadi.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat bermesyuarat kepada semua perwakilan. Saya berdoa semoga mesyuarat ini berjalan dengan penuh tertib dan teratur serta mendapat taufik dan barakah dari Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

**DATUK MOHAMED ARSAD SEHAN**
**PENGERUSI**
**SEKATARAKYAT**

# GARIS PANDUAN ETIKA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN OLEH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM)

# ETIKA MESYUARAT AGUNG

## 1. Perhimpunan

Anggota-anggota koperasi hendaklah berhimpun di suatu tempat pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan seperti mana dalam notis mesyuarat.

## 2. Bahasa Rasmi

Bahasa Rasmi bagi mesyuarat hendaklah Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, bahasa-bahasa lain dibenarkan mengikut kesesuaian.

## 3. Pengerusi Mesyuarat

Pengerusi mesyuarat hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang kecil.

## 4. Agenda Mesyuarat

Agenda mesyuarat hendaklah sebagaimana dinyatakan dalam Notis Mesyuarat.

## 5. Kuorum

Kuorum hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang kecil dan Peraturan-Peraturan Koperasi.

## 6. Minit Mesyuarat Agung yang lalu

Minit mesyuarat agung yang lalu akan diedarkan dan dibentang untuk pengesahan. Selain dari pembetulan minit, perbincangan ke atasnya tidak dibenarkan. Hanya selepas pengesahan dibuat, anggota-anggota boleh bertanya sekadar mendapat penjelasan sahaja. Perbahasan terhadapnya tidak dibenarkan.

## 7. Setiausaha Mesyuarat

Setiausaha atau orang yang diarahkannya hendaklah mencatat perjalanan mesyuarat. Minit Mesyuarat hendaklah disiapkan dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh mesyuarat agung diadakan.

## 8. Hak-hak Anggota

Anggota-anggota yang layak hadir dalam mesyuarat mempunyai hak untuk bercakap, menyuarakan pendapat, pandangan, cadangan dan mengundi atas sesuatu perkara yang dibincangkan dalam agenda mesyuarat.

## 9. Laporan Tahunan

*(a)* Laporan Tahunan yang mengandungi Laporan Lembaga dan Penyata Kewangan Teraudit akan dibentangkan untuk dibincangkan setelah minit mesyuarat agung yang lalu disahkan. Penerimaannya hendaklah di bawah syor "Telah diterima dan diluluskan".

(b) Laporan Tahunan hendaklah diberi keutamaan daripada perkara lain. Sesuatu syor boleh dibuat terhadap mana-mana perkara dalam laporan tersebut dan ia hendaklah dibuat dengan persetujuan Pengerusi Mesyuarat.

**10. Tertib Bercakap**

*(a)* Anggota yang ingin bercakap hendaklah bangun dan apabila diberi keizinan oleh Pengerusi, beliau hendaklah berdiri dan mengajukan ucapannya kepada Pengerusi Mesyuarat.

*(b)* Apabila lebih daripada seorang anggota bangun untuk bercakap, anggota yang terdahulu hendaklah diberi keutamaan untuk bercakap. Walau bagaimanapun, keputusan terletak kepada Pengerusi mesyuarat agung.

*(c)* Anggota tidak boleh bercakap lebih daripada sekali di atas sebarang usul atau pindaan yang sama kecuali (sebagai pembawa usul atau pindaan kepada usul itu) untuk menjawab. Sekiranya ada pindaan dibuat ke atas usul asal, anggota berkenaan boleh bercakap sekali lagi terhadap pindaan yang dibuat itu.

*(d)* Seseorang anggota tidak boleh mengganggu anggota lain yang sedang bercakap, kecuali –

(i) jika hendak membuat teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat. Ketika itu anggota yang sedang bercakap hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak disampaikan untuk pengetahuan mesyuarat dan diserahkan kepada Pengerusi Mesyuarat untuk memutuskannya; atau

(ii) jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang disampaikan oleh anggota yang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat anggota yang sedang bercakap itu mahu memberi laluan dan anggota yang hendak mencelah itu diberi izin oleh Pengerusi Mesyuarat.

*(e)* Jika seseorang anggota mengganggu seorang anggota lain yang sedang bercakap semasa mesyuarat sedang berjalan atau menggunakan bahasa kasar atau biadab dan ingkar mematuhi arahan Pengerusi Mesyuarat apabila diminta menjaga tertib mesyuarat, namanya akan dicatat oleh Pengerusi Mesyuarat. Ia akan diminta meninggalkan bilik mesyuarat dan tidak akan dibenarkan masuk selagi ia tidak meminta maaf yang memuaskan dan diterima oleh Pengerusi Mesyuarat.

*(f)* Jika Pengerusi Mesyuarat memberi arahan untuk bertenang, atau apa-apa arahan yang ada kaitan dengan mesyuarat, anggota yang sedang bercakap hendaklah kembali duduk dan anggota lain tidak dibenarkan bercakap sehingga Pengerusi Mesyuarat memberi kebenaran untuk meneruskan perbincangan.

## 11. Had Masa Bercakap

Pembawa usul atau pindaan tidak dibenarkan bercakap lebih daripada lima minit. Anggota yang membicarakan usul selepas itu tidak dibenarkan melebihi **tiga (3) minit**, kecuali jika dibenarkan masa tambahan oleh Pengerusi Mesyuarat. Tambahan masa yang diberi hendaklah tidak melebihi **dua (2) minit**.

## 12. Isi-isi Ucapan

*(a)* Anggota hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja, dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa yang tidak ada kaitan dengan perkara yang dibincangkan itu.

*(b)* Perkara-perkara yang dalam pertimbangan atau perbicaraan mahkamah tidak boleh dibincang.

*(c)* Perkara-perkara yang telah diputuskan oleh mesyuarat tidak boleh dipertimbangkan semula kecuali dengan adanya usul tersendiri bagi membatalkan keputusan mesyuarat berkenaan dengan perkara itu.

*(d)* Seseorang anggota tidak boleh menggunakan bahasa kasar atau biadab dan tidak boleh mengeluarkan sangkaan buruk terhadap orang lain.

*(e)* Nama, kelakuan dan sifat Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong atau nama DYMM Raja-Raja Melayu atau TYT Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi mesyuarat.

*(f)* Seseorang anggota yang bercakap tidak boleh menggunakan —

(i) perkatan-perkataan derhaka kepada negeri;

(ii) perkataan-perkataan yang membangkitkan perasaan melawan terhadap kerajaan yang memerintah, dan

(iii) perkataan-perkataan yang menaikkan perasaan sakit hati dan permusuhan antara kaum dan agama di Malaysia.

*(g)* Jika pada pendapat Pengerusi, bahawa apa-apa usul atau pindaan atau perbahasan yang akan dijalankan atas usul atau pindaan itu tujuannya melanggar peraturan ini, maka Pengerusi boleh menolak usul atau pindaan berkenaan itu, atau memberhentikan perbahasan itu dan memerintahkan supaya usul atau pindaan berkenaan itu tidak dibahaskan lagi.

**13. Menutup Ucapan/Perbahasan**

Setelah sesuatu usul dikemukakan kepada mesyuarat, seorang anggota boleh mencadangkan usul itu diputuskan. Jika pada pendapat Pengerusi, usul itu tidak bercanggah dengan mana-mana peraturan, maka usul itu boleh dikemukakan untuk diputuskan dengan serta merta. Ia hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibincang walaupun pembawa usul asal atau pindaan tidak berpeluang menjawab.

**14. Usul (Motion)**

*(a)* Sebarang cadangan pertama di dalam satu perkara itu akan dikenali sebagai usul asal dan semua cadangan mengenai perkara yang sama dikenali sebagai pindaan.

*(b)* Tiap-tiap usul atau pindaan-pindaan kepadanya hendaklah ada pencadang dan penyokongnya dan hendaklah dibentangkan secara bertulis.

*(c)* Tiap-tiap usul yang hendak dimasukkan ke dalam agenda hendaklah dihantar secara bertulis kepada Setiausaha koperasi

sekurang-kurangnya **tujuh (7) hari** sebelum mesyuarat agung diadakan.

*(d)* Seseorang anggota yang ingin menarik balik atau mengubah atau meminda isi-isi sesuatu usul yang dibuat olehnya boleh berbuat demikian dengan memberitahu secara bertulis berkenaannya kepada Setiausaha sebelum tarikh mesyuarat agung. Walau bagaimanapun, disyaratkan pindaan itu pada pendapat Pengerusi tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul asal itu.

*(e)* Apabila sesuatu usul itu ditarik balik selepas ianya dimasukkan dalam agenda mesyuarat agung, Pengerusi, apabila tiba masanya, mengisytiharkan dalam mesyuarat agung bahawa usul tersebut telah ditarik balik dan tidak boleh dibahas lagi.

## 15. Cadangan dan Sokongan

*(a)* Sesuatu usul atau pindaan tidak boleh dibincangkan atau dibahas sehingga ia mendapat sokongan. Jika tiada sokongan, usul atau pindaan itu gugur dengan sendirinya.

*(b)* Seseorang anggota tidak boleh mencadang atau menyokong lebih daripada sekali bagi sesuatu usul. Pencadang atau penyokong sesuatu usul atau pindaan usul tidak boleh mengemukakan (mencadang) atau menyokong pindaan lain kepada usul tersebut.

## 16. Pindaan

Jika sebarang pindaan dikemukakan dan disokong terhadap sesuatu usul, pindaan selanjutnya tidak boleh dibuat sehingga pindaan terdahulu itu dibatalkan. Apabila pindaan kepada usul tersebut diisytiharkan, usul yang dipinda menjadi usul asal, yang mana pindaan-pindaan selanjutnya boleh dikemukakan tertakluk kepada para 18 Etika ini.

## 17. Hak Menjawab

*(a)* Pembawa usul (termasuk pembawa pindaan yang menjadi usul asal) mempunyai hak untuk menjawab dengan syarat dia hendaklah menjawab kepada ucapan yang dibuat olehnya terdahulu. Perkara-perkara baru tidak boleh dibangkitkan. Setelah menjawab, usul hendaklah diundi dengan segera untuk mendapatkan suara majoriti anggota-anggota yang hadir.

*(b)* Jika usul asal telah diganti dengan pindaan, hak menjawab diberikan kepada orang yang membawa pindaan.

## 18. Usul Tergempar

Sebarang usul yang tidak dimasukkan ke dalam agenda mesyuarat agung tidak boleh dikemukakan dalam mesyuarat untuk dibahas.

## 19. Pengundian

*(a)* Semua perkara hendaklah diputuskan dengan kelebihan undi kecuali perkara-perkara berkaitan dengan Pindaan Undang-undang Kecil. Jika undi sama banyak, perkara yang dibincangkan disifatkan kalah. Pengerusi tiada undi pemutus.

*(b)* Pengerusi mesyuarat tidak boleh mengundi berkenaan sebarang perkara mengenai dirinya.

**20. Adab Anggota Tidak Bercakap**

Masa mesyuarat sedang berjalan —

(i) Anggota hendaklah masuk ke dewan atau keluar daripada dewan atau membawa diri dalam dewan dengan tertib adab;

(ii) Seseorang anggota tidak boleh melintas ruangan tengah dewan tanpa apa-apa urusan;

(iii) Anggota-anggota tidak boleh membaca surat-surat khabar, buku-buku, surat-surat atau lain-lain kecuali dengan perkara-perkara yang ada kaitan dengan perkara yang dibahas; dan

(iv) Masa seseorang anggota bercakap, anggota lain hendaklah diam dan tidak mengganggu.

**21. Kuasa Pengerusi Mesyuarat dan Tertib Dalam Mesyuarat**

*(a)* Bila anggota-anggota ditegur oleh pengerusi berkenaan dengan peraturan mesyuarat atau bangun semasa perbahasan berjalan, mana-mana anggota yang sedang bercakap atau yang hendak bercakap, hendaklah duduk dan Mesyuarat hendaklah diam supaya percakapan Pengerusi dapat didengar dan tidak terganggu.

*(b)* Adalah menjadi tanggungjawab Pengerusi memastikan supaya etika mesyuarat ini dipatuhi dan keputusannya mengenai apa-apa

perkara peraturan mesyuarat tidak boleh diminta ditimbangkan semula.

*(c)* Pengerusi setelah menarik perhatian mesyuarat kepada kelakuan seseorang anggota yang degil dengan menyebutkan perkara-perkara yang tidak kena mengena dengan perkara mesyuarat boleh memerintahkan dia berhenti bercakap.

*(d)* Pengerusi hendaklah memerintahkan mana-mana anggota yang berkelakuan tidak baik keluar dengan serta merta daripada mesyuarat.

*(e)* Anggota yang diperintahkan keluar menurut perenggan 21(d), dengan serta merta hendaklah keluar dari dewan mesyuarat dan tidak dibenarkan masuk hingga habis mesyuarat.

*(f)* Jika sesuatu perkara berbangkit mengenai prosedur, maka proses pengundian untuk membuat keputusan adalah tidak diperlukan. Adalah memadai dengan keputusan pengerusi sahaja. Sekiranya perkara yang dibincangkan melibatkan perkara hakiki (substantive) maka keputusan hendaklah dibuat secara pengundian.

*(g)* Jika mesyuarat agung membincangkan sesuatu perkara yang melibatkan kepentingan pengerusi, maka mesyuarat hendaklah dipengerusikan oleh seorang yang lain sehingga keputusan telah dibuat. Dalam hal ini prinsip ″Natural Justice″ hendaklah terpakai.

*(h)* Pengerusi hendaklah menasihatkan anggota yang hadir dalam mesyuarat supaya sentiasa berada di dalam dewan mesyuarat sepanjang mesyuarat diadakan bagi memastikan kuorum mesyuarat adalah mencukupi pada setiap masa.

*(i)* Jika berlaku kekacauan besar dan luar jangka dalam mesyuarat, Pengerusi boleh, jika pandangannya wajar, menangguhkan mesyuarat tanpa perlu meminta keputusan mesyuarat selama yang ditetapkan olehnya.

# NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE DUA PULUH SEMBILAN (KE-29)

SEKATARAKYAT

(4958)

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

**KKBR/ Notis/ MAP/ Kali Ke-29 – 2025**

16 Januari 2025

Kepada:
***ANGGOTA-ANGGOTA PERWAKILAN SEKATARAKYAT***

*Assalamualaikum wbt,*
Tuan/Puan,

**NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE DUA PULUH SEMBILAN**
**(MESYUARAT AGUNG KALI KE EMPAT PULUH DUA)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan, **Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat) Kali Ke Dua Puluh Sembilan (Ke-29)** akan diadakan pada seperti butiran yang berikut:-

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | **22 Februari 2025 (Sabtu)** |
| **Masa** | : | **8.00 pagi** |
| **Tempat** | : | **Balai Tan Sri Sheikh Ahmad**<br>**Tingkat 3, Menara 1, MKBR**<br>**No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral**<br>**50470 Kuala Lumpur** |

**AGENDA MESYUARAT**

1. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan yang terdahulu dan mana-mana Mesyuarat Agung khas yang berselang.

2. Menimbang laporan-laporan Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalam dan Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) mengenai akaun-akaun teraudit dan laporan Lembaga Koperasi.

3. Menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit koperasi berdaftar dan subsidiari-subsidiari, jika ada, bersama laporan juruaudit.

4. Memilih Anggota-Anggota Lembaga.

5. Menimbang dan meluluskan Belanjawan Tahunan bagi tahun kewangan 2025.

6. Meluluskan elaun-elaun kepada Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan saraan kepada Anggota Lembaga yang dilantik sebagai Pengarah Subsidiari atau subsidiari-subsidiari koperasi itu jika ada.

7. Meluluskan pelantikan suatu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua (2) firma audit untuk mengaudit akaun-akaun.

8. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan koperasi.

Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur
No. Tel: 03-22733314, 22733315, 22735024, 22738710
Faks: 03-22741314 Laman Web: www.sekatarakyat.com.my Emel: sekata@sekatarakyat.com.my

9. Menetapkan had maksimum keterhutangan koperasi.

10. Melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang anggota atau perwakilan dan empat (4) orang Anggota Lembaga untuk menentu sahkan draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan.

11. Menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan.

12. Mengisytihar atau menerbitkan syer-syer bonus.

13. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa urusan lain koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari telah diberikan.

14. Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-Undang Kecil Koperasi.

15. Mendengar dan memutuskan apa-apa aduan, yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari telah diberikan kepada koperasi berdaftar itu, yang dikemukakan oleh anggota yang terkilan dengan sesuatu keputusan Lembaga.

16. Meluluskan apa-apa perbelanjaan bagi pelantikan Orang-orang Kompeten untuk membantu Jawatankuasa Audit Dalaman.

17. Menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut Peraturan-Peraturan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
Bp : **KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**

.....
**HASRUL LIZA SHAH RUDIN**
**Setiausaha Kehormat**
**mhb/neag/army/hlsr**

*NOTA:*
*Sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang usul yang hendak dikemukakan bagi kelulusan Mesyuarat Agung, sila kemukakan dalam tempoh tujuh( 7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan secara e-mel atau faks kepada Sekatarakyat seperti butiran yang berikut:-*

**E-mel** : sekata@sekatarakyat.com.my
rozaman@sekatarakyat.com.my / **(Ahmad Rozaman Mohd Yusoff)**
elina@sekatarakyat.com.my / **(Nor Elina Ab Ghani)**
hafiz@sekatarakyat.com.my / **(Mohd Hafiz Bukhari)**
faizul@sekatarakyat.com.my / **Muhammad Faizul Md Yunus**
amirah.jaafar@sekatarakyat.com.my / **(Noor Amirah Ja'afar)**
aqilah@sekatarakyat.com.my / **(Nur Aqilah Aziz)**

**No. Telefon** : **03-2273 3314/ 3315/ 3609**
**No. Faks** : **03-2273 1314**

**PERKARA 1**

**MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE DUA PULUH LAPAN (KE-28) PADA 2 MAC 2024**

SEKATARAKYAT

(4958)

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

**KKBR / PengesahanMinit MAP Ke-28 / SKM WP – 2024**

29 Mac 2024

**Tuan Haji Efendee O.P Andu**
**Pengarah**
**Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan**
**Aras 1, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia**
**Changkat Semantan**
**Off Jalan Semantan, Bukit Damansara**
**50490 Kuala Lumpur**

RECEIVED
29 MAR 2024
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Wilayah Persekutuan

*Assalamualaikum wbt,*
Tuan Haji,

**PENYERAHAN PENGESAHAN & MINIT MAP KALI KE-28/2024**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Seperti yang sedia maklum, **Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat)** telah mengadakan **Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Kali Ke-28** pada **2 Mac 2024 (Sabtu)** yang lalu di **Balai Tan Sri Sheikh Ahmad, Tingkat 2A, Menara 2, MKBR, No. 33, Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur).**

Bersama ini, disertakan **Minit MAP Kali Ke-28/2024** yang telah disahkan oleh Anggota Jawatankuasa Menentusahkan Deraf Minit MAP Sekatarakyat Kali Ke-28 untuk makluman dan perhatian Tuan Haji selanjutnya.

Untuk makluman, **Jawatankuasa Menentusahkan Deraf Minit MAP Sekatarakyat Kali Ke-28/2024** terdiri daripada :-

| BIL | NAMA | NO. ANGGOTA | JAWATAN | NO. KAWASAN |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Datuk Mohamed Arsad Sehan | 530 | Pengerusi | ALP |
| 2 | Hasrul Liza Shah Rudin | 1291 | Setiausaha Kehormat | ALP |
| 3 | Mohd Salleh Mahmood | 2016 | Anggota Lembaga Pengarah | ALP |
| 4 | Abdul Lidzam Muhamad Alias | 1138 | Anggota Lembaga Pengarah | ALP |
| 5 | Nor Laily Nor Anuar | 1756 | Anggota Perwakilan | 1 |
| 6 | Haniza Ibrahim | 2002 | Anggota Perwakilan | 1 |
| 7 | Suhaimi Omar | 2023 | Anggota Perwakilan | 1 |
| 8 | Suhaimi Che Omar | 2192 | Anggota Perwakilan | 1 |
| 9 | Mohamad Rosli Md Ali | 4108 | Anggota Perwakilan | 1 |
| 10 | Zakaria Abdul Majid | 1236 | Anggota Perwakilan | 16 |

Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No.33, Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur
Tel: 03-22733314, 22733315, 22735024, 22738710
Faks: 03-22741314 Laman Web: www.sekatarakyat.com.my Emel: sekata@sekatarakyat.com.my

Sekiranya Tuan Haji mempunyai sebarang pertanyaan, bolehlah berhubung dengan **Encik Mohd Hafiz Bukhari (Eksekutif)** di talian **012-3591404** untuk keterangan lebih lanjut.

Kerjasama dan perhatian Tuan Haji amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

.....

**AHMAD ROZAMAN MOHD YUSOFF**
**Pengurus Besar**
mhb/neag/army

*S.k* : *Anis Syahira Azhar*
*Penolong Pengarah – Nasional F*
*SKM WP*

SEKATARAKYAT

(4958)

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

**KKBR / MenentusahkanMinitMAPKe-28 – 2024**

Tarikh :

RECEIVED
29 MAR 2024
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Wilayah Persekutuan

**Pengurus Besar**
**Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad**
**Sekatarakyat**
Tingkat 2A, Menara 2
Menara Kembar Bank Rakyat Berhad
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral
50470 Kuala Lumpur

*Assalamualaikum wbt,*
Tuan,

**MENENTUSAHKAN DERAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN SEKATARAKYAT KE-28 PADA 2 MAC 2024**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Untuk makluman, kami telah meneliti deraf **Minit Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Sekatarakyat Ke-28** yang telah diadakan pada **2 Mac 2024 (Sabtu)** di **Balai Tan Sri Sheikh Ahmad, Tingkat 3, Menara 1, MKBR, No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur.**

Sehubungan dengan itu, kami mengesahkan bahawa deraf minit tersebut adalah bertepatan dengan perkara-perkara yang telah dibincangkan dan diputuskan dalam MAP Ke-28 yang lalu.

| BIL | NO. ANGGOTA | KAWASAN | NAMA | JAWATAN | TANDATANGAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 530 | ALP | Datuk Mohamed Arsad Sehan | Pengerusi | |
| 2 | 1291 | ALP | Hasrul Liza Shah Rudin | Setiausaha Kehormat | |
| 3 | 2016 | ALP | Mohd Salleh Mahmood | Anggota Lembaga Pengarah | |
| 4 | 1138 | ALP | Abdul Lidzam Muhamad Alias | Anggota Lembaga Pengarah | |



Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No.33, Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur
Tel: 03-22733314, 22733315, 22735024, 22738710
Faks: 03-22741314 Laman Web: www.sekatarakyat.com.my Emel: sekata@sekatarakyat.com.my

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 5 | 1756 | 1 | Nor Laily Nor Anuar | Anggota Perwakilan | |
| 6 | 2002 | 1 | Haniza Ibrahim | Anggota Perwakilan | |
| 7 | 2023 | 1 | Suhaimi Omar | Anggota Perwakilan | |
| 8 | 2192 | 1 | Suhaimi Che Omar | Anggota Perwakilan | |
| 9 | 4108 | 1 | Mohamad Rosli Md Ali | Anggota Perwakilan | |
| 10 | 1236 | 16 | Zakaria Abdul Majid | Anggota Perwakilan | |

Sekian, terima kasih.

**Nota**

- ✓ Kawasan :
  - ALP : Anggota Lembaga Pengarah
  - 1 : Ibu Pejabat, Menara 1, MKBR
  - 16 : Banting

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**SEKATARAKYAT 4958**

## MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE-28/2024

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | **2 Mac 2024 (Sabtu)** |
| **Tempat** | : | **Balai Tan Sri Sheikh Ahmad**<br>**Tingkat 3, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat**<br>**No. 33, Jalan Rakyat**<br>**50470 Kuala Lumpur** |
| **Masa** | : | **10.40 – 11.33 pagi** |
| **Kehadiran** | : | **165 orang Anggota Perwakilan**<br>**(*Lampiran 1*)** |




**PERMULAAN MESYUARAT**

Pelantikan Pengerusi Mesyuarat dan Pencatat Minit

Sebelum mesyuarat dimulakan, Datuk Mohamed Arsad Sehan selaku Pengerusi Sekatarakyat memaklumkan kehadiran adalah mencukupi korum untuk meneruskan MAP 2024 dan seterusnya memperkenalkan barisan Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat, Jawatankuasa Audit Dalaman, Jawatankuasa Syariah dan barisan pengurusan Sekatarakyat.

Bagi melancarkan perjalanan mesyuarat, Pengerusi Sekatarakyat meminta perwakilan yang hadir untuk mencadangkan dan menyokong seorang perwakilan untuk menjadi Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke-28. En. Mohamad Rosli bin Md Ali (4108) dari Kawasan 1 telah mencadangkan Tn. Hj. Zakaria Abdul Majid (1236) dari Kawasan 16 dilantik sebagai Pengerusi Mesyuarat pada kali ini. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

Mesyuarat juga sebulat suara bersetuju mengekalkan Pengurus Sekatarakyat, Pn. Nor Elina Ab Ghani sebagai pencatat minit.

Pengerusi Sekatarakyat, Datuk Mohamed Arsad Sehan (530) seterusnya menjemput Tn. Hj. Zakaria Abdul Majid (1236) untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-28.

Tn. Hj. Zakaria Abdul Majid (1236) dari Kawasan 16 mengucapkan terima kasih atas pelantikan tersebut dan menyatakan akan menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan memohon agar semua perwakilan dapat memberikan kerjasama dari mula hingga mesyuarat selesai dengan penuh tertib dan bertanggungjawab.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
SEKATARAKYAT 4958

**PERKARA 1.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE-27**

1.1 Pengerusi Sekatarakyat, Datuk Mohamed Arsad Sehan membentangkan minit mesyuarat agung perwakilan yang lalu yang terdapat dalam buku mesyuarat dari muka surat MAP29 hingga MAP51. Minit tersebut telah ditentusahkan oleh jawatankuasa yang telah dilantik oleh mesyuarat agung perwakilan yang lalu.

1.2 En. Mohd Zuhaimi Bin Hussain (2020) dari Kawasan 30 mencadangkan minit mesyuarat agung perwakilan kali ke-27 diterima dan disahkan. En. Abdul Halim Bin Hasan (4241) dari Kawasan 1 menyokong cadangan tersebut. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

**PERKARA 2.0 MENIMBANG LAPORAN-LAPORAN LEMBAGA, JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN & SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA ATAS AKAUN-AKAUN TERAUDIT DAN LAPORAN LEMBAGA KOPERASI**

2.1 Pengerusi Sekatarakyat membentangkan laporan Lembaga Pengarah bagi tahun 2023 dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2023 seperti yang tertera dalam buku laporan tahunan di muka surat MAP52 hingga MAP152. Pengerusi Sekatarakyat turut memaklumkan pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atas akaun-akaun teraudit bagi tahun 2022 yang telah diterima selepas Mesyuarat Agung Perwakilan 2023 dijalankan dan juga pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atas akaun-akaun teraudit 2023 yang baru sahaja diperolehi dan telah diemelkan kepada para perwakilan pada 1 Mac 2024.

| Bil | Perkara | Kandungan | Mukasurat |
|---|---|---|---|
| 8 | 2 | Menimbang laporan-laporan Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman dan Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atas akaun-akaun teraudit dan Lembaga Koperasi | |
| | | 1) Laporan Lembaga Pengarah | MAP 55 – MAP 74 |
| | | a) Profil Anggota Lembaga Pengarah | MAP 76 – MAP 86 |
| | | b) Tugas dan Tanggungjawab Anggota Lembaga Pengarah | MAP 87 – MAP 89 |
| | | c) Senarai Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah dalam tahun 2023 | MAP 90 – MAP 93 |
| | | d) Senarai Mesyuarat Potfolio Lembaga Pengarah dalam tahun 2023 | MAP 94 – MAP 97 |
| | | e) Laporan Mesyuarat, Perbincangan & Lawatan Rasmi Anggota Lembaga Pengarah Sepanjang Tahun 2023 | MAP 98 |
| | | f) Laporan Lawatan Rasmi Hartanah Milik Sekatarakyat oleh Anggota Lembaga Pengarah Sepanjang Tahun 2023 | MAP 99 |

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**SEKATARAKYAT** 4958

| Bil | Perkara | Kandungan | Mukasurat |
|---|---|---|---|
| 8 | 2 | Menimbang laporan-laporan Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman dan Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atas akaun-akaun teraudit dan Lembaga Koperasi | |
| | | g) Laporan butir-butir perbelanjaan Lembaga dan bayaran kepada pihak individu Lembaga Pengarah Sekatarakyat dalam tahun 2023 | MAP 100 |
| | | h) Senarai Lembaga Pengarah menghadiri kursus / seminar / persidangan dalam tahun 2023 | MAP 101 – MAP 103 |
| | | i) Perancangan Jangka Masa Hadapan Sekatarakyat | MAP 104 – MAP 105 |
| | | j) Polisi Integriti | MAP 106 |
| | | k) *"Environmental, Social & Governance"* (ESG) | MAP 107 – MAP 108 |
| | | l) Laporan Jawatankuasa Pencalonan | MAP 110 |
| | | m) Laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko | MAP 112 – MAP 115 |
| | | n) Laporan Jawatankuasa Disiplin | MAP 117 – MAP 118 |
| | | o) Laporan Jawatankuasa Pelaburan | MAP 120 – MAP 123 |
| | | p) Laporan Jawatankuasa Imbuhan | MAP 125 – MAP 127 |
| | | q) Laporan Jawatankuasa Syariah | MAP 129 – MAP 132 |
| | | 2) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman 2023 | MAP 135 – MAP 140 |
| | | 3) Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia atas akaun teraudit pada 31 Disember 2023 | MAP 141 – MAP 152 |

2.2 Tn. Hj. Suhaimi Omar (2023) dari Kawasan 1 mencadangkan Perkara 2 seperti yang terdapat dalam buku laporan mesyuarat diterima dan cadangan beliau disokong oleh En. Anuar Bin Attan (1344) dari Kawasan 133. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

**PERKARA 3.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN-AKAUN TERAUDIT KOPERASI BERDAFTAR DAN SUBSIDIARI ATAU SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA, JIKA ADA, BERSAMA-SAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT.**

3.1 Pengerusi Sekatarakyat membentangkan serba sedikit berkenaan akaun-akaun teraudit bagi tahun 2023 yang telah diaudit oleh juruaudit luar iaitu Tetuan UHY sebelum menyerahkannya kepada Bendahari Kehormat Sekatarakyat iaitu Dato' Mustafha Abd. Razak untuk penerangan selanjutnya.

Page 3 of 21

3.2 Bendahari Kehormat, Dato' Mustafha Abd. Razak (2203) memberikan penerangan lanjut tentang akaun-akaun teraudit bagi tahun 2023 dan Laporan Juruaudit Koperasi seperti yang dinyatakan di muka surat MAP155 hingga MAP223 untuk diluluskan oleh mesyuarat seperti rumusan yang berikut:-

**a) Penyata Pendapatan – Rumusan**

## 1. PENYATA PENDAPATAN - RUMUSAN


| PERKARA/TAHUN | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 | 2023 | Beza Tahun 2023 vs 2022 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | RMJUTA | RMJUTA | RMJUTA | RMJUTA | RMJUTA | RMJUTA |
| Pendapatan | 61.69 | 60.41 | 60.83 | 79.32 | 110.24 | 30.92 |
| Kos Jualan | 26.85 | 26.32 | 23.66 | 32.41 | 55.53 | 23.12 |
| Keuntungan Kasar | 34.84 | 34.09 | 37.17 | 46.91 | 54.71 | 7.80 |
| Perbelanjaan am | 10.30 | 12.22 | 10.62 | 10.88 | 11.45 | 0.57 |
| Gaji dan perbelanjaan kakitangan | 4.91 | 6.14 | 6.81 | 9.21 | 11.85 | 2.64 |
| Keuntungan bersih sebelum Keuntungan & Hibah Deposit Anggota, Ibra' dan Cukai | 23.17 | 19.36 | 23.28 | 26.82 | 31.41 | 4.59 |
| Keuntungan Deposit Anggota | | | | 18.77 | -0.34 | -19.11 |
| Hibah Deposit Anggota | | | | 2.63 | | -2.63 |
| Ibra' | 3.54 | 3.63 | 3.54 | 3.71 | 3.72 | 0.01 |
| Keuntungan yang boleh dibahagikan | 19.63 | 15.73 | 19.74 | 1.71 | 28.03 | 26.32 |

**b) Penyata Kedudukan Kewangan – Aset**

## 2. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN - ASET


| PERKARA/TAHUN | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 | 2023 | Beza Tahun 2023 vs 2022 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | RMJUTA | RMJUTA | RMJUTA | RMJUTA | RMJUTA | RMJUTA |
| Pembiayaan Anggota | 354.3 | 349.1 | 326.3 | 348.3 | 392.7 | 44.4 |
| Pembiayaan Ar-Rahnu | 84.1 | 163.4 | 203.5 | 298.9 | 372.0 | 73.1 |
| Aset Lain | 150.1 | 102.4 | 127.4 | 429.6 | 475.8 | 46.2 |
| JUMLAH | 588.5 | 614.9 | 657.2 | 1,076.8 | 1,240.5 | 163.7 |

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
SEKATARAKYAT 4958










14

c) Penyata Kedudukan Kewangan – Kumpulan Wang Anggota & Liabiliti

## 2. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN - KUMPULAN WANG ANGGOTA & LIABILITI




15

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
SEKATARAKYAT 4958

d) Penyata Pembahagian Keuntungan – Keuntungan Yang Boleh Dibahagikan

## 3. AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN - KEUNTUNGAN YANG BOLEH DIBAHAGIKAN

| PERKARA/TAHUN | 2019 RMJUTA | 2020 RMJUTA | 2021 RMJUTA | 2022 RMJUTA | 2023 RMJUTA |
|---|---|---|---|---|---|
| Keuntungan bersih sebelum Keuntungan & Hibah Deposit Anggota, ibra' dan Cukai | 23.17 | 19.41 | 23.28 | 26.82 | 31.42 |
| Keuntungan Deposit Anggota | | | | 18.77 | (0.33) |
| Hibah Deposit Anggota | | | | 2.63 | |
| Ibra' | 3.54 | 3.63 | 3.54 | 3.71 | 3.72 |
| Keuntungan yang boleh dibahagikan | 19.63 | 15.78 | 19.74 | 1.71 | 28.03 |
| Pembahagian berkanun | 2.94 | 1.26 | 1.58 | 0.26 | 3.64 |
| Dividen anggota | 15.02 | 11.86 | 15.78 | 21.75 | 22.48 |
| Honararium Lembaga Pengarah | 0.13 | 0.13 | - | - | - |
| Tabung Khairat anggota | 0.31 | 0.27 | 0.35 | 0.01 | 0.47 |
| Tabung persaraan kakitangan | - | - | 0.35 | 0.25 | 0.25 |
| Peruntukan cukai tahun semasa | 0.90 | 0.88 | 0.60 | - | 0.70 |
| Peruntukan zakat tahun semasa | 0.27 | 0.15 | 0.13 | 0.24 | 0.11 |
| Jumlah Pembahagian | 23.11 | 18.18 | 22.33 | 26.22 | 31.37 |
| % Pembahagian Keuntungan | 99.74% | 93.66% | 95.92% | 97.76% | 99.84% |

e) Akaun Pembahagian Keuntungan – Pulangan Kepada Anggota

## 3. AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN - PULANGAN KEPADA ANGGOTA

| TAHUN | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 | 2023 |
|---|---|---|---|---|---|
| | RMJUTA | RMJUTA | RMJUTA | RMJUTA | RMJUTA |
| Keuntungan Deposit Anggota | | | | 18.78 | |
| Hibah Deposit Anggota | | | | 2.63 | |
| Tabung Khairat Anggota | .31 | .27 | .35 | .01 | .47 |
| Peruntukan Hari Raya | .52 | .80 | .84 | .86 | 1.47 |
| IBRA' | 3.54 | 3.63 | 3.54 | 3.71 | 3.72 |
| Peruntukan Dividen | 15.02 | 11.86 | 15.78 | .35 | 22.48 |
| Jumlah Peruntukan kepada Anggota | 19.40 | 16.56 | 20.51 | 26.34 | 28.15 |
| Keuntungan bersih sebelum Keuntungan & Hibah Deposit Anggota, Ibra' dan Cukai | 23.17 | 19.36 | 23.28 | 26.82 | 31.42 |
| Peratusan Jumlah Peruntukan Kepada Anggota | 84% | 86% | 88% | 98% | 90% |


* Ibra' dicampur balik kepada keuntungan sebelum cukai

Nota:-
Baki tabung

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Tabung Khairat Anggota | 1,470,777 | 1,636,829 | 1,722,466 | 1,565,376 | 1,885,119 |
| Tabung Saguhati Pendidikan Lanjutan | 2,184,113 | 2,152,113 | 2,059,613 | 2,013,613 | 1,977,813 |

f) **Akaun Pembahagian Keuntungan – Cadangan Dividen Modal Yuran & Syer dan Keuntungan & Hibah Deposit Anggota**

## 3. AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN - CADANGAN DIVIDEN MODAL YURAN & SYER DAN KEUNTUNGAN & HIBAH DEPOSIT ANGGOTA




3.3 Bendahari Kehormat, Dato' Mustafha Abd. Razak (2203) turut memaklumkan jumlah pendapatan Sekatarakyat melebihi RM100 juta buat pertama kali semenjak beroperasi.

3.4 En. Saiful Azman Amat (2103) dari Kawasan 124 mencadangkan akaun-akaun teraudit Sekatarakyat bersama-sama dengan laporan juruaudit diluluskan dan cadangan beliau disokong oleh En. Ahmad Shukri Mansor (2103) dari Kawasan 147. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

**PERKARA 4.0 MEMILIH ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA**

4.1 Pengerusi Sekatarakyat memaklumkan, SKM telah menentusahkan 4 orang calon yang berikut sebagai "layak dan sesuai" untuk dilantik atau dilantik semula sebagai Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat :-

| BIL | NAMA CALON SAH | NO ANGGOTA | KAWASAN |
|---|---|---|---|
| 1 | HASRUL LIZA BINTI SHAH RUDIN | 1291 | Lembaga Pengarah |
| 2 | SALIMAN BIN ZAINAL | 955 | Lembaga Pengarah |
| 3 | MOHAMAD SABRI BIN MOHAMED NOR | 753 | Lembaga Pengarah |
| 4 | SUHAIMI BIN CHE OMAR | 2192 | 1 |

4.2 Pengerusi Sekatarakyat turut memperkenalkan kesemua calon dan memohon para perwakilan untuk memilih tidak lebih daripada 3 orang calon dengan menandakan pada kotak yang disediakan pada kertas undi. Para perwakilan diberikan tempoh selama 10 minit bagi tujuan tersebut.

4.3 Keputusan undian disahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalam iaitu Tn. Hj. Nazarudin Zainal Abidin yang dibantu oleh En. Ismarazi Ismail dan Tn. Hj. Mohd Arief Azree Tun Arifin selaku Anggota Jawatankuasa Audit Dalam.

4.4 Seramai 165 orang perwakilan bersamaan dengan 100% daripada jumlah perwakilan yang hadir telah mengundi dengan keputusan undian seperti yang berikut :-

a) HASRUL LIZA SHAH RUDIN (1291) - 151 undian
b) SALIMAN ZAINAL (955) - 127 undian
c) MOHAMAD SABRI MOHAMED NOR (753) - 109 undian
d) SUHAIMI CHE OMAR (2192) - 107 undian

4.5 Tiga orang Anggota Lembaga Pengarah yang terpilih dan dilantik/dilantik semula sebagai Anggota Lembaga Pengarah adalah seperti yang berikut :-

a) HASRUL LIZA SHAH RUDIN (1291)
b) SALIMAN ZAINAL (955)
c) MOHAMAD SABRI MOHAMED NOR (753)

4.6 Pengerusi Mesyuarat mengucapkan tahniah kepada calon-calon yang dilantik/dilantik semula sebagai Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat.

**PERKARA 5.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN TAHUNAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2024**

5.1 Bendahari Kehormat membentangkan dan memberikan penerangan berkenaan belanjawan bagi tahun kewangan 2024 seperti yang terdapat dalam buku laporan dari muka surat MAP227 hingga MAP248 dengan rumusan seperti yang berikut:-



5.2 Bendahari Kehormat turut memaklumkan tentang tawaran pembiayaan Jubli Emas pada kadar 3% dengan jumlah pembiayaan maksimum RM100,000.00 untuk tempoh 10 tahun. Tawaran pembiayaan Jubli Emas akan bermula pada 4 Mac 2024 sehingga 31 Disember 2024.

Selain itu, Bendahari Kehormat juga memaklumkan tentang tawaran pembiayaan kenderaan (termasuk basikal) pada kadar antara 3.5% sehingga 5% (0% untuk RM5,000.00 pertama) dengan jumlah pembiayaan maksimum RM50,000.00 untuk tempoh 7 tahun.

5.3 En. Khairul Na'im Bin Aripan @ Arifin (5707) dari Kawasan 2 mencadangkan belanjawan tahunan bagi tahun kewangan 2024 diluluskan. En. Abdul Halim Bin Hasan (4241) dari Kawasan 1 menyokong cadangan tersebut. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

**PERKARA 6.0 MELULUSKAN ELAUN-ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA, JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN, JAWATANKUASA SYARIAH DAN SARAAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA YANG DILANTIK SEBAGAI PENGARAH SUBSIDIARI ATAU SUBSIDIARI-SUBSIDIARI KOPERASI ITU, JIKA ADA**

6.1 Pengerusi Sekatarakyat memaklumkan kepada mesyuarat, bahawa Lembaga Pengarah memohon kelulusan mesyuarat agung perwakilan bagi 5 cadangan dan membentangkan satu pemakluman seperti yang dibentangkan dalam buku mesyuarat dari muka surat MAP250 sehingga MAP270 seperti yang berikut :-

a) <u>Cadangan Elaun Mesyuarat Lembaga Pengarah</u>

Cadangan bayaran elaun mesyuarat pada kadar RM200.00 seorang bagi satu mesyuarat, tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM1,000.00 seorang sebulan kepada sembilan (9) orang Anggota Lembaga Pengarah bagi tahun 2024.

b) <u>Cadangan Elaun Tetap Anggota Lembaga Pengarah</u>

Cadangan jumlah bayaran elaun tetap dikekalkan kepada RM1,500.00 sebulan bagi seorang Anggota Lembaga Pengarah bagi tahun 2024.

c) Cadangan Elaun Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman

Cadangan bayaran elaun Jawatankuasa Audit Dalaman dikekalkan iaitu sebanyak RM1,100.00 seorang bagi setiap kali tugas pengauditan tertakluk kepada jumlah maksimum RM4,400.00 seorang setahun.

d) Cadangan Elaun Anggota Jawatankuasa Syariah

Cadangan bayaran elaun Jawatankuasa Syariah dikekalkan iaitu sebanyak RM1,100.00 seorang bagi setiap kali tugas pengauditan tertakluk kepada jumlah maksimum RM4,400.00 seorang setahun.

e) Makluman Elaun kepada Anggota Lembaga Pengarah Yang Dilantik Sebagai Pengarah Dalam Syarikat Bersekutu

Pengerusi Sekatarakyat memaklumkan bahawa Sekata Panacom Sdn. Bhd., iaitu syarikat usahasama antara Sekatarakyat dengan Syarikat Panacom Sales & Services Sdn. Bhd. telah meluluskan bayaran elaun tahunan sebanyak RM1,000.00 kepada Pengarah Syarikatnya bagi tahun 2023. Beliau selaku wakil Sekatarakyat dalam lembaga pengarah syarikat usahasama tersebut layak menerima elaun itu. Bagaimanapun, beliau telah memilih untuk menyerahkan wang elaun tersebut kepada Sekatarakyat dan Sekatarakyat telahpun menerima wang itu.

f) Cadangan Perbelanjaan Takaful Group Hospital & Surgical Dan Rawatan Pesakit Luar Bagi Anggota Lembaga Pengarah

Cadangan kemudahan berkenaan Takaful Group Hospital & Surgical dan rawatan pesakit luar melibatkan perbelanjaan tidak melebihi RM26,550.00 setahun bagi enam orang anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat yang telah bersara daripada perkhidmatan Bank Rakyat dan tiada skim perlindungan.

6.2 Pn. Hjh. Suaina Abd Ghani (336) dari Kawasan 3 mencadangkan agar kesemua cadangan yang dibentangkan diluluskan manakala pemakluman yang dibuat diterima.

6.3 Tn. Hj. Abu Talib Bin Haron (1407) dari Kawasan 98 menyokong cadangan tersebut. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan 5 cadangan yang dibentangkan dan mengambil maklum atas pemakluman ini.

**PERKARA 7.0 MELULUSKAN PELANTIKAN SUATU PANEL YANG TERDIRI TIDAK KURANG DARIPADA DUA FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN**

7.1 Pengerusi Sekatarakyat membentangkan cadangan Lembaga Pengarah supaya Mesyuarat memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk melantik satu panel untuk mengaudit akaun-akaun Sekatarakyat bagi tahun 2024 seperti yang dicadangkan di muka surat MAP272.

7.2 Tn. Hj. Suhaimi Omar (2023) dari Kawasan 1 mencadangkan Lembaga Pengarah diberi kuasa melantik satu firma audit yang berkelayakan untuk mengaudit akaun Sekatarakyat bagi tahun kewangan 2024. En. Jafri Abu Bakar (2185) dari Kawasan 59 menyokong cadangan tersebut. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

**PERKARA 8.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN DARIPADA WANG BERLEBIHAN KOPERASI**

8.1 Pengerusi Sekatarakyat menjelaskan bahawa seperti tahun-tahun yang lalu, Lembaga Pengarah mencadangkan supaya Mesyuarat memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah bagi menentukan skop dan had pelaburan daripada wang berlebihan koperasi, seperti yang terdapat di muka surat MAP274 hingga MAP275.

8.2 Tn. Hj. Suhaimi Omar (2023) dari Kawasan 1 mencadangkan Lembaga Pengarah diberi kuasa menentukan skop dan had pelaburan daripada wang berlebihan koperasi bagi tahun kewangan 2024. En. Saiful Azman Amat (2103) dari Kawasan 124 menyokong cadangan tersebut. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

**PERKARA 9.0 MENETAPKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI**

9.1 Pengerusi Sekatarakyat membentangkan cadangan Lembaga Pengarah untuk kelulusan mesyuarat supaya had keterhutangan koperasi dikekalkan sebanyak RM1.6 bilion, seperti yang terdapat di muka surat MAP277 hingga MAP278 dalam buku mesyuarat.

9.2 Tn. Hj. Suhaimi Omar (2023) dari Kawasan 1 mencadangkan had keterhutangan koperasi dikekalkan kepada RM1.6 bilion. En. Mohamad Rosli Md Ali (4108) dari Kawasan 1 menyokong cadangan tersebut. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
SEKATARAKYAT 4958

**PERKARA 10.0 MELANTIK SUATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA 6 ORANG PERWAKILAN DAN 4 ORANG ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN**

10.1 Pengerusi Sekatarakyat membentangkan cadangan Lembaga Pengarah untuk kelulusan mesyuarat supaya 10 orang anggota yang berikut dilantik sebagai Anggota Jawatankuasa Penentusahan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan ini, seperti yang terdapat di muka surat MAP280 dalam buku mesyuarat, seperti yang berikut:-

| BIL | NAMA PERWAKILAN | NO. ANGGOTA | KAWASAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Pengerusi Sekatarakyat | - | ALP |
| 2 | Setiausaha Kehormat | - | ALP |
| 3 | Mohd Salleh Mahmood | 2016 | ALP |
| 4 | Abdul Lidzam Muhamad Alias | 1138 | ALP |
| 5 | Nor Laily Nor Anuar | 1756 | 1 |
| 6 | Haniza Ibrahim | 2002 | 1 |
| 7 | Suhaimi Omar | 2023 | 1 |
| 8 | Suhaimi Che Omar | 2192 | 1 |
| 9 | Mohamad Rosli Md Ali | 4108 | 1 |
| 10 | Pengerusi Mesyuarat | - | - |

10.2 Tn. Hj. Najib Fahmy Hamzah (109) dari Kawasan 3 mencadangkan cadangan tersebut diluluskan. En. Badli Sham Bin Abu Bakar (1462) dari Kawasan 31 menyokong cadangan tersebut. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan pelantikan 10 orang yang tersebut di atas bagi menganggotai jawatankuasa yang akan menentusahkan deraf minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke-28.

**PERKARA 11.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN TAHUN KEWANGAN 2023**

11.1 Berdasarkan kepada prestasi kewangan Sekatarakyat bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2023, Pengerusi Sekatarakyat membentangkan cadangan Lembaga Pengarah bagi pembahagian keuntungan untuk diluluskan oleh mesyuarat seperti yang berikut :-

1. <u>Cadangan Tabung Persaraan Kakitangan</u>

   Lembaga Pengarah mencadangkan peruntukan bagi Tabung Persaraan Kakitangan berjumlah RM253,000.00 untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh mesyuarat.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
SEKATARAKYAT 4958

Cadangan ini terdapat di muka surat MAP282 hingga MAP283 dalam buku mesyuarat.

2. Cadangan Tabung Kebajikan dan Khairat Anggota

Lembaga Pengarah mencadangkan pindahan berjumlah RM471,643.00 daripada keuntungan bersih ke Tabung Kebajikan dan Khairat Anggota. Cadangan ini terdapat di muka surat MAP283 hingga MAP284 dalam buku mesyuarat.

3. Cadangan Bayaran Dividen

Lembaga Pengarah mencadangkan bayaran dividen sebanyak 13% berjumlah tidak lebih daripada RM22,480,283.00 dibayar atas yuran dan syer anggota yang layak bagi tahun kewangan 2023. Cadangan ini terdapat di muka surat MAP284 hingga MAP285 dalam buku mesyuarat.

11.2 Pn. Hjh. Noorraihan Hassan (4335) dari Kawasan 3 mencadangkan cadangan pembahagian keuntungan bagi Tabung Persaraan Kakitangan, Tabung Kebajikan dan Khairat Anggota serta Dividen diluluskan. Pn. Hjh. Zaliha Sopar (137) dari Kawasan 3 menyokong cadangan tersebut dan mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan yang dibentangkan itu.

**PERKARA 12.0 MENGISYTIHAR ATAU MENERBITKAN SYER-SYER BONUS**

Tiada.

**PERKARA 13.0 MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA URUSAN LAIN KOPERASI YANG SUATU NOTIS YANG TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI TELAH DIBERIKAN**

Tiada.

**PERKARA 14.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA CADANGAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI**

14.1 Pengerusi membentangkan cadangan Lembaga Pengarah untuk kelulusan mesyuarat bagi meminda Undang-Undang Kecil (UUK) Sekatarakyat dengan mewujudkan tambahan aktiviti di Perkara 9 (1) (j hingga r), seperti yang terdapat di muka surat MAP290 hingga MAP292 dalam buku mesyuarat.

14.2 Terdapat 9 aktiviti sedia ada dalam UUK Sekatarakyat dan 9 tambahan aktiviti di Perkara 9 (1) adalah seperti yang berikut :-

| ASAL | CADANGAN TAMBAHAN |
|---|---|
| Melibatkan 9 perkara bermula "a hingga i" | Tambahan 9 aktiviti seperti yang berikut:<br>j) menjalankan aktiviti perniagaan makanan, penyajian, restoran, kafeteria,pembekalan makanan dan minuman, dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan;<br>k) menjalankan aktiviti perniagaan taman asuhan kanak-kanak, membuka sekolah/institut pendidikan swasta;<br>l) menjalankan aktiviti perniagaan perkhidmatan pelancongan, perhotelan, rumah peranginan dan aktiviti berkaitan dengannya;<br>m) menjalankan perniagaan pengurusan acara dan majlis, aktiviti kursus, latihan dan perundingan<br>n) menjalankan perniagaan Farmasi;<br>o) menjalankan kegiatan pengguna termasuk kedai runcit dan serbaneka, pasar mini, pasar hyper dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengannya seperti perolehan, pengurusan stok dan jualan barangan pengguna;<br>p) menjalankan aktiviti perkhidmatan takaful;<br>q) menjalankan perkhidmatan perniagaan dobi, pejabat, bangunan dan lain-lain berkaitan;dan<br>r) perkhidmatan,penyewaan dan pengurusan tempat letak kereta |

14.3 Pengerusi turut membentangkan cadangan Lembaga Pengarah untuk kelulusan mesyuarat bagi mewujudkan Aturan Aktiviti Ar Rahnu atas saranan pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia sepertimana yang terkandung di dalam Undang-Undang Kecil Koperasi (UKK) dan para 8 (b) Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 2 Tahun 2022 Aktiviti Pajak Gadai Islam (Ar Rahnu), seperti yang terdapat di muka surat MAP294 hingga MAP355 dalam buku mesyuarat.

14.4 Aturan ini diwujudkan sebagai garis panduan kepada Sekatarakyat bagi menjalankan aktiviti Pajak Gadai Islam ( Ar Rahnu).

| Perkara | Asal | Pindaan |
|---|---|---|
| Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Tiada | Menerangkan tentang segala Aturan Aktiviti Ar Rahnu (Garis Panduan Operasi) – Lampiran 1 |

14.5 Kandungannya adalah seperti yang berikut :-

a) Tajuk
b) Objektif
c) Definisi

d) Sumber dan kegunaan kewangan
e) Pentadbiran dan Pengurusan
f) Proses aliran kerja
g) Pentadbiran dan Pengurusan
h) Proses aliran kerja (proses Ar Rahnu dan mengenali penggadai)
i) Tugas-tugas, tanggungjawab dan kuasa pihak yang terlibat
j) Pengurusan kewangan, risiko dan audit.

14.6 Cadangan Aturan ini adalah sama seperti di Garis Panduan Operasi yang disediakan oleh pihak Rakyat Management Services (RMS) yang bertindak sebagai Francaisor.

14.7 Aturan Aktiviti Ar Rahnu ini terpakai tertakluk kepada sebarang perubahan Garis Panduan Operasi yang ditetapkan oleh Rakyat Management Services (RMS) selaku francaisor.

14.8 Tn. Hj. Suhaimi Omar (2023) dari Kawasan 1 mencadangkan cadangan meminda Undang-Undang Kecil (UUK) Sekatarakyat dengan mewujudkan tambahan aktiviti di Perkara 9 dan cadangan mewujudkan Aturan Aktiviti Ar Rahnu diluluskan. En. Ahmad Adha Bin Rahim (4723) dari Kawasan 102 menyokong cadangan tersebut. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan yang dibentangkan itu.

**PERKARA 15.0 MENDENGAR DAN MEMUTUSKAN APA-APA ADUAN, YANG SUATU NOTIS YANG TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI TELAH DIBERIKAN KEPADA SEKATARAKYAT, YANG DIKEMUKAKAN OLEH ANGGOTA YANG TERKILAN DENGAN KEPUTUSAN LEMBAGA PENGARAH SEKATARAKYAT**

Tiada.

**PERKARA 16.0 MELULUSKAN APA-APA PERBELANJAAN BAGI PELANTIKAN ORANG-ORANG YANG KOMPETEN UNTUK MEMBANTU JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

16.1 Pengerusi Sekatarakyat membentangkan cadangan Lembaga Pengarah untuk kelulusan mesyuarat supaya sejumlah RM90,000.00 setahun diperuntukkan bagi melantik orang-orang yang kompeten bagi membantu Jawatankuasa Audit Dalaman Sekatarakyat, seperti yang dibentangkan di muka surat MAP358 hingga MAP359.

16.2 Tn. Hj. Suhaimi Omar (2023) dari Kawasan 1 mencadangkan peruntukan perbelanjaan sebanyak RM90,000.00 setahun bagi melantik orang-orang yang kompeten bagi membantu

Jawatankuasa Audit Dalaman Sekatarakyat seperti yang dibentangkan diluluskan.

16.3 En. Azlan Bin Mohamad (2050) dari Kawasan 72 menyokong cadangan tersebut. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan yang dibentangkan itu.

**PERKARA 17.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA LAPORAN YANG HENDAK DIKEMUKAKAN MENURUT PERATURAN-PERATURAN**

Tiada.

**UCAPAN PENANGGUHAN**

Pengerusi Mesyuarat, Tn. Hj. Zakaria Abdul Majid (1236) mengucapkan terima kasih kepada anggota-anggota perwakilan yang telah memberi kepercayaan kepada beliau untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-28 serta memohon maaf sekiranya terdapat sebarang kekurangan semasa beliau menjalankan tugas tersebut. Beliau juga merakamkan penghargaan atas segala kerjasama yang telah diberikan oleh anggota perwakilan bagi membolehkan Mesyuarat kali ke-28 berjalan dengan lancar. Beliau juga berpandangan Lembaga Pengarah Sekatarakyat telah menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab dengan baik berdasarkan pembentangan laporan sepanjang mesyuarat agung perwakilan berjalan.

Pengerusi Sekatarakyat, Datuk Mohamed Arsad Sehan (530) merakamkan penghargaan kepada Pengerusi Mesyuarat kerana telah menjalankan tugas dengan baik sepanjang Mesyuarat kali ke-28 dijalankan. Beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada anggota-anggota perwakilan kerana telah memberi kerjasama yang baik sepanjang mesyuarat dijalankan.

Pengerusi Sekatarakyat juga menyatakan bayaran dividen sebanyak 10% yang telah diluluskan akan dibayar secara berperingkat mulai jam 6 petang pada hari yang sama manakala elaun perwakilan dan elaun makan (jumlah mengikut kawasan) akan dibayar pada 4 Mac 2024.

Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-28 ditangguhkan pada jam 11.33 pagi.

**Disediakan oleh :**

**Nor Elina Ab Ghani**
**Pencatat Minit MAP 2024**

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
SEKATARAKYAT 4958

*LAMPIRAN 1*

**SENARAI KEHADIRAN PERWAKILAN**

| BIL | NAMA PERWAKILAN | NO. ANGGOTA | NO. KAWASAN | NAMA KAWASAN |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Abd Rashid Bin Mohd Noor | 1866 | 101 | Pasir Mas |
| 2 | Abd Razak Bin Abd Rahman | 96 | 3 | Anggota Bersara |
| 3 | Abd Razak Bin Embong | 2064 | 67 | Kuala Krai |
| 4 | Abd Razak Bin Mohd Atan | 2839 | 91 | Melaka |
| 5 | Abdul Halim Bin Hasan | 4241 | 1 | Ibu Pejabat, Menara 1, MKBR, Jalan Rakyat |
| 6 | Abdul Lidzam Bin Muhamad Alias | 1138 | ALP | Anggota Lembaga Pengarah |
| 7 | Abg Rashidi Bin Abg Omar Ali | 2928 | 111 | Pusat Pembiayaan Auto Kuching, Pejabat Wilayah Sarawak & Pusat Perbankan Perniagaan Sarawak |
| 8 | Abu Talib Bin Haron | 1407 | 98 | Muar |
| 9 | Ahmad Adha Bin Rahim | 4723 | 102 | Pekan |
| 10 | Ahmad Muzakkir Bin Mohd Suffian | 4567 | 21 | Bentong |
| 11 | Ahmad Shukri Bin Mansor | 2303 | 147 | Tanjung Malim |
| 12 | Ahmad Zaidu Bin Batiman | 5081 | 29 | Dungun |
| 13 | Ahmad Zaki Bin Ismail | 3448 | 115 | Pusat Pembiayaan Auto, Shah Alam & Shah Alam |
| 14 | Al Amieshga Bin Ahmad Basir | 3230 | 79 | Lahad Datu, SBW Lahad Datu & Semporna |
| 15 | Amin Norrashid Bin Abu Hanipah | 3202 | 109 | Pusat Pembiayaan Auto, Jalan Ipoh & SBW Jalan Ipoh, Kuala Lumpur |
| 16 | Amirul Faiz Bin Nor | 5498 | 151 | Pusat Pembiayaan Auto, Seberang Jaya |
| 17 | Amran Bin Yahya | 1686 | 139 | Tanah Merah |
| 18 | Anoor Faridah Binti Ngah | 718 | 3 | Anggota Bersara |
| 19 | Anuar Bin Attan | 1344 | 133 | Sungai Buloh & SBW Sungai Buloh |
| 20 | Asa Farhani Binti Abdullah | 8400 | 63 | Kota Sentosa & Simpang Tiga |
| 21 | Azfarizad Bin Sani | 6108 | 42 | Jelutong & Pendang |
| 22 | Aziah Binti Ahmad | 863 | 3 | Anggota Bersara |
| 23 | Azlan Bin Mohammad | 2050 | 72 | Kuala Terengganu |
| 24 | Azri Bin Mohamed | 4306 | 97 | Muadzam Shah |
| 25 | Azrul Bin Azyan | 4238 | 83 | Lukut |
| 26 | Badli Sham Bin Abu Bakar | 1462 | 31 | Gerik |
| 27 | Bukhori Bin Che Mat | 2302 | 113 | Seberang Jaya |
| 28 | Che Wan Ismail Bin Che Nordin | 5018 | 68 | Kuala Lipis |
| 29 | Din Bin Dacha | 8301 | 80 | Langkawi |
| 30 | Fairuz Bin Zaharuddin | 4841 | 140 | Tapah |
| 31 | Faisal Bin Hamdan | 3809 | 128 | SBW Senawang & Senawang |
| 32 | Faishal Bin Salleh | 2964 | 132 | Sibu |
| 33 | Halijah Binti Din | 3723 | 3 | Anggota Bersara |

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**SEKATARAKYAT 4958**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 34 | Hanison Binti Abd Manap | 1352 | 108 | Puchong |
| 35 | Haniza Binti Ibrahim | 2002 | 1 | Ibu Pejabat, Menara 1, MKBR, Jalan Rakyat |
| 36 | Harizan Bin Abd Aziz | 2076 | 25 | Cyberjaya |
| 37 | Hasnul Hadi Bin Yusoff | 1688 | 73 | Kuantan & Pusat Perbankan Perniagaan, Pahang |
| 38 | Hasrul Liza Binti Shah Rudin | 1291 | ALP | Anggota Lembaga Pengarah |
| 39 | Ibrahim Bin Ahmad | 3865 | 136 | Sungai Petani & Pusat Perbankan Perniagaan (Kedah / P. Pinang / Perlis) |
| 40 | Ibrahim Bin Harun | 2054 | 52 | Kemaman |
| 41 | Ikmal Hisyam Bin Lokman Hakim | 5290 | 70 | Kuala Pilah |
| 42 | Intan Hamiza Binti Mohamad Izahari | 3158 | 123 | Shamelin & SBW Shamelin |
| 43 | Iskandar Bin Juatan | 2856 | 60 | Kota Kinabalu |
| 44 | Izlishah Bin Ishak | 1594 | 76 | Kulim |
| 45 | Jafri Bin Abu Bakar | 2185 | 59 | Kota Bharu |
| 46 | Khairul Fizree Bin Kamarudin | 4859 | 48 | Kajang |
| 47 | Khairul Na'im Bin Aripan @ Arifin | 5707 | 2 | Syarikat Subsidiari, Ibu Pejabat, Menara 2, MKBR, Jalan Rakyat |
| 48 | Khairul Nizam Bin Ab Kadir | 4188 | 35 | Gua Musang |
| 49 | Kyairul Jemmy Bin Man | 2382 | 7 | Arau |
| 50 | Masitah Binti Maskan | 2264 | 88 | Masjid Tanah |
| 51 | Md Fariz Saiful Reza Bin Md Fazeli | 3623 | 100 | Nusajaya & Pejabat Wilayah Johor |
| 52 | Md Jeffery Bin Hismali | 6347 | 81 | Likas & Pusat Pembiayaan Auto, Likas |
| 53 | Mohamad Hilmi Bin Sharif | 7417 | 1 | Ibu Pejabat, Menara 1, MKBR, Jalan Rakyat |
| 54 | Mohamad Ikhwan Bin Mohamed Azahar | 5376 | 143 | Temerloh & SBW Mentakab |
| 55 | Mohamad Khairi Bin Abdullah | 1507 | 57 | Kluang |
| 56 | Mohamad Khairi Bin Khalid | 5469 | 116 | Putrajaya |
| 57 | Mohamad Nizam Bin Mohamad Karim | 4469 | 15 | Bangsar Baru |
| 58 | Mohamad Rosli Bin Md Ali | 4108 | 1 | Ibu Pejabat, Menara 1, MKBR, Jalan Rakyat |
| 59 | Mohamad Sabri Bin Mohamed Nor | 753 | ALP | Anggota Lembaga Pengarah |
| 60 | Mohamad Thuairi Bin Mohamad Tayeb | 2167 | 71 | Kuala Selangor & Tanjung Karang |
| 61 | Mohamed Arsad Bin Sehan | 530 | ALP | Anggota Lembaga Pengarah |
| 62 | Mohamed Kawi Bin Nong | 1339 | 19 | Bandar Indera Mahkota |
| 63 | Mohammad Izwan Bin Zainal | 5173 | 121 | Segamat |
| 64 | Mohammad Zulhusni Bin Mohammad Sallehuddin | 5782 | 135 | Sungai Besar |
| 65 | Mohd Akhyar Bin Mustaffa | 5094 | 33 | Gong Badak & Pejabat Wilayah (Terengganu/Kelantan) |

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
SEKATARAKYAT 4958

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 66 | Mohd Ashid Bin Puasa | 2176 | 146 | Taman Universiti & Pusat Pemprosesan Hartanah Wilayah Johor |
| 67 | Mohd Azam Bin Mokhtar | 2133 | 27 | Desa Pandan |
| 68 | Mohd Azizi Bin Isthnin | 5534 | 148 | Yong Peng |
| 69 | Mohd Faizal Bin Aziz | 4537 | 11 | Baling |
| 70 | Mohd Farouk Bin Abdul Rahim | 3505 | 90 | Medang Gopeng |
| 71 | Mohd Feroz Naimullah Bin Mohd Fasor | 5120 | 61 | Kota Marudu |
| 72 | Mohd Fikry Affendi Bin Md Yusuf | 7339 | 127 | Selayang |
| 73 | Mohd Firdaus Bin Abdul Rahman | 4525 | 6 | Ampang |
| 74 | Mohd Fitri Bin Abd Rahim | 4697 | 85 | Manjung |
| 75 | Mohd Fitri Bin Hamzah | 5598 | 46 | Jitra |
| 76 | Mohd Hafiz Bin Perkaseh | 5660 | 141 | Tawau |
| 77 | Mohd Hafiz Bin Saarani | 5560 | 69 | Kuala Nerang |
| 78 | Mohd Hanif Bin Ahmad | 3726 | 105 | Pontian |
| 79 | Mohd Khairul Fithri Bin Mustapa | 2292 | 104 | PJ State & Seksyen 14, Petaling Jaya |
| 80 | Mohd Khuzaini Bin Ab Ghani | 1815 | ALP | Anggota Lembaga Pengarah |
| 81 | Mohd Muazam Bin Mohd Zin | 5970 | 32 | GLO Damansara |
| 82 | Mohd Mudzafar Bin Mohd Mokhtar | 4664 | 106 | Port Klang |
| 83 | Mohd Muhaidir Bin Mohd Noor | 4425 | 129 | Serdang Raya |
| 84 | Mohd Noor Bin Hassan | 4720 | 26 | Damansara Aliff |
| 85 | Mohd Raffi Bin Jamaluddin | 5839 | 53 | Keningau |
| 86 | Mohd Rizalmie B Mohd Rangzazi | 4264 | 122 | Pejabat Wilayah Pahang & SBW Kuantan |
| 87 | Mohd Salleh Bin Mahmood | 2016 | ALP | Anggota Lembaga Pengarah |
| 88 | Mohd Shaifuddin Bin Abdullah | 2013 | ALP | Anggota Lembaga Pengarah |
| 89 | Mohd Shazly Bin Zainoddin | 2465 | 117 | Rawang |
| 90 | Mohd Zain Bin Mohd Salleh | 2715 | 107 | Presint 15 Putrajaya & SBW Presint 8, Putrajaya |
| 91 | Mohd Zayani Bin Ismail | 4305 | 47 | Johor Bahru |
| 92 | Mohd Zuhaimi Bin Hussain | 2020 | 30 | Georgetown |
| 93 | Mohd Zulhaidie Bin Mohd Fadhil @ Antum | 5696 | 89 | Matang Jaya & SBW Matang Jaya |
| 94 | Mohd Zulkhairi Bin Zakaria | 3822 | 152 | SBW Kubang Kerian & Pusat Perbankan Perniagaan (Kelantan / Terengganu) |
| 95 | Mohd Zulkifli Bin Yusof | 1843 | 145 | Wakaf Che Yeh |
| 96 | Muaz Razzie Bin Roslan | 3869 | 56 | Kerteh |
| 97 | Muhamad Johary Bin Abdul Jalil | 6137 | 2 | Syarikat Subsidiari, Ibu Pejabat, Menara 2, MKBR, Jalan Rakyat |
| 98 | Muhamad Noor Fauzi Bin Mohd Amin | 7367 | 75 | Kulai & SBW Kulai |
| 99 | Muhamad Rizwan Bin Md Desa | 3575 | 5 | Alor Setar & Pejabat Wilayah (Kedah / P. Pinang / Perlis) |
| 100 | Muhamad Zazwan Bin Shaari | 5525 | 65 | Kuala Berang & SBW Kuala Terengganu |
| 101 | Muhammad Amirul Farid Bin Ahmad | 8795 | 142 | Teluk Intan & SBW Teluk Intan |

## KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
## SEKATARAKYAT 4958

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 102 | Muhammad Bazli Bin Aloha | 7028 | 99 | Nilai |
| 103 | Muhammad Fitri Firdaus Bin Mohammad Nazir | 7235 | 131 | Setapak |
| 104 | Muhammad Helmi Bin Mohd Zin | 4186 | 94 | Mersing |
| 105 | Muhammad Mahadi Bin Abdul | 4583 | 18 | Bayan Baru |
| 106 | Muhammad Saifuddin Amin Bin Kamarudin | 8682 | 64 | Kota Tinggi |
| 107 | Muhammad Shahir Bin Mahmood | 4052 | 125 | Seksyen 23, Shah Alam & SBW Shah Alam |
| 108 | Muhammad Suhaimi Bin Ahmad Hotib | 5624 | 17 | Batu Pahat |
| 109 | Muhammad Syamin Bin Saharudin | 3536 | 41 | Jawi |
| 110 | Muhammad Takradi Bin Koliman | 3907 | 22 | Bera & Raub |
| 111 | Muhammad Zahir Bin Mohd Zaini | 6294 | 134 | Subang Perdana |
| 112 | Muhammad Zulsafwan Bin Mohd Arif | 4867 | 119 | Sandakan |
| 113 | Muhd Kamal Bin Atan | 4782 | 87 | Masai |
| 114 | Muslee Bin Nillah | 2972 | 58 | Kota Belud |
| 115 | Mustafha Bin Abd Razak | 2203 | ALP | Anggota Lembaga Pengarah |
| 116 | Muzailida Binti Ahmad Basri | 2256 | 1 | Ibu Pejabat, Menara 1, MKBR, Jalan Rakyat |
| 117 | Nadeela Binti Jamil | 3261 | 1 | Ibu Pejabat, Menara 1, MKBR, Jalan Rakyat |
| 118 | Najib Fahmy Bin Hamzah | 109 | 3 | Anggota Bersara |
| 119 | Nazri Bin Nordin | 4294 | 62 | Kota Samarahan |
| 120 | Nazrul Bin A Aziz | 3633 | 8 | Ayer Keroh & Pusat Perbankan Perniagaan (Melaka / N. Sembilan) |
| 121 | Nik Aziz Bin Hussain | 3942 | 84 | Machang |
| 122 | Noorraihan Binti Hassan | 4335 | 3 | Anggota Bersara |
| 123 | Nor Azita Binti Mhd Tajudin | 1473 | 93 | Mergong |
| 124 | Nor Helmi Bin Paijan | 4146 | 66 | Kuala Kangsar |
| 125 | Nor Laily Binti Nor Anuar | 1756 | 1 | Ibu Pejabat, Menara 1, MKBR, Jalan Rakyat |
| 126 | Norazimah Binti Nordin | 6993 | 110 | Pusat Pembiayaan Auto, Johor Bahru & Pusat Perbankan Perniagaan, Johor |
| 127 | Norhayawati Binti Ismail | 3284 | 115 | Pusat Pembiayaan Auto, Shah Alam & Shah Alam |
| 128 | Noriah Binti Kandil | 1547 | 103 | Penampang |
| 129 | Norpazlyaton Binti Pilus | 2184 | 43 | Jengka |
| 130 | Nur Amira Binti Zainal Shahrom | 6579 | 92 | Melawati |
| 131 | Nurul Atika Binti Mohamed | 6528 | 2 | Syarikat Subsidiari, Ibu Pejabat, Menara 2, MKBR, Jalan Rakyat |
| 132 | Omar @ Mohd Fadli Bin Yaakob | 1883 | 86 | Marang |
| 133 | Radzi Bin Abdul Aziz | 1046 | 136 | Sungai Petani & Pusat Perbankan Perniagaan (Kedah / P. Pinang / Perlis) |
| 134 | Raja Roslinda Binti Raja Ishak | 2140 | 138 | Tampin |

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
SEKATARAKYAT 4958

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 135 | Redzuan Bin Suparman | 3412 | 28 | Desa Sri Hartamas |
| 136 | Riduwan Bin Alias | 2480 | 13 | Bandar Baru Klang |
| 137 | Rizalnam Bin Bohari | 2026 | 120 | Satok |
| 138 | Rosmidi Bin Ibrahim | 5488 | 74 | Kubang Kerian |
| 139 | Rozaidi Bin Harun | 4354 | 10 | Bahau |
| 140 | Rusngaton Binti Hassan | 257 | 3 | Anggota Bersara |
| 141 | Saiful Azman Bin Amat | 2103 | 124 | Pejabat Wilayah (Melaka / N. Sembilan) & SBW Ayer Keroh |
| 142 | Saliman Bin Zainal | 955 | ALP | Anggota Lembaga Pengarah |
| 143 | Samsul Amri Bin Tauhid | 2423 | 133 | Sungai Buloh & SBW Sungai Buloh |
| 144 | Shahrulshah Neyzam Bin Abd Wahid | 3611 | 39 | Jalan Tangsi |
| 145 | Sharil Azlan Bin Abd Aziz | 3742 | 77 | Labis |
| 146 | Shoffindey Bin Ambri | 3843 | 150 | Putatan & Pusat Perbankan Perniagaan Sabah |
| 147 | Siti Zaliha Binti Sopar | 137 | 3 | Anggota Bersara |
| 148 | Suaina Binti Abdul Ghani | 336 | 3 | Anggota Bersara |
| 149 | Suhaimi Bin Che Omar | 2192 | 1 | Ibu Pejabat, Menara 1, MKBR, Jalan Rakyat |
| 150 | Suhaimi Bin Omar | 2023 | 1 | Ibu Pejabat, Menara 1, MKBR, Jalan Rakyat |
| 151 | Suhimi Bin Mohd Yunus | 5510 | 34 | Greentown |
| 152 | Syafuan Rezal Bin Ahmad Azalan | 2870 | 118 | SBW Kepala Batas |
| 153 | Syed Mohd Nazrul Hisyam Bin Syed Hussin Shukri | 3863 | 4 | Cawangan Utama |
| 154 | Uyum Iman Bin Firdaus | 7207 | 12 | Bandar Baru Bangi |
| 155 | Wahidah Binti Sakandar | 2959 | 153 | Pejabat Wilayah Sabah & SBW Kota Kinabalu |
| 156 | Yusof Bin Ibrahim | 3995 | 137 | Taiping |
| 157 | Zahidi Bin Shokri | 2388 | 44 | Jerantut |
| 158 | Zaidi Ariss Bin Othman | 1178 | 9 | Bagan Serai |
| 159 | Zaidi Bin Ahamad | 2829 | 54 | Kepala Batas |
| 160 | Zakaria Bin Abdul Majid | 1236 | 16 | Banting |
| 161 | Zameer Hasif Bin Ishak | 7052 | 51 | Kelana Jaya |
| 162 | Zatul-Iffah Binti Mukhtar | 8497 | 73 | Kuantan & Pusat Perbankan Perniagaan, Pahang |
| 163 | Zul Hazman Bin Ismail Yatim | 4580 | 14 | Bandar Tun Razak |
| 164 | Zulhazmi Bin Bahari | 1832 | 144 | USJ 9 |
| 165 | Zulkefli Bin Abdul Wahab | 2173 | 37 | Jalan Ipoh & Pejabat Wilayah (K. Lumpur / Putrajaya) |

## PERKARA 2

## MENIMBANG LAPORAN LEMBAGA, JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN DAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA ATAS AKAUN-AKAUN TERAUDIT DAN LEMBAGA KOPERASI

1. LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

   A. PROFIL ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH

   B. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH

   C. SENARAI MESYUARAT BULANAN LEMBAGA PENGARAH TAHUN 2024

   D. SENARAI MESYUARAT PORTFOLIO LEMBAGA PENGARAH TAHUN 2024

   E. LAPORAN MESYUARAT, PERBINCANGAN & LAWATAN RASMI ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH SEPANJANG TAHUN 2024

   F. LAPORAN LAWATAN RASMI HARTANAH MILIK SEKATARAKYAT OLEH ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH SEPANJANG TAHUN 2024

   G. LAPORAN BUTIRAN PERBELANJAAN LEMBAGA DAN BAYARAN KEPADA PIHAK INDIVIDU LEMBAGA PENGARAH SEKATARAKYAT TAHUN 2024

   H. SENARAI KEHADIRAN LEMBAGA PENGARAH DALAM KURSUS/SEMINAR/PERSIDANGAN TAHUN 2024

   I. PERANCANGAN JANGKA MASA HADAPAN SEKATARAKYAT

   J. POLISI INTEGRITI

   K. LAPORAN KOMITI *"ENVIRONMENTAL, SOCIAL & GOVERNANCE"* (ESG)

   L. LAPORAN JAWATANKUASA PENCALONAN

   M. LAPORAN JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

   N. LAPORAN JAWATANKUASA DISIPLIN

   O. LAPORAN JAWATANKUASA PELABURAN

   P. LAPORAN JAWATANKUASA IMBUHAN

   Q. LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

2. LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN 2024

3. PANDANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA ATAS AKAUN TERAUDIT PADA 31 DISEMBER 2024

## PERKARA 2

### 1) LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

A. PROFIL ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH

B. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH

C. SENARAI MESYUARAT BULANAN LEMBAGA PENGARAH TAHUN 2024

D. SENARAI MESYUARAT PORTFOLIO LEMBAGA PENGARAH TAHUN 2024

E. LAPORAN MESYUARAT, PERBINCANGAN & LAWATAN RASMI ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH SEPANJANG TAHUN 2024

F. LAPORAN LAWATAN RASMI HARTANAH MILIK SEKATARAKYAT OLEH ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH SEPANJANG TAHUN 2024

G. LAPORAN BUTIRAN PERBELANJAAN LEMBAGA DAN BAYARAN KEPADA PIHAK INDIVIDU LEMBAGA PENGARAH SEKATARAKYAT TAHUN 2024

H. SENARAI KEHADIRAN LEMBAGA PENGARAH DALAM KURSUS/SEMINAR/PERSIDANGAN TAHUN 2024

I. PERANCANGAN JANGKA MASA HADAPAN SEKATARAKYAT

J. POLISI INTEGRITI

K. LAPORAN KOMITI *"ENVIRONMENTAL, SOCIAL & GOVERNANCE"* (ESG)

L. LAPORAN JAWATANKUASA PENCALONAN

M. LAPORAN JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

N. LAPORAN JAWATANKUASA DISIPLIN

O. LAPORAN JAWATANKUASA PELABURAN

P. LAPORAN JAWATANKUASA IMBUHAN

Q. LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

## LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan akaun beraudit koperasi bagi Tahun Kewangan berakhir pada 31 Disember 2024.

1. **AKTIVITI PERNIAGAAN**

Keuntungan bersih tahun semasa adalah berjumlah **RM40,325,735** dan peruntukan yang dibuat untuk pembayaran dividen ialah sebanyak **RM32,905,718** iaitu bersamaan dengan **13.5% (13% + 0.5% (Dividen Khas))** daripada modal yuran dan modal syer anggota.

Aktiviti perniagaan Sekatarakyat adalah seperti yang berikut:-

**i. <u>Pembiayaan</u>**

Aktiviti Pembiayaan merupakan antara penyumbang kepada pendapatan Sekatarakyat selaras dengan fungsi utama penubuhan Sekatarakyat. Jadual berikut memaparkan jumlah pendapatan yang diperoleh daripada aktiviti pembiayaan dalam tahun 2024 berbanding dengan tahun sebelumnya.

| Perkara | Tahun 2024 (RM) | Tahun 2023 (RM) |
|---|---|---|
| Pendapatan | 33,664,443 | 31,715,643 |
| Kos Operasi | 18,524,050 | 14,903,551 |
| Keuntungan Kasar | 15,140,393 | 16,812,092 |

**ii. <u>Pendapatan Ar-Rahnu X'Change</u>**

Perkhidmatan Ar-Rahnu X'Change juga telah menghasilkan pendapatan yang memberangsangkan kepada Sekatarakyat. Sehingga 31 Disember 2024, Sekatarakyat mempunyai tujuh belas Cawangan Ar-Rahnu X'Change telah dibuka di lokasi seperti yang berikut:-

(a) Ar-Rahnu X'Change Jalan Othman
(b) Ar-Rahnu X'Change Sungai Besi
(c) Ar-Rahnu X'Change Taman Selaseh
(d) Ar-Rahnu X'Change Hulu Langat
(e) Ar-Rahnu X'Change Bandar Kinrara
(f) Ar-Rahnu X'Change Seremban 2
(g) Ar-Rahnu X'Change Kota Kemuning
(h) Ar-Rahnu X'Change Dengkil
(i) Ar-Rahnu X'Change Ampang Triangle
(j) Ar-Rahnu X'Change Port Klang
(k) Ar-Rahnu X'Change Pasar Borong
(l) Ar-Rahnu X'Change Bandar Melawati
(m) Ar-Rahnu X'Change Dataran Otomobil

(n) Ar-Rahnu X'Change Mantin
(o) Ar-Rahnu X'Change Sri Rampai
(p) Ar-Rahnu X'Change Puncak Alam
(q) Ar-Rahnu X'Change Sri Muda

Prestasi pencapaian Ar-Rahnu X'Change pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya adalah seperti yang berikut:-

| Perkara | Tahun 2024 (RM) | Tahun 2023 (RM) |
|---|---|---|
| Pendapatan | 56,525,662 | 39,765,439 |
| Kos Operasi | 23,315,970 | 17,946,284 |
| Keuntungan Kasar | 33,209,692 | 21,819,155 |

**iii. Perniagaan Kafeteria dan Kedai Serbaneka**

Sehingga 31 Disember 2024, Sekatarakyat mempunyai empat cawangan kafeteria dan dua cawangan kedai serbaneka yang dibuka di lokasi seperti yang berikut:-

(a) Kafeteria Jalan Tangsi di Tingkat Bawah, Bangunan Bank Rakyat, Jalan Tangsi
(b) Medan Selera di Tingkat 5, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat
(c) Kafeteria SKM di Bangunan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
(d) D'Sekata di Tingkat Bawah, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat
(e) Kedai Serbaneka Jalan Tangsi di Bangunan Bank Rakyat, Jalan Tangsi
(f) Kedai Serbaneka di Tingkat 5, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat

Prestasi aktiviti perniagaan bagi tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya adalah seperti yang berikut:-

| Perkara | Tahun 2024 (RM) | Tahun 2023 (RM) |
|---|---|---|
| Pendapatan | 6,500,151 | 6,357,123 |
| Kos Operasi | 5,311,819 | 4,643,823 |
| Keuntungan Kasar | 1,188,332 | 1,713,300 |

**iv. Pembersihan Pejabat**

Prestasi perniagaan aktiviti pembersihan pejabat bagi tahun 2024 berbanding dengan tahun sebelumnya adalah seperti yang berikut:-

| Perkara | Tahun 2024 (RM) | Tahun 2023 (RM) |
|---|---|---|
| Pendapatan | 944,399 | 1,960,988 |
| Kos Operasi | 891,420 | 1,812,347 |
| Keuntungan Kasar | 52,979 | 148,641 |

**v. Sewa diterima**

Pada tahun 2022, Sekatarakyat telah membeli Blok Komersial di Bangunan Vivo @ 9 Seputeh, Jalan Klang Lama yang terdiri daripada Blok A dan Blok B daripada Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB). Koperasi telah menyewakan semula bangunan berkenaan kepada MRCB untuk tempoh selama tiga tahun.

Prestasi aktiviti penyewaan hartanah bagi tahun 2024 berbanding dengan tahun sebelumnya adalah seperti yang berikut:-

| Perkara | Tahun 2024 (RM) | Tahun 2023 (RM) |
|---|---|---|
| Pendapatan | 13,528,361 | 13,456,818 |
| Kos Operasi | 6,094,776 | 8,195,551 |
| Keuntungan Kasar | 7,433,585 | 5,261,267 |

**vi. Sekata Apartment**

Prestasi aktiviti sewaan bagi tahun 2024 berbanding dengan tahun sebelumnya adalah seperti yang berikut:-

| Perkara | Tahun 2024 (RM) | Tahun 2023 (RM) |
|---|---|---|
| Pendapatan | 1,115,203 | 1,169,007 |
| Kos Operasi | 506,058 | 585,418 |
| Keuntungan Kasar | 609,145 | 583,589 |

**vii. Sekata Makmur**

Sekatarakyat telah membeli dua belas unit lot kedai bertempat di Ringlet, Cameron Highlands, Pahang dan mengubah suai empat unit lot kedai berkenaan untuk dijadikan Bilik Mesyuarat dan Bilik Seminar. Baki lapan unit lot disewakan semula kepada pihak pemaju untuk tempoh selama tiga tahun mulai Julai 2021.

Prestasi Sekata Makmur bagi tahun 2024 berbanding dengan tahun sebelumnya adalah seperti yang berikut:-

| Perkara | Tahun 2024 (RM) | Tahun 2023 (RM) |
|---|---|---|
| Pendapatan | 411,153 | 780,646 |
| Kos Operasi | 26,029 | 125,870 |
| Keuntungan Kasar | 385,124 | 654,776 |

**viii. Pendapatan Takaful**

Prestasi aktiviti Takaful bagi tahun 2024 berbanding dengan tahun sebelumnya adalah seperti yang berikut:-

| Perkara | Tahun 2024 (RM) | Tahun 2023 (RM) |
|---|---|---|
| Komisen Takaful | 569,728 | 267,993 |

**ix. Pendapatan Taska Qaseh Nuri**

Taska Qaseh Nuri beralamat di Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat 50470 Kuala Lumpur. Taska ini telah mula beroperasi sejak 4 Januari 2016 sehingga kini. Berikut adalah data semasa sehingga 31 Disember 2024, terdapat seramai 96 orang kanak-kanak yang terdiri daripada 12 orang bayi (2 bulan – 14 bulan), 45 orang kanak-kanak kecil (1 tahun setengah – 2 tahun), 39 orang kanak-kanak besar (2 tahun – 4 tahun).

Prestasi aktiviti perniagaan taska bagi tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya adalah seperti yang berikut:-

| Perkara | Tahun 2024 (RM) | Tahun 2023 (RM) |
|---|---|---|
| Pendapatan | 571,375 | 470,705 |
| Kos Operasi | 70,527 | 98,937 |
| Keuntungan Kasar | 500,848 | 371,768 |

**x. Sekata Farmasi**

Bidang kesihatan dan penjagaan diri adalah bidang perniagaan baharu yang diceburi oleh Sekatarakyat. Koperasi telah membuka sebuah farmasi bagi menjalankan perniagaan farmasi ini bertempat di Lot 11-F, Jalan ODP 12, Orchid Deluxe Park, 39200, Ringlet, Cameron Highlands bermula 1 Februari 2022. Disebabkan oleh kesukaran untuk mendapatkan ahli farmasi di Cameron Highlands, Lembaga Pengarah telah membuat keputusan bagi menutup Sekata Farmasi berkuatkuasa 1 Disember 2024.

Prestasi Sekata Farmasi bagi tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya adalah seperti yang berikut:-

| Perkara | Tahun 2024 (RM) | Tahun 2023 (RM) |
|---|---|---|
| Pendapatan | 36,784 | 62,266 |
| Kos Operasi | 71,466 | 62,065 |
| Keuntungan Kasar | (34,682) | 201 |

**xi. Kenny Rogers Roasters**

Sekatarakyat telah menceburi bidang perniagaan francais dengan menjadi francaisi kepada jenama Kenny Rogers Roasters bermula pada 1 Jun 2022. Restoran Kenny Rogers Roasters adalah restoran francais yang menyediakan rangkaian makanan berasaskan ayam panggang ala barat kepada para pengunjung. Lokasi Restoran Kenny Rogers Roasters ini beralamat di 11-G, Jalan ODP 12, Orchid Deluxe Park, 39200 Ringlet, Cameron Highlands. Kewujudan Restoran Kenny Rogers Roasters ini merupakan cawangan yang pertama di Cameron Highlands.

Prestasi Kenny Rogers Roasters bagi tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya adalah seperti yang berikut:-

| Perkara | Tahun 2024 (RM) | Tahun 2023 (RM) |
|---|---|---|
| Pendapatan | 203,285 | 206,745 |
| Kos Operasi | 114,866 | 99,179 |
| Keuntungan Kasar | 88,419 | 107,566 |

**xii. Projek Usaha sama**

Sekatarakyat telah menjalankan projek secara usaha sama dalam sektor pembangunan hartanah. Antara projek-projek pembangunan hartanah yang diusahakan adalah seperti yang berikut:-

1. Projek Perumahan Taman Irma Sekata, Salak Tinggi, Dengkil, Selangor
2. Projek Perumahan Taman Sekata Mawar, Mantin, Seremban, Negeri Sembilan
3. Projek Perindustrian Elmina, Shah Alam, Selangor
4. Projek Perindustrian Pontian, Pontian, Johor
5. Projek Perumahan Villa Bukit Negeri, Seremban, Negeri Sembilan

Pendapatan yang diperoleh untuk projek usaha sama ini bagi tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya adalah seperti yang berikut:-

| Perkara | Tahun 2024 (RM) | Tahun 2023 (RM) |
|---|---|---|
| Pendapatan | 15,779,347 | 10,421,725 |
| Kos Operasi | 5,331,608 | 5,554,377 |
| Keuntungan Kasar | 10,447,739 | 4,867,348 |

## 2. MANFAAT KEPADA ANGGOTA

Manfaat yang telah diberikan kepada bagi tempoh lima tahun ke belakang adalah seperti yang berikut:

| BIL | TAHUN / PERKARA | 2024 RM | 2023 RM | 2022 RM | 2021 RM | 2020 RM | HURAIAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Peruntukan Dividen Tahunan | 32,905,718 | 22,480,283 | 349,293 | 15,779,418 | 11,858,047 | selepas pembahagian |
| 2 | Peruntukan Tabung Khairat Anggota | 695,668 | 471,643 | 12,009 | 368,161 | 271,920 | |
| 3 | Peruntukan Tabung Saguhati Pendidikan Lanjutan | - | - | - | - | - | |
| | Jumlah Peruntukan Kepada Anggota Selepas Pembahagian | 33,601,386 | 22,951,926 | 361,302 | 16,147,579 | 12,129,967 | |
| 4 | Sumbangan Hari Raya | 1,222,350 | 1,472,350 | 859,100 | 840,600 | 798,900 | sebelum pembahagian |
| 5 | Jumlah diskaun kepada Anggota Menginap di Sekata Apartment | 19,880 | 26,040 | 1,440 | 1,980 | - | |
| 6 | Jumlah diskaun kepada Anggota yang melanggan Takaful Kenderaan (5%) | 16,127 | 20,725 | 25,988 | 22,091 | 26,887 | |
| 7 | Keuntungan dilepaskan daripada Pembiayaan Naik Sekolah | 6,038 | 4,898 | 473 | 2,362 | 2,520 | |
| 8 | Jumlah Pulangan Skim Simpanan AM | 1,151,958 | 170,486 | 211,414 | 49,012 | 27,085 | |
| 9 | Tahlil Bulanan | 50,400 | 50,400 | 50,400 | 2,400 | 2,400 | |
| | Jumlah Peruntukan Kepada Anggota Sebelum Pembahagian | 2,466,753 | 1,744,899 | 1,148,814 | 918,445 | 857,792 | |
| 10 | Keuntungan Deposit Anggota | - | - | 18,777,345 | - | - | Manfaat yang ditambah semula |
| 11 | Hibah Deposit Anggota | - | - | 2,628,723 | - | - | |
| 12 | Ibra' | 2,976,918 | 3,722,798 | 3,709,042 | 3,536,529 | 3,634,491 | |
| 13 | Keuntungan dilepaskan daripada Penurunan Kadar (Pembiayaan Jubli Emas) | 4,454,497 | - | - | - | - | |
| | Jumlah Peruntukan Kepada Anggota yang dicampur semula | 7,431,415 | 3,722,798 | 25,115,110 | 3,536,529 | 3,634,491 | |
| | Jumlah Peruntukan kepada Anggota | 43,499,553 | 28,419,623 | 26,625,226 | 20,602,553 | 16,622,250 | |
| | Keuntungan Bersih Tahun Semasa | 40,325,735 | 28,034,289 | 1,709,668 | 19,741,128 | 15,725,646 | |
| | Keuntungan Sebelum Cukai (dipelaras)* | 47,757,150 | 31,757,087 | 26,824,778 | 23,277,657 | 19,360,137 | |
| | Peratusan Jumlah Peruntukan Kepada Anggota | 91% | 89% | 99% | 89% | 86% | |
| | Peratusan Jumlah Peruntukan Kepada Anggota Selepas Pembahagian | 83% | 82% | 21% | 82% | 77% | |
| | Peratusan Jumlah Peruntukan Kepada Anggota Sebelum Pembahagian | 5% | 5% | 4% | 4% | 4% | |

Nota:-
*Keuntungan bersih tahun semasa dicampur balik dengan Keuntungan & Hibah Deposit Anggota, Ibra' dan keuntungan dilepaskan daripada pembiayaan Jubli Emas

Manfaat yang telah diberikan kepada anggota pada tahun 2024 adalah seperti yang berikut:

### (a) Bayaran Dividen kepada anggota

Dividen yang dibayar kepada anggota adalah berdasarkan kepada prestasi kewangan tahunan Sekatarakyat.

Rekod bayaran dividen adalah seperti yang berikut:-

| Tahun | Keuntungan sebelum cukai | Dividen dicadangkan | Dividen diluluskan oleh MAP | Dividen diluluskan oleh SKM | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | % | % | % | RM |
| 2012 | 10,744,343 | | 13 | 13 | 7,521,792 |
| 2013 | 14,060,163 | | 15 | 15 | 9,670,348 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 2014 | 14,242,350 | | 15 | 15 | 10,117,306 |
| 2015 | 15,424,719 | | 15 | 15 | 10,991,275 |
| 2016 | 18,678,354 | | 15 | 15 | 13,034,194 |
| 2017 | 16,374,476 | | 13.5 | 13.5 | 12,156,124 |
| 2018 | 17,860,071 | | 13.5 | 13.5 | 13,322,493 |
| 2019 | 19,631,108 | | 14 | 14 | 15,022,743 |
| 2020 | 15,725,646 | | 10 | 10 | 11,858,047 |
| 2021 | 19,741,128 | | 12 | 12 | 15,779,418 |
| 2022 | 1,709,668 | | 1 | 1 | 349,293 |
| 2023 | 28,034,289 | | 13 | 13 | 22,480,283 |
| 2024 | 40,325,735 | (13 + 0.5 (Dividen Khas)) | | | 32,905,718 |

Nota:
Tahun 2022, pemberian Keuntungan dan Hibah Deposit Anggota pada kadar 16.35% (Tempoh 9 Bulan) atau 21.8% (Kadar Tahunan) dengan jumlah sebanyak RM21,406,068.

**(b) Ibra'**

Ibra' merupakan pulangan atas pembayaran segera atau potongan atas baki pembiayaan. Pemberian Ibra' telah mula diperkenalkan sejak tahun 2015 dan masih kekal sehingga kini bagi anggota-anggota yang mempunyai baki pembiayaan aktif pada setiap 31 Disember dan masih mengekalkan keanggotaan sehingga tarikh bayaran Ibra' dibayar. Pemberian Ibra' adalah sebagai hadiah atau penghargaan kepada anggota-anggota yang melanggan produk pembiayaan di Sekatarakyat. Pemberian Ibra' juga merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial Sekatarakyat terhadap para anggotanya yang telah turut sama menyumbang dalam menjana keuntungan Sekatarakyat.

Rekod bayaran Ibra' adalah seperti yang berikut:-

| Tahun | Ibra' | Jumlah |
|---|---|---|
| | % | RM |
| 2015 | 1.25 | 2,708,732 |
| 2016 | 1.25 | 2,901,559 |
| 2017 | 1.25 | 2,951,602 |
| 2018 | 1.25 | 2,849,377 |
| 2019 | 1.25 | 3,542,893 |
| 2020 | 1.25 | 3,634,491 |
| 2021 | 1.25 | 3,536,529 |
| 2022 | 1.25 | 3,709,042 |
| 2023 | 1.25 | 3,722,798 |
| 2024 | 1.00 | 2,976,918 |

**(c) Sumbangan Tabung Khairat dan Kebajikan Anggota**

Tabung Khairat dan Kebajikan Anggota telah mula disediakan pada 22 Jun 2002 bagi menjaga kebajikan anggota Sekatarakyat. Pemberian sumbangan ini merupakan salah satu daripada manfaat kepada anggota-anggota yang telah kehilangan ahli keluarga tersayang.

Pengemaskinian data-data bantuan bencana atau berita kematian ahli keluarga anggota sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa. Sumbangan Tabung Khairat Kematian dan Kebajikan Anggota akan disalurkan bagi membantu meringankan beban anggota terlibat.

Rekod sumbangan yang telah dikeluarkan dari tabung tersebut bagi tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya adalah seperti yang berikut:-

| Perkara | 2024 | 2023 | +/- 2024 berbanding 2023 |
|---|---|---|---|
| Bil anggota yang menerima sumbangan khairat | 308 | 283 | 25 |
| Jumlah sumbangan khairat dari tabungan (RM) | 192,470 | 151,900 | 40,570 |

**(d) Tabung Sagu Hati dan Pendidikan Lanjutan**

Sejak 1 Januari 2003, Tabung Sagu Hati dan Pendidikan Lanjutan disediakan untuk dinikmati oleh anggota-anggota Sekatarakyat sejak 1 Januari 2003. Kemudahan ini khusus kepada anggota atau anak anggota yang ingin melanjutkan pelajaran selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pemberian sumbangan ini sebagai perangsang kepada anak-anak anggota untuk melanjutkan pelajaran ke menara gading demi mencapai kejayaan pada masa hadapan kelak.

Berikut adalah rekod sumbangan yang telah dikeluarkan dari tabung tersebut dalam tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya adalah seperti yang berikut:-

| Perkara | 2024 | 2023 | +/- 2024 berbanding 2023 |
|---|---|---|---|
| Bil anggota | 245 | 71 | 174 |
| Jumlah sumbangan dari tabungan (RM) | 122,500 | 35,500 | 87,000 |

**(e) Diskaun 5% atas bayaran tunai perkhidmatan takaful kenderaan**

Sekatarakyat memberikan kemudahan diskaun sebanyak 5% atas bayaran tunai perkhidmatan takaful kenderaan kepada anggota-anggota Sekatarakyat. Dalam proses tersebut, Sekatarakyat telah melepaskan 5% atas komisen yang diterimanya sepanjang tahun 2024 sebanyak **RM16,127.00** bagi membolehkan diskaun tersebut dikembalikan kepada anggota-anggota yang melanggan takaful kenderaan secara tunai.

**(f) Sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada Anggota Sekatarakyat**

Sekatarakyat membayar sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada semua anggotanya yang berdaftar sebagai anggota sebelum atau pada 31 Disember setiap tahun kewangan.

Sumbangan ini sebagai tanda menghargai sokongan para anggota terhadap setiap aktiviti yang telah dijalankan oleh Sekatarakyat selama ini. Sumbangan tersebut, walaupun dalam jumlah yang kecil, namun sedikit sebanyak telah dapat meringankan beban anggota dalam persediaan menyambut hari perayaan tersebut.

| Perkara | 2024 (RM) | 2023 (RM) | +/- 2024 berbanding 2023 (RM) |
|---|---|---|---|
| Kadar bayaran seorang | 250 | 200 | (50) |
| Jumlah Sumbangan Hari Raya | 1,222,350 | 1,472,350 | (250,000) |

## 4. (i) LAPORAN PERKEMBANGAN PROJEK SEMASA

### (a) Pembelian dan Penyewaan Bangunan Komersial Vivo @ 9 Seputeh, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur

| NO | PERKARA | CATATAN |
|---|---|---|
| 1 | Latar Belakang | • Pembelian unit-unit kedai di Blok A dan B, Blok Komersial VIVO @ 9 Seputeh, sebanyak 34 unit daripada MRCB Seputeh Land Sdn Bhd<br>• Penyewaan semula diterima daripada MRCB Seputeh Land Sdn Bhd bagi tempoh 3 tahun |
| 2 | Jumlah Pembelian | RM165,128,544.00 |
| 3 | Jumlah Jaminan Pulangan | Pulangan bagi tempoh 3 tahun iaitu RM34,676,994.24 bersamaan 7% setahun daripada harga pembelian |
| 4 | Maklumat Hartanah | • Unit-unit retail Blok A dan Blok B adalah 140,192 kaki persegi seperti yang berikut:<br>Blok A – 18 unit (3 tingkat) 85,760 kaki persegi<br>Blok B – 16 unit (2 tingkat) 54,432 kaki persegi<br>• Tempoh pajakan 99 Tahun berakhir pada 11 Mei 2113 |
| 5 | Status Projek | "*Strata title*" telah diperoleh pada 30 September 2022 |
| 6 | Foto Projek |     |



## (b) Projek Perumahan Taman Irma Sekata, Salak Tinggi, Sepang, Selangor

| NO | PERKARA | CATATAN |
|---|---|---|
| 1 | Latar Belakang | • Pelaburan projek perumahan dengan usaha sama Irma Worldwide Sdn Bhd<br>• Menjalankan projek perumahan 39 unit rumah teres 2 tingkat<br>• Anggaran Harga Jualan RM598,000.00 – RM912,500.00<br>• Nama projek ” Taman Irma Sekata” |
| 2 | Jumlah Pelaburan | RM2,500,000.00 |
| 3 | Jumlah Pulangan | Memberikan pulangan sebanyak RM700,000.00 dalam tempoh 3 tahun mulai 2022 sehingga 2025 |
| 4 | Maklumat Hartanah | • 16 plot tanah dengan keluasan 35,532 kaki persegi<br>• Rezab Melayu dan Hak Milik Kekal<br>• Nilai tanah : RM5,351,026.08 |
| 5 | Status Projek | • Kerja-kerja pembinaan bangunan telah bermula pada 8 Ogos 2022<br>• Lesen Pemajuan dan Permit Iklan telah diluluskan pada 17 November 2022<br>• Hak milik Individu dikeluarkan pada Disember 2022 |
| 6 | Foto Projek |     |

## (c) Projek Perumahan Taman Sekata Mawar, Seremban, Negeri Sembilan

| NO | PERKARA | CATATAN |
|---|---|---|
| 1 | Latar Belakang | • Pelaburan Projek Perumahan Mantin dengan usaha sama PTT Synergy Group Berhad<br>• Menjalankan projek perumahan sebanyak 40 unit rumah teres 2 tingkat seperti yang berikut :<br>➢ Rumah Teres (20 x 60) – 2 Tingkat = 36 Unit dengan keluasan tanah 1,200 kaki persegi (Anggaran Harga Jualan RM599,000.00)<br>➢ Rumah Teres Lot Tepi (20 x 55) – 2 Tingkat = 4 Unit dengan keluasan tanah 2,500 kaki persegi (Anggaran Harga Jualan RM620,000.00) |
| 2 | Jumlah Pelaburan | RM3,350,000.00 |
| 3 | Jumlah Pulangan | Memberikan pulangan sebanyak RM1,159,608.00 dalam tempoh 3 tahun mulai 2022 sehingga 2025 |
Bagi tahun 2025, Anggota Lembaga Pengarah dan Pengurusan telah menggariskan beberapa cadangan aktiviti perniagaan dalam bidang hartanah, perkhidmatan dan lain-lain yang bersesuaian. Objektif utamanya adalah untuk mempertingkatkan potensi pulangan kepada Sekatarakyat agar dapat diagihkan dengan baik. Dalam pada itu, Sekatarakyat terus berusaha secara berfokus terhadap aktiviti perniagaan sedia ada supaya lebih mapan dan berdaya saing. Setiap aktiviti perniagaan yang dijalankan akan turut mengambil kira pelbagai aspek termasuklah “kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman” (SWOT) serta patuh syariah. Analisis ini digunakan bagi memastikan setiap perancangan yang dilaksanakan dapat dicapai dengan jayanya.

Pembentukan Jawatankuasa-jawatankuasa adalah mengikut Garis Panduan (GP) daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Justeru, Sekatarakyat sentiasa mengkaji isu-isu kritikal yang berlaku semasa proses operasi perniagaan dijalankan. Pelbagai kajian risiko dijalankan demi memastikan kelancaran dan keberkesanan perniagaan tersebut. Kajian seperti ini amat penting bagi menilai sesuatu bidang perniagaan baharu yang ingin diceburi memberikan dampak keuntungan kepada koperasi. Risiko kegagalan yang mengakibatkan kerugian pelaburan dapat dikurangkan serta dapat memastikan kegiatan perniagaan tersebut mematuhi prinsip-prinsip *maqasid syariah*.

Jawatankuasa-Jawatankuasa yang telah dibentuk mengikut GP SKM adalah seperti butiran yang berikut :-

| BIL | JAWATANKUASA | GARIS PANDUAN (GP) | ANGGOTA JAWATANKUASA |
|---|---|---|---|
| 1 | Jawatankuasa Pelaburan | GP10 | ✓ Dato' Mustafha Abd Razak<br>✓ Tn Hj Mohd Khuzaini Ab Ghani<br>✓ Tn Hj Mohd Shaifuddin Abdullah<br>✓ En Ahmad Rozaman Mohd Yusoff |
| 2 | Jawatankuasa Disiplin | GP13 | ✓ Tn Hj Saliman Zainal<br>✓ Tn Hj Mohd Salleh Mahmood<br>✓ Tn Hj Mohd Khuzaini Ab Ghani |
| 3 | Jawatankuasa Audit Dalaman | GP27 | ✓ Tn Hj Nazaruddin Zainal Abidin<br>✓ Encik Ismarazi Ismail<br>✓ Tn Hj Mohd Arief Azree Tun Arifin |
| 4 | Jawatankuasa Syariah | GP27 | ✓ Ustaz Mohd Mawerdi Sairi<br>✓ Dr. Ahmad Zainuddin Abdullah<br>✓ Ustaz Wan Ahmad Izzat Wan Ahmad Sanadi |
| 5 | Jawatankuasa Pengurusan Risiko | GP27 | ✓ Datuk Mohamed Arsad Sehan<br>✓ Tn Hj Mohd Salleh Mahmood<br>✓ Tn Hj Mohamad Sabri Mohamed Nor<br>✓ Tn Hj Saliman Zainal<br>✓ En Ahmad Rozaman Mohd Yusoff |
| 6 | Jawatankuasa Pencalonan | GP27 | ✓ Datuk Mohamed Arsad Sehan<br>✓ Puan Hasrul Liza Shah Rudin<br>✓ Dato' Mustafha Abd Razak<br>✓ Tn Hj Mohamad Sabri Mohamed Nor |
| 7 | Jawatankuasa Imbuhan | - | ✓ Pn Hasrul Liza Shah Rudin<br>✓ Dato' Mustafha Abd Razak<br>✓ Tn Hj Abdul Lidzam Muhamad Alias<br>✓ Tn Hj Mohd Shaifuddin Abdullah |

## POLISI INTEGRITI

Polisi Integriti yang telah dikuatkuasakan pada 18 Jun 2019 dibahagikan kepada tiga (3) bahagian utama iaitu Asas, Komponen-Komponen Utama dan Kaedah Pelaksanaan Umum.

Asas Polisi Integriti Sekatarakyat ialah Hukum Syarak, Undang-undang Negara Malaysia dan prinsip serta amalan terbaik antarabangsa yang tidak bertentangan dengan Hukum Syarak. Perkara-perkara yang mesti diamalkan di bawah polisi ini adalah perkara-perkara yang diwajibkan oleh Hukum Syarak dan Undang-undang Negara. Antaranya ialah amanah, menunaikan janji, menghormati hak orang lain, berlaku adil, berkata benar, berlaku jujur, membayar cukai dan zakat dan membayar hutang.

Perkara-perkara yang dilarang di bawah polisi ini adalah perkara-perkara yang ditegah oleh Hukum Syarak dan Undang-undang Negara. Antaranya ialah rasuah, riba, pecah amanah, menipu, menindas, sengaja melambat-lambatkan membayar hutang, mungkir janji, berbohong, mengambil harta orang lain dengan cara yang batil dan memeras ugut.

Objektif polisi ini dibangunkan untuk memastikan setiap amalan Sekatarakyat sentiasa berada pada tahap integriti yang tinggi menerusi penyataan yang jelas tentang dasar, kaedah dan garis panduan yang diperlukan.

Skop Polisi ini berkuat kuasa atas individu-individu seperti butiran berikut:

1. Anggota Sekatarakyat
2. Anggota Lembaga Pengarah
3. Jawatankuasa Audit Dalaman
4. Jawatankuasa Syariah
5. Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah
6. Warga kerja Sekatarakyat
7. Pihak-pihak yang berkepentingan dengan Sekatarakyat secara langsung atau tidak langsung

Sehingga kini, komponen yang telah diwujudkan terdiri daripada *Whistleblowing*, Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah, Integriti Perniagaan, Rasuah dan Pengurusan Risiko Penipuan.

Komponen-komponen lain seperti Sistem Pengurusan Anti Rasuah, Penggubahan Wang Haram dan Percanggahan Kepentingan kini dalam proses penyediaan secara berperingkat.

## LAPORAN ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS
## *(ENVIRONMENTAL, SOCIAL AND GOVERNANCE)*

### TAKRIFAN


"Environmental, Social and Governance" (ESG) merupakan kriteria yang digunakan untuk menilai kesan amalan dan pelaksanaan sesebuah syarikat kepada prestasi kewangan dan operasi mereka. Pada mulanya, ESG hanya digunakan untuk mencari pelabur yang berpotensi dan sesuai.

Namun, ESG kini telah menjadi tumpuan para pelabur kerana pihak kerajaan turut memberi perhatian kepada ESG dan orang ramai juga sudah mempunyai kesedaran mengenai pengaruh ESG untuk sesebuah syarikat. Kebanyakan syarikat-syarikat besar yang didagangkan di pasaran saham seluruh dunia melaporkan inisiatif ESG mereka dalam laporan Syarikat.

| ENVIRONMENT | SOSIAL | GOVERNANCE |
|---|---|---|
| Faktor ini menunjukkan pengaruh sesebuah syarikat terhadap alam sekitar dan keupayaan mereka untuk mengurangkan kesan negatif kepada persekitaran. Secara amnya, syarikat akan dinilai dengan penggunaan tenaga, penghasilan sisa, tahap pencemaran dan penggunaan sumber. | Isu yang diberikan perhatian bagi unsur sosial adalah berkaitan kebajikan pekerja dan hubungan sosial dengan masyarakat. Isu kebajikan pekerja termasuklah keadilan gaji pekerja, polisi tempat kerja, latihan dan pendidikan pekerja. Hubungan sosial pula merangkumi hubungan syarikat bersama pembekal dan pengguna serta tanggungjawab sosial terhadap masyarakat sekitar tempat syarikat beroperasi. | Secara asasnya, unsur tadbir urus adalah berkenaan keupayaan sesebuah syarikat menguruskan isu pentadbiran pada peringkat eksekutif. Antara perkara yang di bawah tadbir urus adalah pembayaran gaji warga kerja, pengurusan audit, pengurusan syariah, ketelusan maklumat, prosedur audit dan pelantikan Anggota Lembaga Pengarah. Tadbir urus yang mampan akan menarik minat lebih ramai pelabur kerana yakin akan keupayaan syarikat untuk lebih maju pada masa akan datang. |
| Kegagalan dalam mengawal kelestarian alam akan menyebabkan pencemaran dan kerosakan sumber bumi seterusnya memudaratkan kehidupan termasuk manusia. Syarikat yang didapati bersalah boleh dikenakan tindakan dan dihadapkan ke muka pengadilan. | Amalan seperti penyediaan bantuan kecemasan kepada pekerja yang mengalami kemalangan akan meringankan beban yang ditanggung dan menarik minat pekerja untuk lebih setia kepada syarikat. Pihak syarikat juga boleh menyumbang kepada masyarakat melalui amalan bersedekah dan bayaran zakat. | |
| Isu lain yang turut diperhatikan bagi unsur alam sekitar termasuklah | | |

| | | |
|---|---|---|
| sumber bahan mentah dan amalan biodiversiti sesebuah syarikat terhadap kawasan dan tanah yang dimiliki. | | |

## PENGKELASAN BAGI ESG SEKATARAKYAT



# LAPORAN JAWATANKUASA PENCALONAN SEKATARAKYAT SESI 2024 / 2025

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(SEKATARAKYAT)
TINGKAT 2A, MENARA 2
MENARA KEMBAR BANK RAKYAT
NO. 33, JALAN RAKYAT, KL SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR

## JAWATANKUASA PENCALONAN

1. Jawatankuasa Pencalonan Sekatarakyat terdiri daripada 4 orang Anggota Lembaga Pengarah seperti yang berikut :
   i. Datuk Mohamed Arsad Sehan - Pengerusi
   ii. Dato' Mustafha Abd Razak - Anggota Jawatankuasa
   iii. Puan Hasrul Liza Shah Rudin - Anggota Jawatankuasa
   iv. Tuan Haji Mohamad Sabri Mohamed Nor - Anggota Jawatankuasa

2. Peranan / Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Pencalonan
   i. Mewujudkan keperluan minimum untuk Anggota Lembaga Pengarah (ALP) mengenai keperluan pelbagai kemahiran, pengalaman, kelayakan dan kompetensi utama bagi Ketua Pegawai Eksekutif (KPE). Kelulusannya daripada Lembaga Pengarah.
   ii. Menyarankan dan membuat penilaian ke atas ALP, anggota jawatankuasa dan calon KPE termasuk penilaian terhadap pencalonan semula ALP.
   iii. Mewujudkan satu mekanisme tindakan disiplin kepada KPE, Pengurusan Kanan dan kakitangan sekiranya didapati tidak efektif, cuai dan salah laku dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.
   iv. Memastikan semua ALP menerima program latihan yang bersesuaian secara berterusan.
   v. Mengawasi pelantikan, pelan penggantian pengurusan dan penilaian prestasi KPE atau pihak pengurusan kanan.

3. Kekerapan dan kehadiran mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan
   i. 7 November 2024 - Mesyuarat Khas
   ii. 22 November 2024 - Mesyuarat Penentusahan Pencalonan Lembaga Pengarah 2025/2026
   iii. 6 Januari 2025 - Mesyuarat Penentusahan Dokumen Pencalonan Lembaga Pengarah 2025/2026

4. Tugas Jawatankuasa Pencalonan dalam tahun 2024/2025
- Menyemak dan mengesahkan borang pencalonan Lembaga Pengarah yang diterima daripada perwakilan.
- Menyemak dan mengesahkan dokumen pencalonan Lembaga Pengarah lengkap diisi untuk dihantar ke Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

5. Rumusan
   Jawatankuasa Pencalonan sentiasa akan memastikan kerja-kerja penentusahan pencalonan dilakukan mengikut Garis Panduan SKM (GP3 – Garis Panduan bagi Pelantikan atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi) oleh pihak pengurusan.

# LAPORAN JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO SEKATARAKYAT SESI 2024/2025

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(SEKATARAKYAT)
TINGKAT 2A, MENARA 2
MENARA KEMBAR BANK RAKYAT
NO. 33, JALAN RAKYAT, KL SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR

## LAPORAN JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO SESI 2024/2025

1. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Sekatarakyat bagi sesi 2024/2025 yang telah dilantik pada 16 Disember 2020 (dibentang & diluluskan di Mesyuarat Lembaga Pengarah) dianggotai seramai lima (5) orang iaitu :-

   **a) Datuk Mohamed Arsad Sehan - Pengerusi**
   **b) Tuan Haji Mohd Salleh Mahmood - AJK**
   **c) Tuan Haji Saliman Zainal - AJK**
   **d) Tuan Haji Mohamad Sabri Mohamed Nor - AJK**
   **e) Encik Ahmad Rozaman Mohd Yusoff - AJK**

2. Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko –

   a. Bertanggungjawab memastikan terdapat dasar pengurusan risiko yang komprehensif dan berkesan serta proses dan infrastruktur untuk mengenalpasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko yang terlibat dengan lebih berkesan.

   b. Mengkaji dan menyarankan strategi pengurusan risiko, dasar dan toleransi risiko untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

   c. Mengkaji dan menyarankan kecukupan dasar pengurusan risiko dan rangka kerja dalam mengenalpasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko dan sejauh mana keberkesanan dasar dan rangka kerja tersebut beroperasi.

   d. Memastikan infrastruktur, sumber dan sistem dibangunkan untuk pengurusan risiko serta mewujudkan proses dan amalan pengurusan risiko yang bersesuaian dengan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan mahupun yang akan dilaksanakan.

   e. Menganalisa dan membuat penyemakan yang berterusan terhadap pendekatan pengurusan risiko yang sedang dilaksanakan serta mengkaji sama ada pendekatan yang mantap dan berkesan telah diikuti dalam membangunkan pelan pengurusan risiko yang strategik bagi projek-projek utama.

   f. Dengan memberi input kepada Sekatarakyat mengenai risiko yang mungkin supaya Sekatarakyat dapat meminimumkan risiko tersebut.

   g. Mengkaji laporan pengurusan berkala ke atas pendedahan risiko, komposisi portfolio risiko dan aktiviti pengurusan risiko serta mengemukakan cadangan balas kepada Lembaga Pengarah untuk tindakan susulan.

   h. Mengkaji dan menyarankan strategi peningkatan reputasi dan imej koperasi.

3. Mesyuarat-mesyuarat yang telah dijalankan sepanjang tahun 2024/2025 adalah seperti yang berikut :-

   a. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kali Pertama/2024
      Tarikh : 11 Oktober 2024 (Jumaat)

   b. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kali Ke-2 /2024
      Tarikh : 18 Disember 2024 (Rabu)

4. Kursus-kursus yang dihadiri JPR melalui Sekatarakyat/ Bank Rakyat/ Kursus Luar adalah seperti yang berikut :-

   - Datuk Mohamed Arsad Sehan
     Sesi Percambahan Minda Sekatarakyat 2025

   - Tuan Haji Mohd Salleh Mahmood
     Sesi Percambahan Minda Sekatarakyat 2025

   - Tuan Haji Saliman Zainal
     Sesi Percambahan Minda Sekatarakyat 2025

   - Tuan Haji Mohamad Sabri Mohamed Nor
     (a) Sesi Dialog : Hala Tuju Perniagaan Ar-Rahnu dan Emas Gerakan Koperasi
     (b) Sesi Percambahan Minda Sekatarakyat 2025

   - Encik Ahmad Rozaman Mohd Yusoff
     (a) Sharepoint Microsoft 365
     (b) Polisi Integriti Edisi Kedua
     (c) Teams Microsoft 365
     (d) Persidangan ARX 2024 (Franchaisi & Franchaisor)
     (e) Sesi Dialog : Hala Tuju Perniagaan Ar-Rahnu & Emas Gerakan Koperasi

5. Hasil semakan dan perbandingan bagi sesi 2024 / 2025 adalah seperti yang berikut:-

   a) Kami telah meneliti dan menetapkan risiko setiap unit perniagaan yang telah dijalankan di Sekatarakyat.
   b) Selain itu, kami telah meneliti dan menetapkan tahap risiko bagi projek pelaburan yang akan diceburi oleh Sekatarakyat.
   c) Kami juga telah meneliti dan menambahbaik Laporan Penilaian Risiko daripada pengurusan berdasarkan pandangan / komen Anggota Jawatankuasa Pengurusan Risiko.
   d) Jawatankuasa juga memberikan cadangan bagi penyediaan risiko keseluruhan Sekatarakyat berdasarkan Analisa Penyata Kedudukan Kewangan.
   e) Jawatankuasa juga menetapkan kaedah bagi Analisa risiko keseluruhan Sekatarakyat adalah berbeza daripada Analisa risiko unit perniagaan.

f) Jawatankuasa juga menyarankan bagi mewujudkan Komiti Kecil Jawatankuasa Pengurusan Risiko Peringkat Pengurusan bagi memantau tahap risiko secara berkala.

g) Laporan dan minit mesyuarat Komiti Kecil dibentangkan dan dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko.

h) Secara rumusan, tahap risiko bagi setiap aktiviti perniagaan dan projek pelaburan yang diceburi oleh Sekatarakyat berada di tahap yang rendah.

# LAPORAN JAWATANKUASA DISIPLIN SEKATARAKYAT SESI 2024/2025

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(SEKATARAKYAT)
TINGKAT 2A, MENARA 2
MENARA KEMBAR BANK RAKYAT
NO. 33, JALAN RAKYAT, KL SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR

## LAPORAN JAWATANKUASA DISIPLIN SESI 2024/2025

1. Jawatankuasa Disiplin Sekatarakyat bagi sesi 2024/2025 dianggotai seramai tiga (3) orang iaitu :-

   **a) Tuan Haji Saliman Zainal - Pengerusi**
   **b) Tuan Haji Mohd Salleh Mahmood - Anggota Jawatankuasa**
   **c) Tuan Haji Mohd Khuzaini Ab Ghani - Anggota Jawatankuasa**

2. Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Disiplin –

   a) Memastikan perkara-perkara berkaitan dengan disiplin calon Anggota Lembaga Pengarah dalam tempoh pencalonan sehingga hari pengundian mengikut kehendak perundangan koperasi.
   b) Menerima, mengkaji, mendengar dan memutuskan aduan-aduan terhadap calon Anggota Lembaga Pengarah.
   c) Mewakilkan apa-apa tanggungjawab dan tugasnya kepada mana-mana orang yang difikirkan perlu tertakluk kepada terma dan syarat atau sekatan yang ditentukan.
   d) Bertanggungjawab terhadap disiplin warga kerja dan menentukan jenis tindakan yang akan diambil terhadap kakitangan.

3. Tiada mesyuarat dijalankan sepanjang tahun 2024/2025.

4. Kursus/Latihan/Seminar/Taklimat/Persidangan yang dihadiri jawatankuasa melalui Sekatarakyat/Bank Rakyat/Kursus Luar adalah seperti yang berikut :-

   **a) Saliman Zainal**
   Sesi Percambahan Minda 2025

   **b) Mohd Salleh Mahmood**
   Sesi Percambahan Minda 2025

   **c) Mohd Khuzaini Ab Ghani**
   i. Forum Perdana Ehwal Islam
   ii. Sesi Percambahan Minda 2025

5. Hasil semakan dan perbandingan mendapati tiada perkara baharu atau berbangkit daripada jawatankuasa.

Kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan sepanjang kami mengadakan mesyuarat dan perbincangan dengan pihak Pengurusan di Ibu Pejabat Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat), Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No.33, Jalan Rakyat, KL Sentral 50470 Kuala Lumpur.

# LAPORAN JAWATANKUASA PELABURAN SEKATARAKYAT SESI 2024/2025

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(SEKATARAKYAT)
TINGKAT 2A, MENARA 2
MENARA KEMBAR BANK RAKYAT
NO. 33, JALAN RAKYAT, KL SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR

## LAPORAN JAWATANKUASA PELABURAN SESI 2024

1. Jawatankuasa Pelaburan Sekatarakyat bagi sesi 2024 dianggotai seramai empat orang iaitu :-

| | |
|---|---|
| **a) Dato' Mustafha Abd Razak** | **- Pengerusi** |
| **b) Tn. Hj. Mohd Shaifuddin Abdullah** | **- Anggota Jawatankuasa** |
| **c) Tn. Hj Mohd Khuzaini Ab Ghani** | **- Anggota Jawatankuasa** |
| **d) En. Ahmad Rozaman Mohd Yusoff** | **- Anggota Jawatankuasa** |

2. Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Pelaburan

   a) Memilih strategi bersesuaian untuk mencapai prestasi yang baik menurut dasar pelaburan.
   b) Memastikan supaya strategi berkenaan dipilih dengan cekap dan dilaksanakan dengan berkesan.
   c) Mencadangkan kadar pulangan yang munasabah ke atas dana yang dilaburkan.
   d) Memastikan pendapatan yang optimum diperoleh daripada pelaburan dengan pendedahan risiko yang sewajarnya.

3. Tiada mesyuarat jawatankuasa yang telah dijalankan sepanjang tahun 2024.

4. Kursus/Latihan/Seminar/Taklimat/Persidangan yang dihadiri jawatankuasa melalui Sekatarakyat/Bank Rakyat/Kursus Luar adalah seperti yang berikut :-

   a) Dato' Mustafha Abd Razak
      i. Sesi Libat Urus Kongres Kebangsaan 2024
      ii. MIA International Conference 2024
      iii. Mesyuarat Penyediaan Deraf Pertanyaan, Pandangan & Cadangan Jurucakap Negeri Semasa MAPA 2024
      iv. Mesyuarat Agung Perwakilan Angkasa (MAPA) 2024
      v. Program Padanan Perniagaan Koperasi (sempena HKN Peringkat SKM WP 2024)
      vi. Kongres Koperasi Kebangsaan 2024 – Angkasa
      vii. Sesi Dialog Belanjawan 2025
      viii. Bicara Bersama YAB Menteri Besar Selangor : Kajian Separuh Penggal Rancangan Selangor – 1
      ix. Sesi Dialog : Hala Tuju Perniagaan Ar-Rahnu dan Emas Gerakan Koperasi
      x. Mesyuarat Agung Wilayah - Wilayah Persekutuan Bank Rakyat (MAW-WP BR) 2024
      xi. Sesi Percambahan Minda Sekatarakyat 2025
      xii. Forum Perdana Ehwal Islam
      xiii. Forum & Majlis Peluncuran Tahun Koperasi Antarabangsa 2025 Peringkat Kebangsaan

b) Tn. Hj. Mohd Shaifuddin Abdullah
Tiada

c) Mohd Khuzaini Ab Ghani
Forum Perdana Ehwal Islam

d) Ahmad Rozaman Mohd Yusoff
i. Sharepoint Microsoft 365
ii. Polisi Integriti Edisi Kedua
iii. Teams Microsoft 365
iv. Persidangan Arx 2024 (Franchaisi & Franchaisor)
v. Sesi Dialog : Hala Tuju Perniagaan Ar-Rahnu & Emas Gerakan Koperasi

5. Rumusan

- Jawatankuasa memberikan pendapat dan cadangan berkaitan pelaburan yang akan dilaksanakan.
- Jawatankuasa memastikan strategi yang dirancang telah mengambil kira faktor-faktor penting semasa pemilihan pelaburan yang akan dilaksanakan.

# LAPORAN JAWATANKUASA IMBUHAN SEKATARAKYAT SESI 2024/2025

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(SEKATARAKYAT)
TINGKAT 2A, MENARA 2
MENARA KEMBAR BANK RAKYAT
NO. 33, JALAN RAKYAT, KL SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR

## LAPORAN JAWATANKUASA IMBUHAN SESI 2024/2025

1. Jawatankuasa Imbuhan Sekatarakyat bagi sesi 2024/2025 dianggotai seramai empat orang iaitu :-

   **a) Dato' Mustafha Abd Razak - Pengerusi**
   **b) Puan Hasrul Liza Shah Rudin - Anggota Jawatankuasa**
   **c) Tuan Haji Abdul Lidzam Muhamad Alias - Anggota Jawatankuasa**
   **d) Tuan Haji Mohd Shaifuddin Abdullah - Anggota Jawatankuasa**

2. Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Imbuhan

   a) Membangunkan dasar dan rangka kerja pakej imbuhan dan elaun secara formal dan telus bagi Anggota Lembaga pengarah, Jawatankuasa, Ketua Pegawai Eksekutif (KPE), dan Pengurusan yang lain.
   b) Jumlah imbuhan yang akan diberikan hendaklah dinyatakan dalam belanjawan tahunan secara terperinci mengikut kategori dan jenis elaun yang ditetapkan. Perkara berikut perlu diambil kira dalam penyediaan dasar dan pakej imbuhan adalah seperti yang berikut :-
      i) Objektif dan hala tuju koperasi.
      ii) Perbandingan imbuhan dengan industri lain.
      iii) Prestasi koperasi itu.
      iv) Skala imbuhan hendaklah meliputi skop dasar perniagaan umum dan tidak hanya berasaskan kepada pencapaian jangka masa pendek.
   c) Dasar mengenai imbuhan kepada Jawatankuasa dan Pengurusan hendaklah menarik untuk mengekalkan Jawatankuasa dan Pengurusan yang berkaliber. Walau bagaimanapun, ia hendaklah tidak keterlaluan sehingga menjejaskan perniagaan koperasi.
   d) Bertanggungjawab menyemak dan mengesyorkan struktur imbuhan.

3. Mesyuarat-mesyuarat yang telah dijalankan sepanjang tahun 2024/2025 adalah seperti yang berikut :-

| BIL MESYUARAT | PERKARA | TARIKH | BILANGAN KEHADIRAN |
|---|---|---|---|
| 1/2024 | Mesyuarat Pertama | 8 Januari 2024 | 4/4 |
| 2/2024 | Mesyuarat Kedua<br>• Pembentangan | 12 Julai 2024 | 4/4 |
| | Mesyuarat Kedua<br>• Keputusan | 22 Julai 2024 | 4/4 |
| 3/2024 | Mesyuarat Ketiga | 18 Oktober 2024 | 4/4 |
| 4/2024 | Mesyuarat Keempat | 16 Disember 2024 | 4/4 |

4. Kursus-kursus yang dihadiri Jawatankuasa Imbuhan melalui Sekatarakyat/ Bank Rakyat/ Kursus Luar adalah seperti yang berikut :-

   **a) Dato' Mustafha Abd Razak**
      i. Sesi Libat Urus Kongres Kebangsaan 2024
      ii. MIA International Conference 2024

iii. Mesyuarat Penyediaan Draf Pertanyaan, Pandangan & Cadangan Jurucakap Negeri Semasa MAPA 2024
iv. Mesyuarat Agung Perwakilan Angkasa (MAPA) 2024
v. Program Padanan Perniagaan Koperasi (sempena HKN Peringkat SKM WP 2024)
vi. Kongres Koperasi Kebangsaan 2024 – Angkasa
vii. Sesi Dialog Belanjawan 2025
viii. Bicara Bersama YAB Menteri Besar Selangor : Kajian Separuh Penggal Rancangan Selangor – 1
ix. Sesi Dialog : Hala Tuju Perniagaan Ar-Rahnu dan Emas Gerakan Koperasi
x. Mesyuarat Agung Wilayah - Wilayah Persekutuan Bank Rakyat (MAW-WP BR) 2024
xi. Sesi Percambahan Minda Sekatarakyat 2025
xii. Forum Perdana Ehwal Islam
xiii. Forum & Majlis Peluncuran Tahun Koperasi Antarabangsa 2025 Peringkat Kebangsaan

**b) Hasrul Liza Shah Rudin**

i. Sesi Libat Urus Kongres 2024
ii. Program Padanan Perniagaan Koperasi (sempena HKN Peringkat SKM WP 2024)
iii. Sesi Percambahan Minda 2025
iv. Forum & Majlis Peluncuran Tahun Koperasi Antarabangsa 2025 Peringkat Kebangsaan

**c) Abdul Lidzam Muhamad Alias**

Sesi Percambahan Minda 2025

**d) Mohd Shaifuddin Abdullah**

Tiada

5. Hasil semakan dan perbandingan :-

a) Kami juga telah memeriksa dokumen-dokumen berkaitan mesyuarat yang direncanakan adalah benar dan tepat.
b) Sehubungan dengan itu, kami berpuas hati di atas cadangan yang dikemukakan oleh Pengurusan serta tindakan daripada pihak Pengurusan selaras mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) Sekatarakyat dan Garis Panduan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan sepanjang kami mengadakan mesyuarat dan perbincangan dengan pihak Pengurusan di Ibu Pejabat Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat), Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral 50470 Kuala Lumpur.

# LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH SEKATARAKYAT SESI 2024 / 2025

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(SEKATARAKYAT)
TINGKAT 2A, MENARA 2
MENARA KEMBAR BANK RAKYAT
NO. 33, JALAN RAKYAT, KL SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR

## LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH SESI 2024 / 2025

1. Komposisi Jawatankuasa Syariah

   - Jawatankuasa Syariah Sekatarakyat bagi sesi 2024 / 2025 terdiri seramai tiga (3) orang ahli jawatankuasa seperti yang berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| **i.** | **Ustaz Mohd Mawerdi Sairi** | **-** | **Pengerusi** |
| **ii.** | **Dr. Ahmad Zainudin Abdullah** | **-** | **Ahli Jawatankuasa** |
| **iii.** | **Ustaz Wan Ahmad Izzat Wan Ahmad Sanadi** | **-** | **Ahli Jawatankuasa** |

2. Pelantikan baru / pelantikan semula sebagai Jawatankuasa Syariah bagi sesi 2024/2025.

   - Ustaz Wan Ahmad Izzat Wan Ahmad Sanadi

3. Peranan / Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Syariah

   a. Tanggungjawab dan Akauntabiliti

      Bertanggungjawab terhadap semua keputusan dan pandangan Syariah yang telah disediakan.

   b. Menasihati Lembaga Pengarah dan Pengurusan

      i. Dengan memberi input kepada Sekatarakyat mengenai perkara Syariah supaya Sekatarakyat mematuhi prinsip Syariah pada setiap masa.

      ii. Memberi nasihat dan kelulusan kepada Sekatarakyat berhubung dengan pengiraan, pembayaran dan pengagihan zakat.

   c. Memperakukan Dasar dan Prosedur Syariah

      Memperakukan dasar dan prosedur dalam semua perkara yang disediakan oleh Sekatarakyat dan memastikan kandungannya tidak mempunyai sebarang unsur yang tidak selaras dengan Syariah.

   d. Memperakukan dan Mengesahkan Dokumen Berkaitan

      Bagi memastikan produk Sekatarakyat mematuhi prinsip Syariah, jawatankuasa akan memperakukan dan mengesahkan terma dan syarat yang terkandung dalam borang, kontrak, perjanjian atau dokumentasi perundangan lain yang digunakan dalam pelaksanaan urusniaga.

e. Membantu Pihak Berkaitan mengenai Hal Ehwal Syariah

i. Menilai kerja yang dijalankan mengikut semakan dan audit Syariah bagi memastikan prinsip Syariah dipatuhi.

ii. Jawatankuasa Syariah Sekatarakyat yang ditubuhkan boleh memberi khidmat nasihat kepada pihak-pihak yang berkaitan dengan Sekatarakyat seperti peguam, juruaudit, perunding dan lain-lain.

f. Nasihat mengenai perkara untuk dirujuk kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

i. Menasihati Sekatarakyat untuk merujuk/berunding dengan SKM mengenai perkara Syariah yang tidak dapat diselesaikan.

ii. SKM pula akan membawa perkara tersebut kepada mana-mana badan kuasa tertinggi bagi mendapatkan penjelasan dan keputusan muktamad, sekiranya perlu.

g. Menyediakan Pendapat Syariah Bertulis

Menyediakan pendapat Syariah secara bertulis dalam keadaan di mana Sekatarakyat merujuk kepada SKM untuk perbincangan selanjutnya bersama-sama badan berkuasa tertinggi atau di mana terdapat persoalan berkenaan produk koperasi oleh Suruhajaya.

4. Kekerapan dan kehadiran mesyuarat Jawatankuasa Syariah

a. Bagi tahun 2024 / 2025, tarikh mesyuarat diadakan seperti yang berikut:

i. Mesyuarat JKS Pertama - 15 April 2024
ii. Mesyuarat JKS Kali Ke-2 - 25 Julai 2024
iii. Mesyuarat JKS Kali Ke-3 - 28 Ogos 2024
iv. Mesyuarat JKS Kali Ke-4 - 26 November 2024
v. Mesyuarat JKS Kali Ke-5 - 16 Disember 2024
vi. Mesyuarat JKS Kali Ke-6 - 10 Januari 2025

b. Kekerapan kehadiran mesyuarat bagi sesi Jawatankuasa Syariah untuk tahun 2024 / 2025 adalah seperti yang berikut:

| BIL | NAMA | KEHADIRAN MESYUARAT |
|---|---|---|
| 1 | Ustaz Mohd Mawerdi Sairi | 6/6 |
| 2 | Dr. Ahmad Zainudin Abdullah | 6/6 |
| 3 | Ustaz Wan Ahmad Izzat Wan Ahmad Sanadi | 6/6 |

5. Tugas Jawatankuasa Syariah bagi Sesi 2024 / 2025

   - Bagi Sesi 2024 / 2025, Jawatankuasa Syariah Sekatarakyat melaksanakan tugasan bagi perkara-perkara berikut:

     i. Pandangan Aktiviti Jubli Emas Run Powered By Sekatarakyat sempena Sambutan Jubli Emas.
     ii. Mengadakan mesyuarat secara berkala bagi mengemaskini isu-isu berkaitan syariah.
     iii. Mohon Pandangan Jawatankuasa Syariah berkenaan Penggunaan Pelekat Logo (Treasure Hunt) untuk ditampal di lantai.
     iv. Pandangan Berkenaan Cara Mendapatkan Sijil Halal Malaysia.
     v. Pandangan berkenaan Tatacara Pembelian Wafer Emas melalui Pembiayaan Skim Belian Plus
     vi. Menyediakan pandangan dan laporan bagi dibentangkan di Mesyuarat Agung Perwakilan 2025

6. Kursus yang dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa Syariah melalui Sekatarakyat / Bank Rakyat / Kursus Luar adalah seperti yang berikut :-

   • Ustaz Mohd Mawerdi Sairi
   (a) Product Innovation in Islamic Finance
   (b) Capacity Building Halal Industry Empowerment Program
   (c) Professional Halal International Executive Program
   (d) Program International Shariah Scholars Roundtable (ISHAR 2024)
   (e) ASSOF 2024 ASAS Shariah Officer Forum
   (f) Muzakarah Muamalat Kewangan Islam 2024

   • Dr. Ahmad Zainudin Abdullah
   Tiada

   • Ustaz Wan Ahmad Izzat Wan Ahmad Sanadi
   (a) 17th Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam 2024 (KLIFF 2024)

7. Rumusan

   Kami telah meneliti prinsip dan kontrak yang berkaitan dengan transaksi dan aplikasi yang diperkenalkan oleh Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad bagi tempoh berakhir 31 Disember 2024. Kami juga telah melaksanakan kajian untuk memberi pandangan sama ada Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad telah mematuhi prinsip Syariah, keputusan dan resolusi Syariah yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berautoriti dan juga keputusan Syariah yang ditetapkan oleh kami.

   Pengurusan Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad bertanggungjawab untuk memastikan bahawa koperasi telah menjalankan perniagaan mengikut prinsip Syariah. Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk menyediakan suatu pandangan yang bebas, berdasarkan kajian kami ke atas operasi Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad.

Kami telah merancang dan melaksanakan penyemakan untuk memperoleh segala maklumat dan penjelasan yang dianggap perlu bagi membolehkan kami memperoleh bukti-bukti yang mencukupi untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad tidak melanggar prinsip-prinsip Syariah.

Berdasarkan semua maklumat yang dimajukan kepada kami dan penerangan daripada pihak pengurusan Sekatarakyat, pada pendapat kami:

1. Kontrak, transaksi dan urusan yang dilakukan oleh Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 yang telah kami semak adalah mematuhi prinsip Syariah;

2. Peruntukan keuntungan dan caj kerugian berkaitan akaun pelaburan mematuhi asas yang telah diluluskan oleh kami mengikut prinsip Syariah; dan

3. Pengiraan zakat adalah selaras dengan prinsip Syariah.

Kami, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad, dengan ini mengesahkan bahawa operasi Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 telah dijalankan selaras dengan prinsip Syariah.

**PERKARA 2**

## 2. LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN 2024

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SEKATARAKYAT SESI 2024/2025

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD (SEKATARAKYAT)
Tingkat 2A,Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur

## LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JAD) SESI 2024/2025

1. Jawatankuasa Audit Dalaman Sekatarakyat bagi sesi 2024/2025 yang telah mengikut tempoh dari 2 Mac 2024 hingga 1 Mac 2025 dianggotai seramai tiga orang iaitu :-

   **a) Nazaruddin Zainal Abidin – Pengerusi (854)**
   **b) Ismarazi Ismail – AJK (4020)**
   **c) Mohd Arief Azree Tun Arifin – AJK (4515)**

2. Mengikut **Garis Panduan 4 Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)**, tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit Dalaman adalah seperti yang berikut :-

**Perkara 5** : JAD seharusnya berfungsi membantu koperasi mencapai tujuannya dengan menilai keberkesanan pelbagai aspek koperasi seperti kewangan, operasi dan pematuhan serta menambah nilai dan mempertingkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan, tadbir urus dan tahap operasi koperasi.

**Perkara 18** : Tugas dan tanggungjawab oleh JAD yang dinyatakan di dalam Undang-Undang Kecil seperti mana kehendak subseksyen 42A(2) Akta 502, termasuklah :-

a) meluluskan rancangan kerja audit dalaman berasaskan kewajaran skop dan risiko;
b) memastikan koperasi mempunyai serta mematuhi dasar dan prosedur mengenai kawalan dalaman yang berkesan;
c) memantau pelaksanaan syor yang dibuat melalui audit tahunan oleh juruaudit luar, juruaudit dalam dan pandangan Suruhanjaya;
d) memeriksa akaun koperasi pada lat-lat masa yang ditetapkan oleh Undang-Undang Kecil;
e) memastikan adanya kuasa dan kesahan bagi segala perbelanjaan serta mengkaji dan memaklumkan kepada Lembaga apa-apa transaksi yang meragukan;
f) menyiasat perkara-perkara yang diarahkan oleh Lembaga;
g) menyemak laporan Audit Dalaman bagi membolehkannya memberi nasihat dan cadangan yang wajar kepada Lembaga mengenai pengurusan dan hal-ehwal koperasi termasuk pelanggaran terhadap Akta, peraturan-peraturan atau Undang-Undang Kecil;
h) memaklumkan Lembaga apa-apa ketidakselarasan yang berlaku dalam pengurusan koperasi dengan serta-merta;
i) mengadakan mesyuarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Undang-Undang Kecil; dan
j) mengemukakan laporan dan syor bertulis mengenai pengurusan dan hal-ehwal koperasi termasuk pelanggaran terhadap Akta, peraturan-peraturan atau Undang-Undang Kecil kepada Lembaga sebagaimana yang ditetapkan oleh Undang-Undang Kecil.

**Perkara 19** : Skop audit dalaman perlu merangkumi audit kewangan, audit pengurusan, audit pematuhan, audit teknologi maklumat, audit operasi, audit prestasi, audit kualiti, audit syariah dan lain-lain mengikut kewajaran skop dan risiko meliputi semua operasi dan keperluan semasa koperasi.

**Perkara 24** : JAD hendaklah mempunyai kuasa yang diberikan oleh Lembaga untuk :-

a) memeriksa segala rekod perakaunan dan rekod lain yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan koperasi dan subsidiarinya, jika ada; dan
b) memanggil mana-mana orang yang dikehendakinya supaya mengemukakan atau menyerahkan apa-apa maklumat atau buku, akaun dan dokumen yang berkaitan, bagi memastikan hal-ehwal dan perniagaan koperasi dijalankan mengikut matlamat penubuhan, Akta, peraturan-peraturan, arahan, garis panduan, Undang-undang Kecil, mana-mana undang-undang bertulis lain, keputusan mesyuarat agung dan mesyuarat Lembaga.

**Perkara 25** : JAD hendaklah menjalankan tugas dengan berfungsi secara bebas daripada Lembaga dan pengurusan koperasi. Oleh itu, JAD pada setiap masa dalam melaksanakan kuasa, kewajipan dan tanggungjawabnya hendaklah berpegang kepada prinsip tataetika berikut :-

a) Integriti

Integriti juruaudit dalaman membentuk kepercayaan kepada pemegang taruh yang menjadi asas bagi kebergantungan terhadap pertimbangan mereka.

b) Keobjektifan

JAD perlu menunjukkan tahap keobjektifan profesional tertinggi dalam pengumpulan, penilaian, dan penyampaian maklumat berkaitan aktiviti atau proses yang sedang dikaji. JAD perlu membuat penilaian yang seimbang tentang semua keadaan berkaitan dan tidak dipengaruhi oleh kepentingan diri atau pihak lain dalam membuat pertimbangan. Sikap berkecuali membolehkan JAD melaksanakan tugas dan kewajipannya dengan penuh yakin dan tanpa menjejaskan pertimbangan dan hasil pengauditan.

c) Kerahsiaan

JAD perlu berhati-hati dalam penggunaan dan perlindungan maklumat yang diperolehi dalam pelaksanaan tugas dan kewajipannya. JAD perlu menghormati nilai dan hak ke atas maklumat yang diterima dan tidak mendedahkan maklumat tanpa kebenaran melainkan dengan keperluan undang-undang atau profesional untuk berbuat demikian. JAD juga tidak boleh menggunakan maklumat untuk sebarang faedah peribadi atau dalam apa cara yang melanggar undang-undang atau menjejaskan objektif pengauditan.

d) Kecekapan / Kompetensi

JAD mengguna pakai pengetahuan, kemahiran, dan pengalaman yang perlu dalam melaksanakan khidmat audit dalaman. JAD perlu berkeupayaan mengaitkan prosedur dan amalan kepada keperluan standard. Kompetensi JAD boleh dicapai dengan gabungan latihan, pengalaman langsung, dan pendidikan berterusan.

3. Mesyuarat – mesyuarat yang telah dijalankan sepanjang tahun 2024/2025 adalah seperti yang berikut :-

| BIL MESYUARAT | PERKARA | TARIKH | BILANGAN KEHADIRAN | AGENDA |
|---|---|---|---|---|
| 1/2024 | Mesyuarat Kali Pertama | 24 Mei 2024 | 3/3 | • Pengenalan |
| 2/2024 | Mesyuarat Kali Kedua | 19 September 2024 | 3/3 | • Skim Simpanan Am<br>• ARX<br>• ESG |
| 3/2024 | Mesyuarat Kali Ketiga | 12 November 2024 | 3/3 | • Pengurusan Hartanah |
| 4/2025 | Mesyuarat Kali Keempat | 27 Disember 2024 | 3/3 | • Had Bidang Kuasa Pengurusan |

4. JAD juga telah membentangkan laporan kepada Anggota Lembaga Pengarah seperti yang berikut:

| BIL MESYUARAT | PERKARA | TARIKH | AGENDA |
|---|---|---|---|
| 1/2024 | Mesyuarat Kali Pertama | 30 September 2024 | • Skim Simpanan Am<br>• ARX<br>• ESG |
| 2/2025 | Mesyuarat Kali Kedua | 22 Januari 2025 | • Pengurusan Hartanah<br>• Had Bidang Kuasa Pengurusan |

5. Laporan JAD ini dibuat berdasarkan pemerhatian yang kami jalankan atas Laporan Penemuan Audit oleh Orang Kompeten berdasarkan pelan audit yang telah ditetapkan seperti yang berikut :-

**a) Skim Simpanan Am**
- Semakan atas prosedur

**b) Ar-Rahnu X'Change (ARX) – 2 Cawangan Terpilih**
- Semakan fizikal (barang kemas/gadaian, modal dan lain-lain jika berkaitan)
- ARX Bandar Kinrara & ARX Dataran Otomobil

**c) ESG**
- Klasifikasi pecahan "Environmental, Social & Governance (ESG)"

**d) Projek Hartanah**
- Semakan atas projek-projek hartanah yang diluluskan Lembaga Pengarah seperti yang berikut :-
  a) Elmina
  b) Pontian
  c) IRMA
  d) Villa Bukit Negeri
  e) Vivo

**e) Had Bidang Kuasa Pengurusan**

- Semakan atas had bidang kuasa Pengurusan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah

6. Kerja pengauditan oleh Orang Kompeten (CWC & Company) telah dijalankan di lokasi-lokasi seperti yang berikut:

   a) Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad, Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, 50740 Kuala Lumpur.
   b) ARX Bandar Kinrara, ZP-G-17, Zest Point, Lebuhraya Bukit Jalil, BK9, Bandar Kinrara, 47180 Puchong, Selangor Darul Ehsan
   c) ARX Dataran Otomobil, B 10, Dataran Otomobil, 17G, Jalan Pahat J 15/J, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

7. Ringkasan keputusan audit mengikut keutamaan untuk pelaksanaan berdasarkan sifat penemuan yang dikategorikan oleh Orang Kompeten seperti yang berikut:

| SIFAT | Deskripsi |
|---|---|
| Kawalan (K) | Keputusan semakan, sama ada secara individu atau secara agregat, menunjukkan kelemahan dalam reka bentuk atau fungsi kawalan dalaman. |
| Operasi (O) | Penemuan menunjukkan keperluan untuk penambahbaikan dalam keberkesanan atau kecekapan proses perniagaan atau sistem kawalan dalaman yang berkaitan. |
| Peraturan/Undang-undang (P) | Penemuan mengenai isu yang berkaitan dengan pematuhan peraturan dan pematuhan kepada perundangan dan peraturan semasa. |
| Dokumentasi (D) | Keputusan mengenai isu yang berkaitan dengan keperluan pentadbiran dan dokumentasi proses perniagaan. |

8. Hasil semakan dan perbandingan :-

   a) Cadangan daripada Orang Kompeten atas penemuan audit telah dipenuhi oleh pihak Pengurusan berdasarkan pelan audit yang telah ditetapkan untuk menilai keberkesanan dalam Skim Simpanan Am, ARX (2 cawangan), ESG, Projek Hartanah dan Had Bidang Kuasa Pengurusan.
   b) Kami juga telah memeriksa dokumen-dokumen yang dinyatakan adalah benar dan tepat.
   c) Buat masa yang akan datang, JAD berhasrat untuk membuat tambahan skop semakan sama ada yang akan dilaksanakan oleh Orang Kompeten dari pihak luar atau pun dikalangan anggota yang berkemahiran. Ini bagi memastikan pengendalian operasi Sekatarakyat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.
   d) Sehubungan dengan itu. Kami berpuas hati atas kerja-kerja pengauditan Orang Kompeten (CWC & Company) dan cadangan serta tindakan daripada pihak Pengurusan selaras mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) Sekatarakyat.

e) Sebarang teguran daripada Orang Kompeten (CWC & Company) telah diperjelaskan secara terperinci dan tindakan susulan lebih dilaksanakan oleh pihak Pengurusan serta-merta seperti dinyatakan dalam Laporan JAD atas 5 perkara audit yang diaudit pada tahun 2024.
f) Kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan sepanjang kami mengadakan mesyuarat dan perbincangan dengan pihak Pengurusan dan Orang Kompeten (CWC & Company) melalui kaedah Hybrid (Ibu Pejabat Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat), Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat No.33 Jalan Rakyat 50470 Kuala Lumpur & Teams).

9. Diharapkan laporan ini dapat membantu barisan Anggota Lembaga Pengarah dan Pengurusan Sekatarakyat mempertingkatkan lagi urusan harian koperasi dengan cekap dan berkesan.

Kerjasama yang diberikan oleh Sekatarakyat, kami amat hargai dan dahului dengan ucapan terima kasih.

## PERKARA 2

### 3. PANDANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA ATAS AKAUN TERAUDIT PADA 31 DISEMBER 2024

Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia atas Akaun Teraudit pada 31 Disember 2024 belum diterima.

Manakala, ulasan bagi tahun 2023 telah diterima dan dibentangkan untuk makluman Mesyuarat Agung Perwakilan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
MALAYSIA

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

Tel: +603-2083 4000
Faks: +603-2083 4100
Portal Rasmi: www.skm.gov.my

Ruj.Kami : SKM.IP.(AUDIT): N89/3605/5/Jld.7/(10)
Tarikh : 01 Mac 2024

Anggota Lembaga
Anggota-anggota Koperasi
Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad
Tingkat 2A, Menara 2,
Menara Kembar Bank Rakyat,
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral
**50470 KUALA LUMPUR**

Tuan,

**PANDANGAN SURUHANJAYA DI BAWAH SUBSEKSYEN 59(2) AKTA KOPERASI 1993 KE ATAS AKAUN-AKAUN DAN KUNCI KIRA-KIRA KOPERASI BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2023**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa akaun-akaun dan kunci kira-kira Koperasi yang diaudit oleh juruaudit Aminuddin Bin Yahaya dari firma Jamal, Amin & Partners telah diterima oleh Suruhanjaya.

2. Pihak kami telah membuat semakan dan pemerhatian terhadap akaun-akaun dan kunci kira-kira serta nota-nota kepada akaun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

3. Berdasarkan semakan dan pemerhatian di atas akaun dan kunci kira-kira yang dikemukakan, kami ingin menarik perhatian berkenaan perkara-perkara berikut :

**Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad**

Pandangan Suruhanjaya Ke Atas Akaun Dan Kunci Kira-kira
Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2023

---

**(a) Pelaburan Akaun Deposit Koperasi di Coop Bank (nota 12) dan Akaun Deposit Koperasi (ADK) Belum Bayar (nota 31)**

Pindahan semasa Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) yang perlu didepositkan kepada Akaun Deposit Koperasi (ADK) hendaklah direkodkan secara terakru ke dalam ADK Belum Bayar mengikut Arahan SKM Bilangan 2 Tahun 2019 berhubung Arahan Mendeposit Ke Dalam Akaun Deposit Koperasi. Persembahan ADK Belum Bayar juga adalah sewajarnya dipersembahkan secara berasingan daripada pemiutang dagangan dan pemiutang pelbagai.

Didapati koperasi juga masih belum mendeposit caruman KWRS tahun 2022 ke dalam ADK. Sila maklum, koperasi adalah dikehendaki untuk mendepositkan KWRS ke dalam ADK dalam tempoh (6) bulan selepas tahun kewangan Koperasi itu berakhir sepertimana subperaturan 5(2) Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Akaun Deposit Koperasi) 2014.

**(b) Akaun Rizab Penilaian Semula (nota 26)**

Koperasi didapati telah merekod peningkatan nilai dalam pelaburan hartanah ke dalam akaun rizab penilaian semula. Sila maklum akaun rizab penilaian semula adalah dikhususkan untuk merekod peningkatan atau penurunan nilai hartanah loji dan peralatan yang menggunakan kaedah penilaian semula secara berkala. Para 60.5, GP23 : Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (Pindaan) 2020 menyatakan, sebarang kenaikan dan penurunan dalam nilai pelaburan hartanah dicajkan ke Akaun Rizab Nilai Saksama: Pelaburan Hartanah.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan dimana sebelum ini berlaku kejatuhan dalam nilai pelaburan hartanah dan amaun kejatuhan tersebut telah dicajkan sebagai belanja dalam Akaun Untung Rugi, maka amaun yang boleh dikreditkan ke Akaun Untung Rugi daripada kenaikan nilai pelaburan hartanah hanya setakat amaun yang dicajkan sebagai belanja. Sebarang lebihan hendaklah dikreditkan ke Akaun Rizab Nilai Saksama.

**(c) Pelaburan Usahasama**

Sila maklum, pelaburan dalam usahasama dan pelaburan harta tak alih adalah termasuk dalam kategori pelaburan yang memerlukan kelulusan Suruhanjaya di bawah subseksyen 54(2) dan seksyen 54A Akta Koperasi 1993. Kegagalan koperasi untuk mendapatkan kelulusan daripada Suruhanjaya terlebih dahulu boleh menyebabkan koperasi atau pegawai koperasi dikenakan tindakan perundangan di bawah Akta yang sama. Pihak koperasi hendaklah menyatakan kelulusan Suruhanjaya dan had pelaburan dalam Nota kepada Akaun sekiranya kelulusan tersebut telah diperolehi selaras dengan kehendak GP23 : Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (Pindaan) 2020 .

**(d) Laporan Pengurusan**

Isu dan cadangan yang dilaporkan oleh juruaudit dalam laporan pengurusan hendaklah diberi perhatian dan diambil tindakan yang sewajarnya oleh pihak pengurusan koperasi bagi memastikan ia dapat diatasi dengan segera terutama yang melibatkan kelulusan Suruhanjaya dan pematuhan terhadap Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi 2010 dan lain-lain. Adalah menjadi tanggungjawab koperasi untuk memastikan semua rekod perakaunan dan rekod lain yang berkaitan disimpan, disenggara dan dikemaskini sepertimana kehendak seksyen 58 Akta Koperasi 1993.

**Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad**

Pandangan Suruhanjaya Ke Atas Akaun Dan Kunci Kira-kira
Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2023

---

4. Semua pandangan Suruhanjaya di atas yang mempunyai kesan kewangan terhadap akaun teraudit dan kunci kira-kira koperasi hendaklah diselaraskan dengan sewajarnya oleh koperasi dan ditunjukkan dengan jelas dalam akaun teraudit koperasi tahun kewangan akan datang selaras dengan peruntukan subseksyen 59(2A) Akta Koperasi 1993 dan dilaporkan oleh anggota Lembaga koperasi dalam laporan berkanunnya sepertimana kehendak di bawah perenggan 59(3)(g) Akta yang sama.

5. Selain daripada perkara di atas, kami berpendapat akaun-akaun dan kunci kira-kira tersebut telah disediakan selaras dengan peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(**SITI AZLIN BTE AHMAD DAUTA**)
Naib Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi dan Kawal Selia)
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

s.k. Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan
Ketua Bahagian Audit Wilayah Persekutuan
Penolong Pengarah Wilayah Nasional F
Firma Jamal, Amin & Partners

**MAKLUMBALAS PANDANGAN SURUHANJAYA DIBAWAH SUBSEKSYEN 59(2) AKTA KOPERASI 1993 KE ATAS AKAUN-AKAUN DAN KUNCI KIRA-KIRA KOPERASI BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

| PERKARA | PANDANGAN SKM TERHADAP AKAUN TERAUDIT | MAKLUMBALAS SEKATARAKYAT | TINDAKAN PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| **a** | **Pelaburan Akaun Deposit Koperasi di Coop Bank (nota 12) dan Akaun Deposit Koperasi (ADK) Belum Bayar (nota 31)** | **Isu Utama :**<br><br>**i. Tiada caruman KWRS tahun 2022 ke dalam ADK**<br><br>**ii. Rekod ADK Belum Bayar dalam persembahan akaun perlu dibuat berasingan daripada pemiutang dan pemiutang pelbagai.**<br><br>**Kesimpulan :**<br><br>**i. Caruman KWRS 2022 sebanyak RM205,160 perlu dibuat bayaran dalam tempoh enam (6) bulan selepas tahun kewangan koperasi berakhir.**<br><br>**ii. Rekod ADK Belum bayar perlu dibuat persembahan secara berasingan daripada pemiutang dan pemiutang pelbagai.** | Pengurusan mengambil maklum dan akan membuat bayaran dengan segera bagi caruman KWRS tahun 2022 berjumlah RM205,160.<br><br>Persembahan bagi ADK Belum Bayar akan dibuat persembahan berasingan daripada pemiutang dan pemiutang pelbagai dan ditunjukkan di dalam Kunci Kira-Kira untuk tahun-tahun berikutnya.<br><br>**Rumusan (Selesai) :**<br><br>**i. Bayaran KWRS tahun 2022 berjumlah RM205,160 telah dibuat bayaran pada 21 Mac 2024.**<br><br>**ii. Persembahan ADK belum bayar telah dibuat secara berasingan di pelaporan audit Laporan Tahunan & Penyata Kewangan berakhir 31 Disember 2024.** |

| PERKARA | PANDANGAN SKM TERHADAP AKAUN TERAUDIT | MAKLUMBALAS SEKATARAKYAT | TINDAKAN PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
Pada pengiktirafan awal, semua aset kewangan dan liabiliti kewangan diukur pada pada harga transaksi, temasuk kos transaksi jika instrumen kewangan tidak diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Bagi instrumen yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos urusniaga dibelanjakan dalam untung atau rugi apabila berlaku.

#### (b) Pengukuran Susulan Aset Kewangan

Bagi tujuan pengukuran susulan, Koperasi mengklasifikasikan aset kewangannya kepada dua kategori, iaitu: (i) aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, dan (ii) aset kewangan pada kos terlunas.

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan dalam saham keutamaan dan saham biasa diukur pada nilai saksama dengan merujuk kepada harga pasaran aktif, jika diperhatikan, atau selainnya melalui teknik pengukuran, tanpa sebarang potongan untuk kos urusniaga yang ditanggung semasa jualan atau pelupusan lain.

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

### 4.9 Instrumen Kewangan (Samb.)

**(b) Pengukuran Susulan Aset Kewangan (Samb.)**

Selain daripada aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, semua aset kewangan yang lain adalah tertakluk kepada semakan semula untuk kemerosotan nilai.

Pelaburan dalam instrumen hutang, sama ada di dalam siar harga atau tidak, secara susulan diukur pada nilai kos yang dilunaskan menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif. Pelaburan dalam instrumen ekuiti tidak siar harga yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti diukur pada kos.

**(c) Pengukuran Susulan Liabiliti Kewangan**

Selepas pengiktirafan awal, semua liabiliti kewangan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif.

**(d) Pengukuran Nilai Saksama Aset Kewangan**

Nilai saksama aset kewangan atau liabiliti kewangan ditentukan berdasarkan kepada harga pasaran siar harga dalam pasaran aktif, dan sekiranya tiada harga pasaran yang boleh diperolehi, teknik penilaian adalah berdasarkan andaian munasabah dan disokong.

**(e) Pengiktirafan Keuntungan dan Kerugian**

Perubahan nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ia terjadi.

Bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan yang dibawa pada kos terlunas, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi hanya apabila aset kewangan atau liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau terjejas, dan melalui proses pelunasan instrumen.

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

### 4.9 Instrumen Kewangan (Samb.)

#### (f) Kemerosotan dan Aset Kewangan Tidak Dapat Dituntut

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Koperasi mengkaji sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan terjejas. Bukti-bukti yang mencetus kehilangan adalah termasuk: (i) kesukaran yang ketara kepada penerbit atau penanggung kontrak; (ii) pelanggaran kontrak, seperti lalai atau kegagalan pembayaran kadar keuntungan atau bayaran pokok; (iii) memberikan konsesi yang luar biasa kepada pelanggan; (iv) terdapat kemungkinan bahawa pelanggan akan muflis atau penyusunan semula kewangan yang lain; (v) tiada pasaran aktif bagi aset kewangan kerana masalah kewangan; atau (vi) apa-apa data pasaran yang menunjukkan bahawa kemungkinan ada pengurangan yang boleh diukur dalam aliran tunai masa depan yang dianggarkan daripada kumpulan aset kewangan.

Bagi pembiayaan dan penghutang bukan semasa yang dibawa pada kos terlunas, anggaran aliran tunai disemak didiskaunkan pada kadar keuntungan efektif asal. Sebarang kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi dan jumlah yang sama direkodkan dalam akaun peruntukan rugi. Mana-mana pembalikan susulan bagi kerugian kemerosotan aset kewangan akan dibalikkan dalam untung atau rugi dengan pelarasan kepada akaun peruntukan kerugian, tertakluk kepada had yang pembalikan tidak boleh menyebabkan jumlah bawaan yang disemak semula bagi aset kewangan melebihi jumlah yang ditentukan sekiranya tidak mempunyai kerugian kemerosotan yang diiktiraf sebelum ini.

Bagi penghutang perdagangan jangka pendek dan lain-lain penghutang jangka pendek, di mana kesan pengurangan jumlah adalah tidak material; kerugian rosotnilai diuji bagi setiap penghutang ketara secara individu sekiranya terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Penghutang ketara secara individunya yang mana tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf akan dikumpulkan bersama dengan lain-lain penghutang melalui klasifikasi berdasarkan ciri-ciri risiko kredit dan pengumuran penghutang terbabit mengikut tempoh hutang yang dibenarkan. Peruntukan kolektif dianggarkan untuk kumpulan berdasarkan pengalaman Koperasi dalam nisbah kerugian dalam setiap kumpulan, dengan mengambil kira keadaan pasaran semasa.

Bagi pelaburan ekuiti tidak disebut harga dinyatakan pada kos ditolak kemerosotan nilai, di mana kemerosotan nilai adalah perbezaan di antara jumlah bawaan aset dan anggaran terbaik (yang semestinya berdasarkan penghampiran) daripada jumlah (yang mungkin menjadi sifar) yang mana Koperasi menjangka penerimaan untuk aset jika ia dijual pada tarikh laporan. Koperasi boleh menganggarkan jumlah yang boleh diperolehi semula menggunakan pendekatan nilai aset bersih yang dilaraskan.

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

### 4.9 Instrumen Kewangan (Samb.)

#### (g) Penyahiktirafan Instrumen Kewangan

Aset kewangan akan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan itu luput, atau apabila Koperasi memindahkan hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan, termasuk keadaan apabila Koperasi bertindak hanya sebagai ejen pemungutan penerima pindahan, dan mengekalkan risiko dan ganjaran yang tidak ketara bagi pemilikan aset kewangan atau tiada penglibatan berterusan dalam kawalan aset kewangan yang dipindahkan.

Liabiliti kewangan akan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, ia dibatalkan secara sah, sama ada apabila syarat yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan atau dibatalkan atau luput. Perubahan ketara pada terma bagi liabiliti kewangan sedia ada menyumbang kepada penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan yang baru. Bagi tujuan ini, Koperasi mempertimbangkan perubahan yang ketara jika nilai semasa aliran tunai yang disemak bagi terma yang diubah suai serta didiskaun pada kadar keuntungan efektif asal dengan perbezaan sebanyak 10% atau lebih jika dibandingkan dengan nilai dibawa liabiliti yang asal.

### 4.10 Pajakan Kewangan dan Operasi

#### (a) Perakaunan Pajakan

Koperasi mengiktiraf pajakan apabila terdapat perjanjian, sama ada dinyatakan dengan jelas sebagai pajakan atau sebaliknya, yang mana pemberi pajak menyampaikan kepada penerima pajak sebagai balasan melalui pembayaran tunggal atau siri pembayaran bagi hak untuk menggunakan aset untuk tempoh masa yang dipersetujui. Pajakan diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan jika ia memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan. Hak penama akhirnya mungkin atau tidak mungkin akan dipindahkan. Semua pajakan lain yang tidak memenuhi kriteria ini diklasifikasikan sebagai pajakan operasi.

Koperasi mempermodalkan aset yang dipajak dan liabiliti pajakan berkaitan dalam pajakan kewangan. Jumlah yang diiktiraf pada tarikh permulaan kuat kuasa adalah nilai saksama aset yang dipajak atau, sekiranya lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, yang masing-masing ditentukan pada permulaan pajakan. Kadar diskaun yang digunakan dalam mengira nilai semasa bayaran pajakan minimum adalah kadar keuntungan yang terkandung dalam pajakan, jika praktikal untuk ditentukan; jika tidak, kadar pembiayaan tambahan pemajak digunakan. Sebarang kos langsung awal pajakan ditambah kepada jumlah yang diiktiraf sebagai aset.

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

### 4.10 Pajakan Kewangan dan Operasi (Samb.)

**(a) Perakaunan Pajakan (Samb.)**

Bayaran pajakan minimum dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak. Caj kewangan diperuntukkan kepada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar keuntungan berkala yang tetap atas baki liabiliti. Sewa luarjangka dicaj sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia ditanggung.

Aset pajakan yang dipermodalkan diklasifikasikan mengikut ciri dan diambil kira mengikut Piawaian dalam MPERS. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa penyewa akan mendapat pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut disusutnilai lebih pendek antara tempoh pajakan dan jangka hayat kegunaannya.

**(b) Pajakan operasi**

Koperasi tidak mempermodalkan aset yang dipajak atau mengiktiraf liabiliti pajakan bagi pajakan operasi. Sebaliknya, bayaran pajakan di bawah pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan kecuali terdapat asas sistematik yang lain yang lebih menggambarkan corak masa manfaat pengguna.

**(c) Pajakan tanah dan bangunan**

Bagi pajakan yang merangkumi unsur-unsur tanah dan bangunan, Koperasi menilai klasifikasi setiap elemen sebagai pajakan kewangan atau pajakan operasi secara berasingan mengikut petunjuk dalam Seksyen 20 Pajakan MPERS. Bayaran pajakan minimum (termasuk mana-mana bayaran pendahuluan sekaligus) diperuntukkan antara elemen tanah dan bangunan dalam pengagihan kepada nilai saksama relatif bagi kepentingan pajakan dalam elemen tanah dan elemen bangunan pajakan pada permulaan pajakan. Jika sebahagian besar semua risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan telah dipindahkan kepada penerima pajak, tanah dan bangunan pegangan pajakan dianggap sebagai pajakan kewangan dan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan. Pajakan jangka pendek tanah dan bangunan dianggap sebagai pajakan operasi dan aset asas dipajak tidak dipermodalkan. Sebarang pembayaran pendahuluan pajakan diklasifikasikan sebagai bayaran pajakan prabayar, aset tidak ketara yang berdasarkan ciri hak-guna aset.

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

### 4.11 Cukai

Cukai pendapatan untuk untung atau rugi bagi tahun kewangan semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh cukai bagi tahun semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh penyata kedudukan kewangan di antara asas cukai dan nilai bawaan bagi aset dan liabiliti dalam penyata kewangan. Secara prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh cukai, dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan sehingga ke tahap di mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan akan dikredit cukai belum digunakan dan kredit cukai sebelum digunakan boleh direalisasikan dengan keuntungan boleh cukai masa depan yang boleh capai. Cukai tertunda tidak akan diiktiraf jika perbezaan sementara wujud daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan komunikasi perniagaan dan pada masa transaksi tersebut, tidak memberi kesan terhadap keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang diramal akan dikenakan dalam tempoh apabila aset itu direalisasikan, atau liabiliti itu diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah dikuatkuasakan ataupun telah dikuatkuasakan sebahagian besarnya pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali jika terhasil daripada transaksi yang diiktiraf terus ke dalam ekuiti, di mana cukai tertunda dicajkan atau dikreditkan terus ke dalam ekuiti ataupun bila ia terhasil daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambil alihan syarikat di mana cukai tertunda dimasukkan ke dalam muhibbah atau muhibbah negatif yang terhasil.

### 4.12 Manfaat Pekerja

(a) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Gaji, upah, bonus, cuti tahunan berbayar, cuti rawatan dan keuntungan yang berbentuk wang diiktiraf sebagai belanja dalam tahun kewangan di mana pekerja telah memberikan perkhidmatan kepada Koperasi.

(b) Pelan sumbangan tetap

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia dikehendaki menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sumbangan ini diiktiraf sebagai belanja dalam penyata pendapatan dalam tahun kewangan yang berkaitan. Sebaik sahaja sumbangan ini dibayar, Koperasi tidak mempunyai sebarang tanggungan masa hadapan.

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

### 4.12 Manfaat Pekerja (Samb.)

(c) Manfaat pemberhentian

Manfaat pemberhentian pekerja diiktiraf hanya selepas persetujuan wakil pekerja atas syarat-syarat yang telah ditetapkan atau selepas seseorang pekerja telah dimaklumkan mengenai syarat-syarat tersebut.

Koperasi mengiktiraf sebagai liabiliti apabila pekerja telah menyediakan perkhidmatan sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja yang akan dibayar pada masa hadapan dan perbelanjaan apabila Koperasi menggunakan manfaat ekonomi yang timbul daripada perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja.

### 4.13 Aset Kesetaraan Tunai

Tunai merangkumi tunai di tangan dan di bank. Kesetaraan tunai merangkumi pelaburan yang matang dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh pembelian yang sedia ada dan boleh ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan adalah tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

### 4.14 Peruntukan

Koperasi mengiktiraf liabiliti sebagai peruntukan jika aliran keluar yang diperlukan untuk menyelesaikan liabiliti adalah tidak pasti dalam bentuk masa atau jumlah.

Peruntukan untuk kos jaminan, kos pemulihan, kos penyusunan semula, kontrak yang membebankan atau tuntutan mahkamah diiktiraf apabila Koperasi mempunyai kewajipan perundangan atau konstruktif akibat daripada peristiwa yang lalu, dan yang mana aliran keluar sumber bagi penyelesaian adalah berkemungkinan dan kenyataan boleh percaya bagi anggaran jumlah boleh dibuat. Tiada peruntukan diiktiraf jika syarat ini tidak dipenuhi.

Sebarang pembayaran balik disebabkan oleh peruntukan yang diiktiraf dari pihak balas (seperti pihak insurans atau takaful) tidak ditolak daripada peruntukan tetapi diiktiraf secara berasingan sebagai aset apabila, dan hanya apabila, pembayaran semula dapat dipastikan.

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

### 4.14 Peruntukan (Samb.)

Peruntukan diukur pada anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan semasa pada akhir tempoh pelaporan. Bagi peruntukan jaminan, hasil yang dijangka bagi sumber yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan berdasarkan kebarangkalian berwajaran adalah digunapakai, dengan mengambil kira pengalaman Koperasi dalam urus niaga yang sama dan ditambah dengan fakta dan keadaan semasa. Bagi peruntukan pemulihan, di mana kewajipan tunggal diukur, Koperasi menggunakan hasil individu yang paling mungkin sebagaimana anggaran terbaik bagi liabiliti dengan merujuk kepada harga semasa caj yang akan dikenakan kontraktor untuk melaksanakan kewajipan itu, dan mengambil kira peristiwa masa depan yang mungkin yang boleh menjejaskan jumlah yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan. Bagi kontrak yang membebankan, peruntukan yang diukur berdasarkan jumlah di mana kos untuk memenuhi kontrak melebihi manfaat. Bagi peruntukan tuntutan mahkamah, hasil yang dijangka berdasarkan kebarangkalian berwajaran digunapakai dalam pengukuran, dengan mengambil kira keputusan masa lalu penghakiman mahkamah yang dibuat dalam kes-kes yang serupa dan atas nasihat daripada pakar perundangan.

Peruntukan diukur pada nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan dengan menggunakan kadar diskaun yang mencerminkan nilai masa wang dan risiko bahawa hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat. Penamatan diskaun adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah.

### 4.15 Kos pembiayaan

Kos pembiayaan Koperasi termasuk keuntungan atas pembiayaan, liabiliti pajakan kewangan dan perbelanjaan faedah instrumen hutang lain yang dikira menggunakan kaedah keuntungan efektif. Semua kos pembiayaan diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila berlaku.

### 4.16 Yuran Masuk

Yuran masuk yang diterima dalam tahun kewangan dikreditkan ke akaun untung rugi sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Undang-undang Kecil Koperasi bilangan 13(4).

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

### 4.17 Pengiktirafan dan Pengukuran Hasil

Pendapatan dari aktiviti pembekalan barangan pejabat dan operasi kedai serbaguna (runcit) diiktiraf apabila keluaran dihantar kepada pelanggan. Pendapatan dari pembiayaan anggota diiktiraf pada asas akruan. Koperasi mengukur hasil daripada jualan barangan atau perkhidmatan pada nilai saksama bagi imbalan yang diterima atau boleh diterima, yang kebiasaannya harga invois selepas ditolak diskaun dagangan dan rebat yang diberikan kepada pelanggan dalam urus niaga jualan atau perkhidmatan. Hasil daripada jualan barangan diiktiraf apabila: (a) Koperasi telah memindahkan kepada pembeli risiko dan ganjaran ketara pemilikan barang-barang; (b) Koperasi mengekalkan untuk tidak meneruskan penglibatan pengurusan pada tahap kebiasaannya dikaitkan dengan pemilikan atau tanpa kawalan efektif ke atas barangan yang dijual; (c) amaun hasil boleh diukur dengan pasti; (d) terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urusniaga akan mengalir kepada Koperasi; dan (e) kos yang sudah atau akan berlaku berkenaan dengan transaksi tersebut boleh diukur dengan pasti.

Bagi menjadikan sesuatu perkhidmatan pembinaan atau untuk perkhidmatan kontrak hartanah dengan pelanggan yang dilakukan dari masa ke masa, apabila hasil kontrak boleh dianggarkan dengan pasti, hasil diiktiraf dari masa ke masa dengan merujuk kepada peringkat siap kontrak pada akhir tempoh pelaporan. Kaedah yang digunakan untuk mengukur peringkat siap adalah dengan membahagikan kos hingga pada tarikh semasa kepada jumlah anggaran kos kontrak. Apabila hasil daripada kontrak perkhidmatan tidak dapat dianggarkan dengan pasti, hasil diiktiraf hanya setakat perbelanjaan diiktiraf, yang boleh diperolehi semula.

Lain-lain pendapatan Koperasi adalah diiktiraf menggunakan asas berikut:

(a) Pendapatan keuntungan daripada instrumen hutang diiktiraf menggunakan kaedah-kaedah efektif.

(b) Pendapatan sewa daripada hartanah perlaburan diiktiraf berdasarkan asas garis lurus sepanjang tempoh perjanjian sewaan yang berkaitan.

(c) Dividen daripada pelaburan ekuiti diiktiraf apabila hak Koperasi, sebagai pemegang saham penerima pelaburan, telah wujud, yang mana merupakan tarikh dividen telah dibenarkan sewajarnya.

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 5. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

### 5.1 Pertimbangan

Dalam pemilihan dasar-dasar perakaunan Koperasi, perkara-perkara yang memerlukan pertimbangan penting adalah seperti yang berikut:

**(a) Klasifikasi Pajakan Kewangan dan Pajakan Operasi**

Koperasi mengklasifikasikan pajakan sebagai pajakan kewangan atau pajakan operasi berdasarkan kriteria sejauh mana kedudukan risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan aset. Sebagai penerima pajak, Koperasi mengiktiraf pajakan sebagai pajakan kewangan jika ia terdedah kepada risiko dan ganjaran yang ketara yang berkaitan dengan pemilikan aset sandaran. Dalam menggunakan pertimbangan, Koperasi mempertimbangkan sama ada terdapat insentif ekonomi yang ketara untuk menjalankan pilihan pembelian atau mana-mana pilihan tempoh pembaharuan. Pajakan diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan jika tempoh pajakan adalah untuk sekurang kurangnya 75% jangka hayat ekonomi aset sandaran, nilai kini bayaran pajakan adalah sekurang-kurangnya 90% daripada nilai saksama aset sandaran, atau aset yang dikenal pasti dalam pajakan adalah aset khusus yang hanya boleh digunakan secara berkesan oleh penerima pajak. Semua pajakan lain yang tidak mengakibatkan pemindahan risiko dan ganjaran ketara diklasifikasikan sebagai pajakan operasi.

Koperasi mengklasifikasikan pajakan tanah sebagai pajakan kewangan jika nilai saksama tanah pegangan pajak adalah 90% atau lebih daripada nilai saksama tanah pegangan bebas yang setara atau jika tempoh pajakan, yang ditentukan pada permulaan pajakan, adalah 50 tahun atau lebih. Pajakan tanah yang tidak memenuhi mana-mana kriteria ini dikelaskan sebagai pajakan operasi.

**(b) Klasifikasi Hartanah Pelaburan**

Sesetengah hartanah terdiri daripada sebahagian yang dipegang untuk memperoleh pendapatan sewa atau peningkatan nilai modal atau untuk kedua duanya, manakala bakinya dipegang untuk kegunaan dalam pengeluaran atau bekalan barangan dan perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran. Jika bahagian yang dipegang untuk sewa dan/atau peningkatan nilai modal boleh dijual secara berasingan (atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan), Koperasi menganggap bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Jika bahagian yang dipegang untuk sewa dan/atau peningkatan nilai modal tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, ia diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan hanya jika bahagian yang tidak ketara harta yang dipegang digunakan dalam pengeluaran atau bekalan barangan dan perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran. Pengurusan menggunakan pertimbangan untuk menentukan sama ada apa-apa perkhidmatan sampingan adalah ketara bahawa harta tersebut tidak layak dianggap sebagai hartanah pelaburan.

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 5. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN (SAMB.)

### 5.2 Ketidakpastian Anggaran

Pengukuran beberapa aset dan liabiliti memerlukan pihak pengurusan menggunakan anggaran berdasarkan pelbagai input yang boleh diperhatikan dan andaian lain. Bidang atau barangan yang tertakluk kepada ketidaktentuan anggaran ketara Koperasi adalah seperti yang berikut:

**(a) Pengukuran Peruntukan**

Koperasi menggunakan "anggaran terbaik" sebagai asas untuk mengukur peruntukan. Pihak pengurusan menilai anggaran berdasarkan pengalaman sejarah Koperasi dan input lain atau andaian, perkembangan terbaru dan peristiwa masa depan yang munasabah dalam hal keadaan tertentu. Dalam kes dimana peruntukan yang berkaitan dengan populasi besar pelanggan (seperti peruntukan jaminan), suatu anggaran kebarangkalian berwajaran aliran keluar yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan adalah digunakan. Dalam hal anggaran tunggal (seperti peruntukan untuk kos pemulihan alam sekitar), harga atau pasaran harga kontraktor yang dirujuk digunakan sebagai anggaran terbaik. Jika kewajipan adalah perlu diselesaikan dari masa ke semasa, aliran keluar yang dijangka akan didiskaun pada kadar yang mengambil kira nilai masa wang dan risiko yang mana hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat. Hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat dan ini mungkin memberi kesan yang ketara ke atas kedudukan kewangan dan keputusan Koperasi.

**(b) Menentukan Nilai Gunaan**

Dalam menentukan nilai gunaan aset secara berasingan atau unit penjanaan tunai, pengurusan menggunakan input yang munasabah dan disokong berkenaan jualan, kos jualan dan perbelanjaan lain berdasarkan pengalaman lalu, peristiwa semasa dan perkembangan masa depan yang mungkin. Aliran tunai diunjur berasaskan input tersebut dan didiskaunkan pada kadar diskaun yang sesuai. Hasil atau peristiwa sebenar mungkin tidak bertepatan dengan input atau andaian dan kadar diskaun yang digunakan dalam pengukuran, dan ini akan memberi kesan yang ketara ke atas kedudukan kewangan dan keputusan Koperasi.

**(c) Kemerosotan atau Pengurangan Nilai Inventori Tiada Pergerakan dan Usang**

Koperasi mengurangkan nilai bagi inventori tiada pergerakan dan usang berdasarkan penilaian nilai saksama ditolak kos jualan. Inventori dikurangkan nilai apabila peristiwa dan keadaan menunjukkan bahawa jumlah nilai dibawa mungkin tidak boleh diperolehi semula. Pihak pengurusan menggunakan pertimbangan untuk menganalisa corak jualan lalu dan corak ekonomi semasa untuk menilai kerugian kemerosotan secukupnya bagi inventori tiada pergerakan dan usang. Kerugian kemerosotan nilai sebenar hanya boleh disahkan dalam jualan berikutnya bagi inventori tersebut dan ini mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat sebelum ini. Ini boleh memberi kesan ke atas kedudukan kewangan dan keputusan Koperasi.

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 5. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN (SAMB.)

### 5.2 Ketidakpastian Anggaran (Samb.)

**(d) Peruntukan Rugi Aset Kewangan**

Koperasi mengiktiraf kerugian kemerosotan nilai bagi pembiayaan dan penghutang menggunakan model kerugian ditanggung. pembiayaan dan penghutang ketara diuji untuk rosotnilai secara berasingan dengan menganggarkan aliran tunai yang dijangka boleh diperolehi semula. Semua pembiayaan dan lain-lain penghutang dikategorikan ke dalam kelas risiko kredit dan diuji untuk rosotnilai secara kolektif, dengan menggunakan pengalaman lalu Koperasi berkenaan statistik kerugian, pengumuran jumlah masa lalu dan corak ekonomi semasa. Kerugian akhir sebenar mungkin berbeza daripada peruntukan dibuat dan ini boleh memberi kesan ke atas kedudukan kewangan dan keputusan Koperasi.

**(e) Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan**

Kos sesuatu item hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus atau satu lagi kaedah yang sistematik yang mencerminkan penggunaan manfaat ekonomi aset sepanjang jangka hayat. Anggaran digunakan dalam pemilihan kaedah susutnilai, jangka hayat dan nilai baki. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi bagi hartanah, loji dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh membawa kepada keuntungan atau kerugian atas pelupusan akhir sesuatu hartanah, loji dan peralatan.

**(f) Pengukuran Cukai Pendapatan**

Koperasi beroperasi di pelbagai bidang kuasa dan tertakluk kepada cukai pendapatan di setiap bidang kuasa. Penghakiman penting diperlukan dalam menentukan peruntukan Koperasi untuk cukai semasa dan tertunda kerana liabiliti cukai akhir untuk keseluruhan Koperasi tidak dapat dipastikan. Apabila hasil akhir cukai yang perlu dibayar ditentukan oleh pihak berkuasa cukai dalam setiap bidang kuasa, amaun yang perlu dibayar mungkin berbeza daripada anggaran awal peruntukan cukai. Perbezaan sedemikian boleh mempengaruhi cukai semasa dan tertunda dalam tempoh penentuan sedemikian dibuat.

Koperasi akan menyesuaikan dengan perbezaan kerana cukai semasa atau tertunda di bawah peruntukan semasa atau kurang tertakluk dalam tempoh semasa di mana perbezaan tersebut timbul.

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | Pada 1.1.2024 RM | Tambahan RM | (Hapus kira)/ Pengkelasan semula RM | Pada 31.12.2024 RM |
|---|---|---|---|---|
| **Kos** | | | | |
| Kenderaan | 85,628 | - | - | 85,628 |
| Komputer, mesin kira dan telefon | 874,174 | 642,581 | (4,219) | 1,512,536 |
| Papan tanda | 214,925 | 37,046 | - | 251,971 |
| Penghawa dingin | 13,800 | 7,300 | - | 21,100 |
| Perabot dan kelengkapan | 578,701 | 167,922 | (5,000) | 741,623 |
| Perkakas | 2,015,609 | 72,050 | (10,796) | 2,076,862 |
| Tanah pegangan bebas | 545,000 | - | - | 545,000 |
| Ubah suai | 5,555,148 | 279,958 | (53,333) | 5,781,773 |
| Emas | 1,900 | - | - | 1,900 |
| | 9,884,885 | 1,206,857 | (73,349) | 11,018,394 |

| | Pada 1.1.2024 RM | Tambahan RM | (Hapus kira)/ Pengkelasan semula RM | Pada 31.12.2024 RM |
|---|---|---|---|---|
| **Susutnilai dan kerugian kemerosotan nilai terkumpul** | | | | |
| Kenderaan | 85,627 | - | - | 85,627 |
| Komputer, mesin kira dan telefon | 529,937 | 247,725 | - | 777,662 |
| Papan tanda | 91,802 | 40,169 | - | 131,971 |
| Penghawa dingin | 4,140 | 3,244 | - | 7,384 |
| Perabot dan kelengkapan | 340,505 | 66,632 | - | 407,137 |
| Perkakas | 1,026,219 | 367,369 | - | 1,393,588 |
| Ubah suai | 3,600,825 | 701,786 | - | 4,302,611 |
| Emas | - | - | - | - |
| | 5,679,055 | 1,426,925 | - | 7,105,980 |

| | 2024 RM | 2023 RM |
|---|---|---|
| **Nilai pembawa** | | |
| Kenderaan | 1 | 1 |
| Komputer, mesin kira dan telefon | 734,874 | 344,237 |
| Papan tanda | 120,000 | 123,123 |
| Penghawa dingin | 13,716 | 9,660 |
| Perabot dan kelengkapan | 334,486 | 238,196 |
| Perkakas | 683,274 | 989,390 |
| Tanah pegangan bebas | 545,000 | 545,000 |
| Ubah suai | 1,479,162 | 1,954,324 |
| Emas | 1,900 | 1,900 |
| | 3,912,414 | 4,205,831 |

Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan Koperasi adalah kenderaan bermotor dengan jumlah bawaan bersih RM1 (2023: RM1).

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 7. MUHIBBAH (GOODWILL)

| | 2024 RM | 2023 RM |
|---|---|---|
| **Kos** | | |
| MOCCIS | 220,490 | - |
| KOSIMPAN | 50,000 | - |
| | 270,490 | - |

| | 2024 RM | 2023 RM |
|---|---|---|
| **Pelunasan** | | |
| MOCCIS | 33,073 | - |
| KOSIMPAN | 3,333 | - |
| | 36,407 | - |

| | 2024 RM | 2023 RM |
|---|---|---|
| **Nilai pembawa** | | |
| MOCCIS | 187,416 | - |
| KOSIMPAN | 46,667 | - |
| | 234,083 | - |

Muhibbah yang dibayar kepada Koperasi Pegawai-Pegawai Melayu Malaysia Berhad (MOCCIS) dan Koperasi Simpanan & Kredit Bersatu Berhad (KOSIMPAN) adalah jumlah yang dinilaikan semasa pengambilalihan berdasarkan reputasi perniagaan Ar-Rahnu yang telah beroperasi dan menjaga hubungan bersama pelanggan.

## 8. PELABURAN DALAM USAHA SAMA

| | 2024 RM | 2023 RM |
|---|---|---|
| Usaha sama Projek Perumahan Taman Irma Sekata - Irma Worlwide | 2,500,000 | 2,500,000 |
| Usaha sama Projek Perumahan Taman Sekata Mawar - PTT Synergy | 3,350,000 | 3,350,000 |
| Usaha sama Projek Perumahan Villa Bukit Negeri - Goodmode Equity | 12,500,000 | 12,500,000 |
| Usaha sama Projek Perindustrian Kota Elmina - PTT Synergy | 76,163,279 | - |
| | 94,513,279 | 18,350,000 |
| Baki pada 31 Disember | 94,513,279 | 18,350,000 |

Kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ("SKM") telah diterima pada 19 April 2024 (No Rujukan : SKM.IP.(UU) : 3608/1A JLD.2 (8))

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 9. HARTANAH PELABURAN

| | Pada 1.1.2024 RM | Tambahan RM | Pada 31.12.2024 RM |
|---|---|---|---|
| **Kos** | | | |
| Rumah kedai (Space U8) | 11,250,154 | - | 11,250,154 |
| Rumah kedai (Melawati) | 2,900,000 | - | 2,900,000 |
| Kampung Attap | 1,270,000 | - | 1,270,000 |
| Wisma Sekatarakyat | 22,600,000 | - | 22,600,000 |
| Sekata Apartment | 8,000,000 | - | 8,000,000 |
| Banglo Sekata Vista | 2,660,640 | - | 2,660,640 |
| Sekata Makmur | 15,360,000 | - | 15,360,000 |
| Komersial Vivo | 165,128,544 | - | 165,128,544 |
| | 229,169,338 | - | 229,169,338 |

| | Pada 1.1.2024 RM | Tambahan RM | Pada 31.12.2024 RM |
|---|---|---|---|
| **Rizab nilai saksama - Pelaburan Hartanah** | | | |
| Rumah kedai (Space U8) | 737,846 | - | 737,846 |
| Rumah kedai (Melawati) | 2,900,000 | 100,000 | 3,000,000 |
| Kampung Attap | 1,430,000 | - | 1,430,000 |
| Wisma Sekatarakyat | 3,244,000 | 1,356,000 | 4,600,000 |
| Sekata Apartment | 5,120,000 | - | 5,120,000 |
| Banglo Sekata Vista | 939,360 | - | 939,360 |
| Sekata Makmur | 3,680,000 | 720,000 | 4,400,000 |
| Komersial Vivo | 2,711,456 | 460,000 | 3,171,456 |
| | 20,762,662 | 2,636,000 | 23,398,662 |

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 9. HARTANAH PELABURAN (SAMB.)

| | Pada 31.12.2024 RM | Pada 31.12.2023 RM |
|---|---|---|
| **Nilai pembawa** | | |
| Rumah kedai (Space U8) | 11,988,000 | 11,988,000 |
| Rumah kedai (Melawati) | 5,900,000 | 5,800,000 |
| Kampung Attap | 2,700,000 | 2,700,000 |
| Wisma Sekatarakyat | 27,200,000 | 25,844,000 |
| Sekata Apartment | 13,120,000 | 13,120,000 |
| Banglo Sekata Vista | 3,600,000 | 3,600,000 |
| Sekata Makmur | 19,760,000 | 19,040,000 |
| Komersial Vivo | 168,300,000 | 167,840,000 |
| | 252,568,000 | 249,932,000 |

(a) Nilai saksama hartanah pelaburan diukur dengan merujuk kepada harga pasaran harta serupa yang setanding bagi urusniaga terkini dalam pasaran hartanah. Tiada andaian penting yang digunakan dalam pengukuran. Koperasi telah melantik jurunilai bebas Chartwell ITAC International (Kajang) Sdn. Bhd untuk menilai harga saksama hartanah pelaburan pada 31 Disember 2024 sepertimana yang ditunjukkan di bawah:

| | 2024 RM | 2023 RM |
|---|---|---|
| **Nilai saksama** | | |
| Rumah kedai (Space U8) | 11,988,000 | 11,988,000 |
| Rumah kedai (Melawati) | 5,900,000 | 5,800,000 |
| Kampung Attap | 2,700,000 | 2,700,000 |
| Wisma Sekatarakyat | 27,200,000 | 25,844,000 |
| Sekata Apartment | 13,120,000 | 13,120,000 |
| Banglo Sekata Vista | 3,600,000 | 3,600,000 |
| Sekata Makmur | 19,760,000 | 19,040,000 |
| Komersial Vivo | 168,300,000 | 167,840,000 |
| | 252,568,000 | 249,932,000 |

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 10. PELABURAN DALAM SAHAM SIAR HARGA

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---|---|
| **Pelaburan saham** | | |
| Pada kos | | |
| Saham siar harga di Malaysia | 72,850 | 72,850 |
| Pada nilai pasaran | | |
| Saham siar harga di Malaysia | 183,758 | 131,014 |
| Tambahan: Dividen diterima pada tahun semasa | - | - |
| Baki pada 31 Disember | 183,758 | 131,014 |
| Bilangan unit | 439,401 | 418,040 |
| Nilai pasaran per unit | 0.4182 | 0.3134 |

Pelaburan saham siar harga di Malaysia adalah pelaburan dalam Tabung Unit Amanah yang diuruskan oleh PMB Investment Berhad, iaitu Pelaburan PMB Shariah Premier Fund.

## 11. PELABURAN DALAM SAHAM TAK SIAR HARGA

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---|---|
| **Pelaburan saham** | | |
| Saham tak siar harga di Malaysia | 6,000,097 | 6,000,097 |

Pelaburan saham tak siar harga di Malaysia adalah pelaburan dalam Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 12. PENGHUTANG PEMBIAYAAN ANGGOTA

| | | 2024 RM | 2023 RM |
|---|---|---|---|
| (a) | **Pembiayaan Peribadi / Peribadi Akaun 2 / Atas Saham** | | |
| | Baki pada 1 Januari | 289,107,397 | 267,529,331 |
| | Tambahan dalam tahun | 60,011,754 | 143,170,023 |
| | | 349,119,151 | 410,699,354 |
| | Tolak: Bayaran diterima | (126,195,569) | (121,591,957) |
| | Baki pada 31 Disember | 222,923,582 | 289,107,397 |
| (b) | **Pembiayaan SBP dan SBP Wafer** | | |
| | Baki pada 1 Januari | 32,474,847 | 31,093,174 |
| | Tambahan dalam tahun | 8,137,400 | 11,140,158 |
| | | 40,612,247 | 42,233,332 |
| | Tolak: Bayaran diterima | (8,832,117) | (9,758,485) |
| | Baki pada 31 Disember | 31,780,130 | 32,474,847 |
| (c) | **Pembiayaan Kenderaan** | | |
| | Baki pada 1 Januari | 306,519 | 418,097 |
| | Tambahan dalam tahun | 71,565 | 13,675 |
| | | 378,084 | 431,772 |
| | Tolak: Bayaran diterima | (93,440) | (125,253) |
| | Baki pada 31 Disember | 284,644 | 306,519 |
| (d) | **Pembiayaan Saham Bank Rakyat** | | |
| | Baki pada 1 Januari | 553,674 | 585,134 |
| | Tambahan dalam tahun | 362,105 | 19,000 |
| | | 915,779 | 604,134 |
| | Tolak: Bayaran diterima | (81,578) | (50,460) |
| | Baki pada 31 Disember | 834,201 | 553,674 |
| (e) | **Pembiayaan Umrah** | | |
| | Baki pada 1 Januari | 1,200 | 3,654 |
| | Tambahan dalam tahun | 10,616 | - |
| | | 11,816 | 3,654 |
| | Tolak: Bayaran diterima | (1,816) | (2,454) |
| | Baki pada 31 Disember | 10,000 | 1,200 |
| (f) | **Pembiayaan Barangan** | | |
| | Baki pada 1 Januari | 928 | 2,800 |
| | Tambahan dalam tahun | - | - |
| | | 928 | 2,800 |
| | Tolak: Bayaran diterima | (928) | (1,872) |
| | Baki pada 31 Disember | - | 928 |
| (g) | **Pembiayaan Raya** | | |
| | Baki pada 1 Januari | 10,515 | 13,645 |
| | Tambahan dalam tahun | 38,500 | 55,817 |
| | | 49,015 | 69,462 |
| | Tolak: Bayaran diterima | (37,703) | (58,947) |
| | Baki pada 31 Disember | 11,312 | 10,515 |

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 12. PENGHUTANG PEMBIAYAAN ANGGOTA (SAMB.)

| | | 2024 RM | 2023 RM |
|---|---|---|---|
| (h) | **Pembiayaan Kecemasan** | | |
| | Baki pada 1 Januari | 2,003,172 | 1,575,777 |
| | Tambahan dalam tahun | 993,743 | 1,658,581 |
| | | 2,996,915 | 3,234,358 |
| | Tolak: Bayaran diterima | (1,614,172) | (1,231,186) |
| | Baki pada 31 Disember | 1,382,743 | 2,003,172 |
| (i) | **Pembiayaan Hartanah** | | |
| | Baki pada 1 Januari | 595,609 | 662,955 |
| | Tambahan dalam tahun | - | - |
| | | 595,609 | 662,955 |
| | Tolak: Bayaran diterima | (122,373) | (67,346) |
| | Baki pada 31 Disember | 473,236 | 595,609 |
| (j) | **Pembiayaan Naik Sekolah** | | |
| | Baki pada 1 Januari | 18,578 | 10,425 |
| | Tambahan dalam tahun | 113,667 | 91,925 |
| | | 132,245 | 102,350 |
| | Tolak: Bayaran diterima | (107,777) | (83,772) |
| | Baki pada 31 Disember | 24,468 | 18,578 |
| (k) | **Pembiayaan Takaful** | | |
| | Baki pada 1 Januari | 10,369 | 12,517 |
| | Tambahan dalam tahun | 13,098 | 16,676 |
| | | 23,467 | 29,193 |
| | Tolak: Bayaran diterima | (14,370) | (18,824) |
| | Baki pada 31 Disember | 9,097 | 10,369 |
| (l) | **Pembiayaan Jubli Emas** | | |
| | Baki pada 1 Januari | 68,125,101 | 46,400,452 |
| | Tambahan dalam tahun | 249,133,198 | 44,458,097 |
| | | 317,258,299 | 90,858,549 |
| | Tolak: Bayaran diterima | (97,439,814) | (22,733,448) |
| | Baki pada 31 Disember | 219,818,485 | 68,125,101 |
| | Jumlah baki pembiayaan anggota pada 31 Disember | 477,551,896 | 393,207,909 |
| | Tolak: Peruntukan Hapus kira hutang lapuk | (1,023,607) | (538,676) |
| | Baki pembiayaan anggota pada 31 Disember | 476,528,290 | 392,669,233 |
| | Akan diterima dalam tempoh 12 bulan | 47,652,829 | 38,782,115 |
| | Akan diterima selepas tempoh 12 bulan | 428,875,461 | 353,887,118 |
| | | 476,528,290 | 392,669,233 |

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 13. PELABURAN AKAUN DEPOSIT KOPERASI DI CO-OP BANK PERTAMA

| | 2024 RM | 2023 RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 9,128,222 | 6,324,793 |
| Tambahan dalam tahun | 205,160 | - |
| Pengeluaran dalam tahun | - | - |
| Baki pada 31 Disember | 9,333,382 | 6,324,793 |
| Akaun Deposit Koperasi dari Kumpulan Wang Rizab Statutori | 9,333,382 | 6,324,793 |
| ADK daripada KWRS | 4,032,574 | 2,803,429 |
| ADK daripada Wang Lebihan | | |
| Baki Akhir Tahun | 13,365,956 | 9,128,222 |

(i) Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah mengeluarkan arahan kepada koperasi yang dikenalpasti untuk memindahkan wang Kumpulan Wang Rizab Statutori ke Akaun Deposit Koperasi yang diuruskan oleh Co-op Bank Pertama (Pengurus Akaun Deposit) selaras dengan kehendak seksyen 57(1E) Akta 502 dan Garis Panduan 29 (GP29).

(ii) Sekatarakyat telah menerima surat arahan rasmi daripada SKM berjumlah RM2,143,209 ke dalam ADK di Co-op Bank Pertama pada 27 September 2019. Jumlah ini berdasarkan akaun teraudit Sekatarakyat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

(iii) Sekatarakyat telah membuka akaun di Co-op Bank Pertama dan membuat deposit seperti yang berikut:
-RM2,143,209 bagi tahun kewangan 2018
-RM2,355,733 bagi tahun kewangan 2019
-RM786,282 bagi tahun kewangan 2020
-RM1,039,569 bagi tahun kewangan 2021
-RM205,160 bagi tahun kewangan 2022

(iv) Pulangan atas simpanan dalam ADK bagi tahun kewangan 2022 adalah sebanyak 2% bersamaan dengan RM62,167.27.

(v) Pulangan atas simpanan dalam ADK bagi tahun kewangan 2023 adalah sebanyak 2.28% bersamaan dengan RM132,256.79.

(vi) Pulangan atas simpanan dalam ADK bagi tahun kewangan 2024 adalah sebanyak 3.6% bersamaan dengan RM227,692.55.

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 14. INVENTORI

| | 2024 RM | 2023 RM |
|---|---|---|
| Air mineral | 12,146 | 20,742 |
| Stok air minuman Sekata Apartment | 516 | 198 |
| Stok barang runcit Sekata Apartment | 50 | 196 |
| Stok D' Sekata | 46,715 | 10,561 |
| Stok kafeteria | 49,699 | 45,410 |
| Stok kedai serbaneka | 168,825 | 257,865 |
| Stok kuih raya | 6,890 | 1,305 |
| Stok Touch n Go dan e-pay | 7,583 | 7,465 |
| Stok Sekata Farmasi | - | 67,893 |
| Stok Kenny Rogers Roasters | 27,448 | 39,867 |
| Stok Barangan Eksklusif Jubli Emas | 24,600 | - |
| Stok 1 Gram Goldbar | 326,970 | - |
| Stok 1 Dinar | 282,447 | - |
| Stok 10 Gram Goldbar (SE) | 97,050 | - |
| | 1,050,939 | 451,502 |

## 15. PENGHUTANG DAGANGAN

Analisis penuaan penghutang dagangan pada akhir tempoh pelaporan adalah seperti yang berikut:

| | 2024 RM | 2023 RM |
|---|---|---|
| Dalam tempoh kredit (60 hari) | 312,110 | 794,132 |
| 1 hingga 30 hari lepas tempoh kredit | 22,850 | 153,433 |
| 31 hingga 60 hari lepas tempoh kredit | 17,506 | 202,376 |
| 61 hingga 90 hari lepas tempoh kredit | 28,927 | 459,544 |
| | 69,283 | 815,352 |
| | 381,393 | 1,609,484 |

Terma kredit yang diberikan oleh koperasi kepada penghutang dagangan ialah dalam tempoh 30 hari hingga 90 hari (2023: 30 hari hingga 90 hari).

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 16. PENGHUTANG PELBAGAI DAN DEPOSIT

| | Nota | 2024 RM | 2023 RM |
|---|---|---|---|
| Pelbagai penghutang | (a) | 43,513,798 | 23,494,405 |
| Tolak: Peruntukan am | | (510,000) | (450,000) |
| | | 43,003,798 | 23,044,405 |
| Penghutang gaji warga kerja | | 17,467 | 14,293 |
| Pelbagai deposit | | 2,049,224 | 1,673,017 |
| Pendahuluan lain | | 33,425 | 2,137 |
| Pendahuluan pembiayaan berjangka | (b) | 8,824,650 | 6,935,694 |
| Pendahuluan Ar-Rahnu dalam transit | (c) | 12,269,563 | (518,347) |
| Pendahuluan - Projek Pelaburan | (d) | 85,335,269 | 134,201,059 |
| Penghutang - Keuntungan Belum Terima ADK | | - | 194,424 |
| | | 151,533,396 | 165,546,682 |

(a) Pelbagai penghutang termasuk perkara seperti yang berikut :
i) Keuntungan Projek Perumahan Salak Tinggi (12 Bulan) - RM124,999
ii) Keuntungan Projek Perumahan Mantin (12 Bulan) - RM425,526
iii) Keuntungan Projek Perindustrian Elmina (12 Bulan) - RM10,967,796
iv) Keuntungan Projek Perindustrian Pontian (12 Bulan) - RM9,051,593
v) Keuntungan Projek Perumahan Seremban 2 (12 Bulan) - RM1,220,000
vi) Arx Caj Notis - RM103,055

Selain itu, termasuk juga KBT, Peruntukan KBT, Lebihan Lelongan dan Kurangan Lelongan Ar-Rahnu

(b) Pendahuluan pembiayaan berjangka adalah bayaran balik pembiayaan Bank Rakyat berjumlah RM6,668,420 dan bayaran balik pembiayaan Bank Muamalat berjumlah RM2,156,230.

(c) Pendahuluan Ar-Rahnu adalah modal pusingan yang diberikan kepada cawangan-cawangan Ar-Rahnu untuk tujuan pengurusan operasi.

(d) Pendahuluan Projek Pelaburan adalah pendahuluan yang telah dibayar untuk pelaburan projek usaha sama merangkumi Projek Perindustrian di Pontian sebanyak RM85,335,269.

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 17. PEMBIAYAAN AR-RAHNU

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 372,023,384 | 298,889,069 |
| Pembiayaan gadaian dalam tahun | 228,999,543 | 129,543,421 |
| Penebusan barang gadaian dalam tahun | (31,937,965) | (56,409,106) |
| Baki pada 31 Disember | 569,084,962 | 372,023,384 |

## 18. POTONGAN GAJI IN TRANSIT

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada 31 Disember | 4,905,358 | 4,984,388 |

Koperasi mengiktiraf untung daripada aktiviti pembiayaan berdasarkan asas akruan.

## 19. ASET KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI

| | | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---|---|---|
| **Public Mutual** | | | |
| - Public Dana Islamic Treasures Growth | | 399,083 | 345,307 |
| **Bank berlesen** | **Jenis simpanan** | | |
| - Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad | - Sinking fund | 814,064 | - |
| - Bank Muamalat Malaysia Berhad | - Sinking fund | 7,587,380 | 4,449,792 |
| - Bank Islam Malaysia Berhad | - Sinking fund | 4,856,738 | 3,908,129 |
| - Affin Islamic Bank Berhad | - Simpanan tetap | 144,837 | 138,265 |
| | | 13,804,102 | 8,841,493 |

No. Koperasi: 4958

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**
**(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024**

## 20. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

| | 2024 RM | 2023 RM |
|---|---|---|
| Wang di bank | 2,793,113 | 2,090,521 |
| Wang di tangan | 2,442,536 | 2,228,436 |
| | 5,235,649 | 4,318,957 |

## 3.0 CADANGAN

3.1 Perlindungan Takaful Group Hospital & Surgical

Lembaga Pengarah mencadangkan adalah untuk memberi perlindungan Takaful Group Hospital & Surgical kepada Lembaga Pengarah Sekatarakyat seperti yang berikut:-

| HOSPITAL & SURGICAL | PLAN |
|---|---|
| In- Hospital Care | RM |
| Hospital Room & Board (max. daily benefits) :<br><br>(i) Ordinary Room (up to 120 days max. per disability)<br>(ii) Intensive Care (max. daily benefits) (up to 20 days max. per disability) | <br><br>160.00<br>As Charged |
| Hospital Supplies & Services<br>Surgical Fees<br>Anesthetics Fees<br>Operating Theatre Charges | As Charged |
| In Hospital Physician's Fees (Max. 120 days per disability) (For Non- Surgical disability – max 2 visit per day, up to 120 days per disability) | |
| Malaysian GH Daily Allowance (Max 120 days per disability) | 30.00 |

| MEDICAL HOSPITALIZATION | PLAN |
|---|---|
| Hospital Service Tax | **6%** |
| Pre-Surgical/Medical Diagnostic Services<br>Pre-Surgical/Medical Specialist Consultant<br>Second Surgical Opinion<br>Post-Hospitalisation Treatment (Max 60 days follow-up)<br>Emergency Out patient Accidental Treatment (Max 60 days to follow-up)<br>Accidental Dental Treatment (Max 14 days follow-up)<br>Daycare Procedure (inclusive all incidental cost) | As Charged |
| Ambulance Fees – (Emergency & Non Emergency) | 200.00 |
| Emergency Out-patient Treatment (disability) | 100.00 |
| Medical Report Fee Reimbursement | 50.00 |
| Basic Overall Limit Per Member Per Annum | 80,000.00 |

| **Additional benefits:** | |
|---|---|
| Long Term Care<br>i. Kidney Dialysis<br>ii. Chemotheraph, Radiation Therapy | <br>10,000.00<br>10,000.00 |

3.1.1 Lembaga Pengarah mencadangkan adalah untuk mengambil Pelan *Per Member Per Annum*, di mana jumlah keseluruhan perlindungan tahunan tersebut berjumlah RM80,000.00 seorang.

3.1.2 Premium (kos) untuk perlindungan tersebut terbahagi kepada dua iaitu:

| NO | HAD UMUR | JUMLAH PREMIUM SETAHUN |
|---|---|---|
| 1 | 66 Tahun dan Kebawah | RM2,438.00 |
| 2 | 67 Tahun Keatas | RM12,500.00 |

3.1.3 Had umur yang diberikan bagi Group Hospital & Surgical adalah seperti yang berikut :-

i. Sehingga 66 tahun, premium adalah sama seperti perkara 3.1.2.

ii. Umur 67 tahun dan keatas, premium dikenakan berdasarkan pemeriksaan kesihatan. Sekiranya keputusan kesihatan di tahap memuaskan, pihak takaful akan melindungi dengan caj tambahan (*loading*) pada premium, manakala sekiranya keputusan kesihatan di tahap tidak memuaskan, pihak takaful akan menolak tanpa perlindungan.

3.1.4 Takaful ini hanya ditawarkan kepada Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat yang masih berkhidmat di Sekatarakyat.

3.1.5 Tempoh perlindungan tahunan bagi produk ini adalah bermula pada 1 September 2024 hingga 31 Ogos 2025. Pemulangan premium secara prorata akan dibuat oleh pihak takaful sekiranya Anggota Lembaga Pengarah berkenaan menamatkan tempoh perkhidmatannya di Sekatarakyat sebelum tempoh takaful berakhir, begitu juga pembayaran premium secara prorata akan dicaj untuk Anggota Lembaga Pengarah baharu yang dilantik semasa Mesyuarat Agung Perwakilan.

3.2 Rawatan Pesakit Luar

Dicadangkan juga kemudahan rawatan pesakit luar dengan kosnya ditanggung oleh Sekatarakyat untuk Anggota Lembaga Pengarah dengan had tuntutan tersebut terhad kepada RM600.00 setahun bagi seorang. Setiap resit tuntutan daripada mana-mana pusat perubatan adalah terhad atas nama Anggota Lembaga Pengarah sahaja.

3.3 Implikasi Kewangan

Pada masa ini, bilangan Anggota Lembaga Pengarah yang mengambil skim perlindungan Group Hospitalisation & Surgical serta rawatan pesakit luar adalah seramai 4 orang, manakala 5 orang Anggota Lembaga Pengarah yang selebihnya mempunyai skim dan kemudahan yang ditanggung oleh majikan di tempat kerja mereka. Jumlah implikasi kewangan yang akan ditanggung oleh Sekatarakyat untuk 4 orang anggota lembaga ini ialah seperti yang berikut :-

I. Premium bagi skim perlindungan Group Hospitalisation & Surgical untuk Anggota Lembaga Pengarah 4 orang itu adalah seperti yang berikut:-

| NO | JUMLAH PREMIUM | ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| **1** | **RM2,438.00** | **3** | **RM7,314.00** |
| **2** | **RM12,500.00** | **1** | **RM12,500.00** |
| **JUMLAH** | | | **RM19,814.00** |

II. Kos rawatan pesakit luar:-

**RM600.00 X 4 orang = RM2,400.00**

III. Jumlah tahunan RM22,214.00 [Jumlah tahunan untuk (i) dan (ii)].

IV. Premium bagi skim perlindungan Group Hospitalisation & Surgical sekiranya andaian tambahan untuk Anggota Lembaga Pengarah yang berkhidmat di Sekatarakyat dan bersara (awal/wajib) dari majikan sedia ada, seramai 3 orang adalah seperti yang berikut :-

| NO | JUMLAH PREMIUM | ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| **1** | **RM2,438.00** | **3** | **RM7,314.00** |
| **JUMLAH** | | | **RM7,314.00** |

V. Bagi kos rawatan pesakit luar pula adalah seperti yang berikut :-

**RM600.00 X 3 orang = RM1,800.00**

VI. Jumlah premium keseluruhan bagi Anggota Lembaga Pengarah yang berkhidmat dan yang bersara (awal/wajib) adalah berjumlah RM31,328.00 [jumlah tahunan untuk (i), (ii), (iv) dan (v)].

VII. Selain daripada skim yang dicadangkan di atas, Anggota Lembaga Pengarah pada masa ini juga menerima imbuhan lain seperti yang berikut:-

a. Elaun mesyuarat bulanan sebanyak RM200.00 bagi setiap mesyuarat dan tertakluk kepada maksimum RM1,000.00 sebulan.

b. Elaun tetap setiap Anggota Lembaga Pengarah sebanyak RM1,500.00 sebulan.

## 4.0 ALASAN CADANGAN

Cadangan dibuat bagi memastikan Anggota Lembaga Pengarah yang sedang berkhidmat di Sekatarakyat tetapi telah bersara dari perkhidmatan di Bank Rakyat mempunyai skim perlindungan Group Hospitalisation & Surgical serta rawatan pesakit luar.

## 5.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 dipohon meluluskan cadangan ini.

**PERKARA 7**

**MELULUSKAN PELANTIKAN SUATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK KURANG DARIPADA DUA FIRMA AUDIT ATAU LAIN-LAIN FIRMA BERKAITAN UNTUK MENGAUDIT AKAUN**

**CADANGAN MEMOHON KELULUSAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN 2025 UNTUK MEMBERI MANDAT KEPADA LEMBAGA PENGARAH BAGI PELANTIKAN SUATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK KURANG DARIPADA DUA FIRMA AUDIT ATAU LAIN-LAIN FIRMA BERKAITAN UNTUK MENGAUDIT AKAUN**

## 1.0 TUJUAN

Cadangan ini disediakan bertujuan memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 untuk memberi mandat kepada Lembaga Pengarah bagi pelantikan Juruaudit Luar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

## 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pada 2 Mac 2024, Mesyuarat Agung Perwakilan telah memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah bagi pelantikan Juruaudit Luar bagi tahun kewangan 2024 dan juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM50,000.00 setahun.

2.2 Selaras dengan kelulusan tersebut, Lembaga Pengarah bersetuju untuk melantik Tetuan Jamal Amin & Partners dengan bayaran yuran audit sebanyak RM45,250.00.

2.3 Bayaran yuran audit bagi tahun 2024 adalah tidak melebihi jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan 2024.

2.4 Pelantikan ini juga selaras dengan arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) kepada Sekatarakyat untuk melantik juruaudit luar yang berdaftar dengan Lembaga Pemantauan Audit (AOB - Audit Oversight Board).

## 3.0 CADANGAN

3.1 Memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan untuk memberi mandat kepada Lembaga Pengarah bagi perkara-perkara seperti yang berikut :-

a. Pelantikan firma audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

b. Juruaudit yang akan dilantik adalah juruaudit yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia di bawah subseksyen 61 (1) Akta Koperasi 1993 (pindaan) 2016 serta pada masa yang sama juruaudit berkenaan berdaftar dengan Lembaga Pemantauan Audit (AOB).

c. Peruntukan fi Juruaudit luar dalam Belanjawan 2025 adalah sebanyak RM60,000.00.

## 4.0 RUMUSAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 dipohon meluluskan cadangan ini.

## PERKARA 8

## MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN YANG DIBIAYAI OLEH WANG BERLEBIHAN KOPERASI

## CADANGAN BAGI AGENDA MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN DARIPADA WANG BERLEBIHAN SEKATARAKYAT

### 1.0 TUJUAN

Cadangan ini disediakan bertujuan memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 bagi memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menentukan skop dan had pelaburan Sekatarakyat.

### 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Agung Perwakilan telah meluluskan cadangan Lembaga Pengarah Sekatarakyat supaya Lembaga Pengarah diberi kuasa untuk menentukan skop dan had pelaburan Sekatarakyat bagi tahun 2024 pada 2 Mac 2024 sebanyak RM600,000,000.00 (Ringgit Malaysia Enam Ratus Juta).

2.2 Kelulusan telah diberikan bagi membolehkan Lembaga Pengarah membuat keputusan segera apabila terdapat peluang yang menguntungkan Sekatarakyat.

2.3 Lembaga Pengarah Sekatarakyat juga akur bahawa kemudahan kepada anggota-anggota wajar diberi keutamaan sebelum menerima sebarang tawaran bagi menceburi sesuatu pelaburan dan sebagainya.

2.4 Senarai pelaburan yang disertai oleh Sekatarakyat sehingga 31 Disember 2024 adalah seperti yang berikut :-

| BIL | PERKARA | | PECAHAN PELABURAN | RM |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Pelaburan Saham Siarharga | I | ASM Premier Fund | 187,757.51 |
| | | II | Public Islamic Treasure Growth Fund | 399,083.47 |
| 2 | Pelaburan Saham Tak Siarharga | I | Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad | 6,000,097.00 |
| | | II | Akaun Deposit Koperasi di Coop Bank Pertama | 13,365,955.59 |
| 3 | Simpanan Tetap | I | Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad | 814,063.67 |
| | | II | Bank Muamalat Malaysia Berhad | 7,587,379.74 |
| | | III | Bank Islam Malaysia Berhad | 4,858,737.56 |
| | | IV | Affin Bank Berhad - Simpanan Tetap | 144,837.34 |
| 4 | Pelaburan Usaha sama | I | Pelaburan projek perumahan Salak Tinggi | 2,500,000.00 |
| | | II | Pelaburan projek perumahan Villa Bukit Negeri | 12,500,000.00 |
| | | III | Pelaburan projek perumahan Mantin | 3,350,000.00 |
| | | IV | Pelaburan projek perindustrian Kota Elmina | 76,163,278.86 |
| | | V | Pelaburan projek perindustrian Pontian | 85,335,268.64 |
| | | | **Jumlah Pelaburan** | **213,206,459.40** |

2.5 Jumlah pelaburan pada tahun 2024 adalah berjumlah RM213,206,459.40 dan tidak melebihi had siling RM600,000,000.00 seperti yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan 2024.

2.6 Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Wilayah Persekutuan telah mengemukakan pandangan pada 19 April 2023 dengan menasihatkan Sekatarakyat untuk menetapkan had siling pelaburan bagi skop dan had pelaburan daripada wang lebihan koperasi.

## 3.0 CADANGAN

3.1 Lembaga Pengarah mencadangkan Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah bagi menentukan skop pelaburan Sekatarakyat.

3.2 Lembaga Pengarah mencadangkan had siling bagi had pelaburan daripada wang lebihan koperasi adalah sebanyak RM1,000,000,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Bilion Sahaja).

## 4.0 ALASAN CADANGAN

4.1 Bagi membolehkan Lembaga Pengarah berupaya membuat keputusan sama ada menceburi atau sebaliknya sesuatu pelaburan apabila peluang tersebut ditawarkan kepada Sekatarakyat.

4.2 Had siling yang ditetapkan berdasarkan kepada jangkaan pelaburan yang akan diceburi sebanyak RM558juta oleh Sekatarakyat seperti yang berikut:

4.2.1 Pembangunan dan penyewaan gudang berkonsepkan Automated Storage Retrieval System (ASRS) di Elmina, Shah Alam, Selangor sebanyak RM166juta.
4.2.2 Pembangunan dan penyewaan semula bangunan pejabat dan auditorium bagi projek Pembangunan Tanjak Bay di Kuala Terengganu City Centre (KTCC), Kuala Terengganu sebanyak RM220juta.
4.2.3 Pembangunan Projek Usaha sama di Bandar Bukit Raja, Klang, Selangor sebanyak RM82juta.
4.2.4 Pembangunan Projek Lido Waterfront Boulevard di Lido, Johor sebanyak RM90juta.
4.2.5 Lain-lain projek yang ditawarkan sekiranya berpotensi.

4.3 Pelaburan perlulah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia terlebih dahulu seperti yang dinyatakan di bawah Garis Panduan 16 – Garis Panduan Pelaburan Wang Koperasi di bawah Seksyen 54 Akta Koperasi 1993.

## 5.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 dipohon meluluskan cadangan ini.

## PERKARA 9

## MENETAPKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI

## CADANGAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN SEKATARAKYAT

### 1.0 TUJUAN

Cadangan ini bertujuan memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 bagi menaikkan had maksimum keterhutangan Sekatarakyat kepada RM5.0bilion.

### 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Agung Perwakilan yang telah diadakan pada 2 Mac 2024 telah meluluskan permohonan Lembaga Pengarah Sekatarakyat untuk mengekalkan had keterhutangan maksimum Sekatarakyat sebanyak RM1.6bilion.

2.2 Sehingga 31 Disember 2024, dana yang digunakan adalah berbaki sebanyak RM1,104,061,970.00 dengan pecahan seperti yang berikut:

| Bil | Perkara | Jumlah (RM) |
|---|---|---|
| 1 | Affin Bank (RM4.8Juta) | 3,564,868 |
| 2 | Suruhanjaya Koperasi Malaysia (RM1.143Juta) | 238,123 |
| 3 | Bank Islam (RM27Juta) | 15,268,955 |
| 4 | Bank Islam (RM40Juta) | 12,601,832 |
| 5 | Bank Islam (RM50Juta) | 22,653,212 |
| 6 | Bank Rakyat (RM50Juta) | 19,867,491 |
| 7 | Bank Rakyat (RM75Juta) | 28,218,791 |
| 8 | Bank Rakyat (RM125Juta) | 63,150,227 |
| 9 | Bank Rakyat (RM250Juta) | 201,065,158 |
| 10 | Bank Muamalat (RM200Juta) | 148,320,865 |
| 11 | Bank Islam (RM13.8Juta) | 12,772,913 |
| 12 | Bank Islam (RM200Juta) | 163,304,604 |
| 13 | Bank Islam (RM5Juta) | 1,010,536 |
| 14 | Bank Muamalat (RM50Juta) | 50,000,000 |
| 15 | Bank Islam (RM200Juta) | 188,339,131 |
| 16 | Bank Rakyat (RM200Juta) | 109,685,444 |
| 17 | Bank Rakyat (RM100Juta) | 54,000,000 |
| 18 | Suruhanjaya Koperasi Malaysia (RM10Juta) | 10,000,000 |
| | Jumlah | 1,104,061,970 |

2.3 Ini menunjukkan penggunaan pembiayaan bagi tahun 2024 tidak melepasi had maksimum telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan yang lepas.

2.3 Kemudahan yang diterima pada tahun 2024 adalah sebanyak RM610Juta.

2.4 Sehingga 31 Disember 2024, dana yang diterima dalam tahun 2024 yang masih belum digunakan adalah sebanyak RM317,200,000.00.

## 3.0 CADANGAN

Lembaga Pengarah mencadangkan supaya had maksimum keterhutangan Sekatarakyat dinaikkan kepada RM5.0bilion.

## 4.0 ALASAN CADANGAN

4.1 Kenaikan ini adalah bagi menampung unjuran pengeluaran pembiayaan kepada anggota-anggota Sekatarakyat, peminjam-peminjam Ar-Rahnu serta lain-lain projek yang telah dirancang oleh Sekatarakyat, manakala selebihnya akan digunakan apabila terdapat keperluan kelak.

4.2 Oleh yang demikian, berdasarkan kepada jumlah yang dinyatakan di atas, baki had keterhutangan sedia ada adalah dinaikkan bagi memastikan Sekatarakyat dapat bergerak lancar dalam menjalankan aktiviti-aktivitinya dan seterusnya dapat memberikan pulangan yang menguntungkan kepada anggota-anggotanya dalam bentuk dividen tahunan, keuntungan deposit anggota, kemudahan yang disediakan dan sebagainya.

4.3 Mengambil kira jangkaan penerimaan pembiayaan seperti yang berikut:

4.3.1 Tambahan dana pembiayaan daripada Bank Muamalat sebanyak RM50Juta.
4.3.2 Dana pembiayaan daripada Coop Bank Pertama sebanyak RM26Juta.
4.3.3 Tambahan dana pembiayaan bagi pertumbuhan Pembiayaan Anggota dan Ar-Rahnu sebanyak RM650juta.
4.3.4 Dana pembiayaan bagi pelaburan projek baru sebanyak RM558juta.
4.3.5 Cadangan mewujudkan sukuk sebagai dana bagi perniagaan Ar-Rahnu sebanyak RM2bilion.

## 5.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 dipohon meluluskan cadangan ini.

**PERKARA 10**

**PELANTIKAN JAWATANKUASA PENENTUSAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG KALI KE DUA PULUH SEMBILAN (KE-29)**

**CADANGAN MELANTIK SUATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM ORANG ANGGOTA ATAU PERWAKILAN DAN EMPAT ORANG ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN 2025 KALI KE-29**

## 1.0 TUJUAN

Cadangan ini disediakan untuk memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 bagi melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota atau perwakilan dan empat orang anggota Lembaga Pengarah untuk menentusahkan draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 Kali Ke-29.

## 2.0 LATAR BELAKANG

Bermula dari Mesyuarat Agung Perwakilan yang telah diadakan pada 19 Februari 2011, mesyuarat bersetuju supaya pelantikan jawatankuasa tersebut dimaklumkan pada awal mesyuarat bagi membolehkan anggota jawatankuasa yang dilantik menumpukan perhatian kepada perkara-perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat supaya boleh meneliti draf minit yang disediakan agar tepat.

## 3.0 CADANGAN

Atas alasan yang sama seperti di Perkara 2.0, Lembaga Pengarah Sekatarakyat mencadangkan anggota-anggota perwakilan seperti yang berikut dilantik sebagai anggota Jawatankuasa penentusahan draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-29/2025, seperti yang berikut:-

| BIL | NAMA PERWAKILAN | NO. ANGGOTA | KAWASAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Pengerusi Sekatarakyat | - | ALP |
| 2 | Setiausaha Kehormat | - | ALP |
| 3 | Bendahari Kehormat | - | ALP |
| 4 | Mohd Salleh Mahmood | 2016 | ALP |
| 5 | Nor Laily Nor Anuar | 1756 | 1 |
| 6 | Haniza Ibrahim | 2002 | 1 |
| 7 | Suhaimi Omar | 2023 | 1 |
| 8 | Suhaimi Che Omar | 2192 | 1 |
| 9 | Mohamad Rosli Md Ali | 4108 | 1 |
| 10 | Pengerusi Mesyuarat | - | - |

*** Nota : semua calon telah dihubungi dan bersetuju dengan pelantikan*

## 4.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 dipohon meluluskan cadangan ini.

**PERKARA 11**

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN TAHUN KEWANGAN 2024**

**CADANGAN BAYARAN HONORARIUM KEPADA ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH**

## CADANGAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN 2024

(i) Cadangan Tabung Persaraan Kakitangan

a) Berdasarkan kepada prestasi kewangan Sekatarakyat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, Lembaga Pengarah Sekatarakyat mencadangkan peruntukan bagi Tabung Persaraan Kakitangan berjumlah **RM320,000** untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh mesyuarat.

b) Maklumat Tabung Persaraan Kakitangan yang telah diluluskan sejak tahun 2008 adalah seperti yang berikut :-

| Tahun | Keuntungan sebelum Cukai | Peruntukan dicadangkan | Peruntukan diluluskan oleh MAP | Peruntukan diluluskan oleh MAP |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | % | RM |
| 2008 | 5,717,780 | | 2 | 97,202 |
| 2009 | 7,470,637 | | 2 | 112,059 |
| 2010 | 6,646,741 | | 2 | 112,995 |
| 2011 | 8,006,827 | | 2 | 136,116 |
| 2012 | 10,744,343 | | 2 | 183,311 |
| 2013 | 14,060,163 | | 2 | 206,614 |
| 2014 | 14,242,350 | | 2 | 219,808 |
| 2015 | 15,424,719 | | 2 | 233,820 |
| 2016 | 18,678,354 | | 2 | 282,532 |
| 2017 | 16,374,476 | | 2 | 256,799 |
| 2018 | 17,860,071 | | 2 | 281,368 |
| 2019 | 19,631,108 | | - | - |
| 2020 | 15,725,646 | | - | - |
| 2021 | 19,741,128 | | 2 | 348,837 |
| 2022 | 1,709,668 | | - | 250,000 |
| 2023 | 28,034,289 | | - | 253,000 |
| 2024 | 40,325,735 | 320,000 | | |

c) Pergerakan tabung tersebut sejak tahun 2008 adalah seperti yang berikut :-

| Tahun | Bayaran kepada kakitangan | Peruntukan dari Akaun Pembahagian Keuntungan | Keuntungan dari Pelaburan / Pelarasan | Baki Tabung |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| 2008 | | 112,059 | | 829,611 |
| 2009 | 46,800 | 112,059 | | 883,435 |
| 2010 | | 112.995 | | 996,430 |
| 2011 | | 136,116 | | 1,132,546 |
| 2012 | 39,840 | 183,311 | | 1,276,017 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **2013** | | **206,614** | | **1,482,631** |
| **2014** | | **219,808** | | **1,702,439** |
| **2015** | **104,583** | **233,820** | | **1,831,676** |
| **2016** | | **282,532** | | **2,114,208** |
| **2017** | | **256,799** | | **2,371,007** |
| **2018** | **122,751** | **281,368** | | **2,529,624** |
| **2019** | | **-** | | **2,529,624** |
| **2020** | | **-** | **235,084** | **2,764,708** |
| **2021** | | **348,837** | **10,209** | **3,123,754** |
| **2022** | **19,475** | **250,000** | **49,704** | **3,403,983** |
| **2023** | **61,769** | **253,000** | **84,568** | **3,679,782** |
| **2024** | | **320,000** | **10,484** | **4,010,266** |

(ii) Cadangan Tabung Kebajikan dan Khairat Anggota

a) Berdasarkan kepada prestasi kewangan Sekatarakyat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, Lembaga Pengarah Sekatarakyat mencadangkan peruntukan bagi Tabung Kebajikan dan Khairat Anggota berjumlah **RM695,668** untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh mesyuarat.

b) Maklumat Tabung Kebajikan dan Khairat Anggota yang telah diluluskan sejak tahun 2008 adalah seperti yang berikut:-

.

| **Tahun** | **Keuntungan sebelum Cukai** | **Peruntukan dicadangkan** | **Peruntukan diluluskan oleh MAP** | **Jumlah** |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| | **RM** | **%** | **%** | **RM** |
| **2008** | **5,717,780** | | **2** | **97,202** |
| **2009** | **7,470,637** | | **2** | **112,059** |
| **2010** | **6,646,741** | | **2** | **112,995** |
| **2011** | **8,006,827** | | **2** | **136,116** |
| **2012** | **10,744,343** | | **2** | **183,311** |
| **2013** | **14,060,163** | | **2** | **206,614** |
| **2014** | **14,242,350** | | **2** | **219,808** |
| **2015** | **15,424,719** | | **2** | **233,820** |
| **2016** | **18,678,354** | | **2** | **282,532** |
| **2017** | **16,374,476** | | **2** | **256,799** |
| **2018** | **17,860,071** | | **2** | **281,368** |
| **2019** | **19,631,108** | | **2** | **310,395** |
| **2020** | **15,725,646** | | **2** | **272,752** |
| **2021** | **19,741,128** | | **2** | **368,161** |
| **2022** | **1,709,668** | | **2** | **12,009** |
| **2023** | **28,034,289** | | **2** | **471,643** |
| **2024** | **40,325,735** | **2** | | **695,668** |

c) Pergerakan tabung tersebut sejak tahun 2008 adalah seperti yang berikut :-

| Tahun | Bayaran kepada anggota | Tambahan Peruntukan Dari Akaun Pembahagian Keuntungan | Baki Tabung |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| | | | 156,742 |
| 2008 | 80,600 | 97,202 | 173,344 |
| 2009 | 82,435 | 112,059 | 202,968 |
| 2010 | 85,450 | 112,995 | 230,513 |
| 2011 | 94,200 | 136,116 | 272,429 |
| 2012 | 63,700 | 183,311 | 392,040 |
| 2013 | 79,700 | 206,614 | 518,954 |
| 2014 | 87,800 | 219,808 | 650,452 |
| 2015 | 86,490 | 233,820 | 797,782 |
| 2016 | 24,500 | 282,532 | 1,055,814 |
| 2017 | 49,400 | 256,799 | 1,263,213 |
| 2018 | 122,400 | 281,368 | 1,422,181 |
| 2019 | 115,400 | 310,395 | 1,617,176 |
| 2020 | 106,700 | 272,752 | 1,636,829 |
| 2021 | 263,200 | 348,837 | 1,722,466 |
| 2022 | 169,099 | 12,009 | 1,565,376 |
| 2023 | 151,900 | 471,643 | 1,885,119 |
| 2024 | 192,470 | 695,668 | 2,388,317 |

(iii) Cadangan dividen bagi tahun

a) Berdasarkan kepada prestasi kewangan Sekatarakyat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, Lembaga Pengarah Sekatarakyat mencadangkan bayaran dividen sebanyak **13.5% (13% + 0.5% (Dividen Khas))** dibayar kepada setiap anggota-anggota Sekatarakyat yang berkelayakan bagi tahun tersebut berjumlah **RM32,905,718** untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan.

b) Maklumat dividen yang telah diluluskan sejak tahun 2008 adalah seperti yang berikut :-

| Tahun | Keuntungan sebelum cukai RM | Dividen dicadangkan % | Dividen diluluskan oleh MAP % | Dividen diluluskan oleh SKM % | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **2008** | **5,717,780** | | **10** | **10** | **4,024,026** |
| **2009** | **7,470,637** | | **10** | **10** | **4,208,768** |
| **2010** | **6,646,741** | | **10** | **10** | **4,463,457** |
| **2011** | **8,006,827** | | **12.5** | **12.5** | **5,912,941** |
| **2012** | **10,744,343** | | **13** | **13** | **7,521,792** |
| **2013** | **14,060,163** | | **15** | **15** | **9,670,348** |
| **2014** | **14,242,350** | | **15** | **15** | **10,117,306** |
| **2015** | **15,424,719** | | **15** | **15** | **10,991,275** |
| **2016** | **18,678,354** | | **15** | **15** | **13,034,194** |
| **2017** | **16,374,476** | | **13.5** | **13.5** | **12,156,124** |
| **2018** | **17,860,071** | | **13.5** | **13.5** | **13,322,493** |
| **2019** | **19,631,108** | | **14** | **14** | **15,022,743** |
| **2020** | **15,725,646** | | **10** | **10** | **11,858,047** |
| **2021** | **19,741,128** | | **12** | **12** | **15,779,418** |
| **2022** | **1,709,668** | | **1** | **1** | **349,293** |
| **2023** | **28,034,289** | | **13** | **13** | **22,480,283** |
| **2024** | **40,325,735** | **13.5** | | | **32,905,718** |

(iv) Cadangan Honorarium Lembaga Pengarah

a) Berdasarkan kepada prestasi kewangan Sekatarakyat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, Lembaga Pengarah Sekatarakyat mencadangkan Honorarium Lembaga Pengarah berjumlah sebanyak **RM90,000.00** untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh mesyuarat.

b) Maklumat honorarium Lembaga Pengarah yang telah diluluskan sejak tahun 2008 adalah seperti yang berikut :-

| Tahun | Keuntungan sebelum Cukai RM | Peruntukan dicadangkan | Peruntukan diluluskan oleh MAP | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|
| 2008 | 5,717,780 | | 2.50% | 121,503 |
| 2009 | 7,470,637 | | 1.50% | 110,000 |
| 2010 | 6,646,741 | | 1.60% | 110,000 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 2011 | 8,006,827 | | 1.40% | 110,000 |
| 2012 | 10,744,343 | | 1.00% | 110,000 |
| 2013 | 14,060,163 | | 0.78% | 110,000 |
| 2014 | 14,242,350 | | 0.77% | 110,000 |
| 2015 | 15,424,719 | | 0.71% | 110,000 |
| 2016 | 18,678,354 | | 0.59% | 110,000 |
| 2017 | 16,374,476 | | 0.80% | 130,000 |
| 2018 | 17,860,071 | | 0.73% | 130,000 |
| 2019 | 19,631,108 | | 0.66% | 130,000 |
| 2020 | 15,725,646 | | 0.66% | 104,000 |
| 2021 | 19,741,128 | - | - | - |
| 2022 | 23,115,736 | - | - | - |
| 2023 | 28,034,289 | - | - | - |
| 2024 | 40,325,735 | 90,000 | 0.22% | |

# CADANGAN BAYARAN HONORARIUM KEPADA ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH

## CADANGAN BAYARAN HONORARIUM KEPADA ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH

### 1.0 TUJUAN

Cadangan ini bertujuan memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 bagi bayaran Honorarium kepada sembilan orang Anggota Lembaga Pengarah (ALP) pada prestasi Tahun Kewangan 2024.

### 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Mengikut Akta Koperasi 1993. “honorarium” ertinya suatu bahagian keuntungan bersih teraudit koperasi yang diagihkan antara beberapa atau semua anggota Lembaga sebagai balasan bagi perkhidmatan mereka yang lazimnya tidak diberi saraan.

2.2 Pembayaran honorarium mengambil kira faktor prestasi koperasi, elaun dan kemudahan yang telah diterima oleh ALP serta sumbangan yang diberi oleh ALP dalam koperasi.

2.3 Pada asasnya, koperasi dibenarkan membuat cadangan untuk membayar honorarium dalam dua keadaan iaitu (Rujukan GP22: Garis Panduan Permohonan Pembayaran Honorarium Kepada Anggota Lembaga Koperasi – Perkara 14 : Had Pembayaran Honorarium) –

(a) tidak melebihi 10% daripada baki untung bersih teraudit selepas pembahagian berkanun atau RM150,000 mana yang lebih rendah; atau

(b) melebihi amaun RM150,000 bagi koperasi yang mematuhi kriteria berikut:

i) untung bersih teraudit untuk tahun kewangan berkenaan mestilah melebihi RM30Juta ;
ii) pulangan atas ekuiti (*return on equity*) sekurang-kurangnya pada kadar 8%; dan
iii) pulangan atas aset (*return on asset*) sekurang-kurangnya pada kadar 6%.

2.4 Honorarium telah dibayar kepada ALP mulai tahun 2008 hingga 2020 dengan peratusan bayaran Honorarium atas keuntungan sebanyak 2.5% pada tahun 2008. Pada amnya peratusan itu telah menurun hingga kepada 0.66% pada tahun 2020.

2.5 Pada tahun 2021 dan 2022, ALP dibayar Elaun Tetap sebanyak RM1,200.00 seorang sebulan dengan jumlah bayaran sebanyak RM129,600.00 setahun bagi 9 orang ALP. Honorarium tidak dibayar bagi tahun-tahun itu.

2.6 Jumlah bayaran Honorarium dan Elaun Tetap yang telah dibayar pada tahun 2008 hingga 2024 dan Honorarium yang dicadangkan bagi prestasi Tahun Kewangan 2024 adalah seperti yang berikut:

| Tahun | Keuntungan Sebelum Cukai (RM) | Honorarium (RM) | Elaun Tetap (RM) | Jumlah (RM) | % Jumlah Bayaran Berbanding Keuntungan Sebelum Cukai |
|---|---|---|---|---|---|
| 2008 | 5,717,780 | 121,503 | | 121,503 | 2.50% |
| 2009 | 7,470,637 | 110,000 | | 110,000 | 1.50% |
| 2010 | 6,646,741 | 110,000 | | 110,000 | 1.60% |
| 2011 | 8,006,827 | 110,000 | | 110,000 | 1.40% |
| 2012 | 10,744,343 | 110,000 | | 110,000 | 1.00% |
| 2013 | 14,060,163 | 110,000 | | 110,000 | 0.78% |
| 2014 | 14,242,350 | 110,000 | | 110,000 | 0.77% |
| 2015 | 15,424,719 | 110,000 | | 110,000 | 0.71% |
| 2016 | 18,678,354 | 110,000 | | 110,000 | 0.59% |
| 2017 | 16,374,476 | 90,000 | | 90,000 | 0.54% |
| 2018 | 17,860,071 | 130,000 | | 130,000 | 0.73% |
| 2019 | 19,631,108 | 130,000 | | 130,000 | 0.66% |
| 2020 | 15,725,646 | 104,000 | | 104,000 | 0.66% |
| 2021 | 19,741,128 | | 129,600 | 129,600 | 0.66% |
| 2022 | 23,115,736 | | 129,600 | 129,600 | 0.56% |
| 2023 | 28,034,289 | | 156,600 | 156,600 | 0.56% |
| 2024 | 40,325,735 | 90,000 | 162,000 | 252,000 | 0.62% |

## 3.0 CADANGAN

Adalah dicadangkan supaya Honorarium sebanyak RM90,000.00 dibayar kepada Lembaga Pengarah dan dibahagi-bahagikan secara sama rata kepada 9 orang ALP bagi prestasi Tahun Kewangan 2024.

## 4.0 ALASAN CADANGAN

4.1 Berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Sekatarakyat layak membayar Honorarium melebihi RM150,000.00 (lihat perenggan 2.3(b) di atas). Honorarium yang dicadangkan hanyalah RM90,000.00 setelah mengambil kira Elaun Tetap yang telah dibayar pada tahun 2024.

4.2 Jika diambil kira Elaun Tetap yang telah dibayar pada tahun 2024 dan Honorarium yang dicadangkan, peratusan jumlah kedua-duanya atas keuntungan adalah 0.62%, iaitu dalam lingkungan peratusan yang pernah diluluskan bagi tahun-tahun sebelum ini.

4.3 Honorarium yang dicadangkan (sekalipun jika dikira bersama bayaran Elaun Tetap) adalah kecil berbanding dengan manfaat yang telah dihasilkan untuk Anggota, seperti yang ditunjukkan di bawah:

| Tahun | Keuntungan Sebelum Cukai (RM) | Dividen (RM) | Ibra' (RM) | Tabung Khairat / Kebajikan Anggota (RM) | Sumbangan Hari Raya (RM) | Jumlah Manfaat (RM) | % Manfaat berbanding Keuntungan Sebelum Cukai | Honorarium | % Honorarium berbanding Keuntungan Sebelum Cukai |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2024 | 40,325,735 | 32,905,718 | 2,976,918 | 695,668 | 1,222,350 | 37,800,654 | 93.74% | 90,000 | 0.22% |

Pada tahun 2024, manfaat Anggota telah ditambah lagi menerusi penurunan kadar keuntungan pembiayaan Anggota sempena Jubli Emas, yang menjadikan kadar itu paling rendah di pasaran pembiayaan peribadi. Manfaat Anggota telah ditambah lagi dengan pemberian kadar keuntungan 7% bagi Simpanan Am Anggota, satu kadar pulangan yang lebih tinggi daripada kadar yang ditawarkan bagi deposit atau simpanan di mana-mana bank di Malaysia.

4.4 Honorarium yang dicadangkan (sekalipun jika dikira bersama bayaran Elaun Tetap) adalah lebih rendah berbanding dengan beberapa koperasi lain, seperti yang ditunjukkan di bawah:

| Koperasi | Keuntungan Sebelum Cukai (RM) | Honorarium (RM) | Elaun Tetap (RM) | Jumlah (RM) | % Jumlah berbanding Keuntungan Sebelum Cukai |
|---|---|---|---|---|---|
| Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad | 40,325,735 | 90,000 | 162,000 | 252,000 | 0.62% |
| Koperasi Kakitangan Petronas Berhad | 14,042,511 | 180,000 | 0 | 180,000 | 1.28% |
| Koperasi Tenaga Nasional Berhad | 16,429,292 | 120,000 | 0 | 120,000 | 0.73% |
| Koperasi Pos Nasional Berhad | 3,566,311 | 144,000 | 244,200 | 388,200 | 10.89% |
| Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad | 42,990,188 | 500,000 | 0 | 500,000 | 1.16% |
| Koperasi Peserta-peserta Felcra Malaysia Berhad | 4,552,578 | 150,000 | 62,600 | 212,600 | 4.67% |
| Koperasi Kakitangan Felda Malaysia Berhad | 15,043,947 | 150,000 | 0 | 150,000 | 1.00% |

4.5 Jumlah Honorarium yang dicadangkan telah diperuntukkan dalam Akaun Pembahagian Keuntungan bagi Tahun Kewangan 2024.

## 5.0 IMPLIKASI KEWANGAN

| PERKARA | SETAHUN (RM) |
|---|---|
| **Keuntungan bersih selepas cukai dan zakat** | **34,783,389** |
| **Tolak: Lain-lain pembahagian**<br>Dividen dicadangkan - 13.5% (13% + 0.5% (Dividen Khas))<br>di atas modal syer dan modal yuran anggota (2023: 13%) | (32,905,718) |
| Tabung Khairat Anggota | (695,668) |
| Tabung Persaraan Kakitangan | (320,000) |
| Honorarium Lembaga Pengarah | (90,000) |
| **Keuntungan bersih selepas lain-lain pembahagian** | **772,004** |

## 6.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 dipohon meluluskan cadangan ini.

**PERKARA 12**

**MENGISYTIHAR ATAU MENERBITKAN SYER-SYER BONUS**

**(TIADA)**

**PERKARA 13**

**MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA URUSAN LAIN KOPERASI YANG SUATU NOTIS YANG TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI TELAH DIBERIKAN**

**CADANGAN PEMBERIAN ANUGERAH PENGHARGAAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH SEMPENA 50 TAHUN SEKATARAKYAT**

# CADANGAN PEMBERIAN ANUGERAH PENGHARGAAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH SEMPENA 50 TAHUN SEKATARAKYAT

## CADANGAN PEMBERIAN ANUGERAH PENGHARGAAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH SEKATARAKYAT SEMPENA 50 TAHUN SEKATARAKYAT

### 1.0 TUJUAN

Cadangan ini bertujuan mendapatkan kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 untuk pemberian Anugerah Penghargaan kepada Anggota Lembaga Pengarah sempena 50 tahun Sekatarakyat.

### 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Tahun 2024 merupakan tahun Sekatarakyat mencapai 50 tahun (Jubli Emas) penubuhannya.

2.2 Bagi sambutan Jubli Emas, Sekatarakyat telah merangka pelbagai aktiviti bermula tahun 2021 hingga tahun 2024 dengan mengadakan beberapa aktiviti yang menyumbang kepada pendapatan dan manfaat kepada Anggota dan sebahagiannya sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility – CSR).

2.3 Skim Pembiayaan Jubli Emas dengan kadar keuntungan paling rendah di pasaran telah diperkenalkan kepada Anggota. Ini menghasilkan penjimatan kos yang ketara bagi Anggota yang perlu mengambil pembiayaan.

2.4 Penambahan Modal Yuran telah dibuka kepada Anggota tanpa had individu sehingga had agregat sebanyak RM62juta. Ini telah memberi Anggota peluang menimbun simpanan wang dalam Akaun Yuran mereka bagi menambahkan pendapatan menerusi dividen atas yuran.

2.5 Kadar keuntungan Simpanan Am Anggota dinaikkan ke 7.00% setahun. Ini memberi Anggota yang menyimpan pulangan yang tertinggi berbanding semua akaun simpanan atau deposit di pasaran.

2.6 Saguhati Hari Raya Aidil Fitri juga telah ditambah RM50 seorang sempena Jubli Emas.

2.7 Sepanjang tahun 2024, terdapat 15 majlis dan program yang telah diadakan seperti yang berikut:

- 2.7.1 Sambutan Ambang Jubli Emas
- 2.7.2 Pelancaran Logo Jubli Emas
- 2.7.3 Jualan Cenderamata Khas Jubli Emas
- 2.7.4 Program Ramadhan Jubli Emas
- 2.7.5 Hadiah Misteri Jubli Emas
- 2.7.6 Kempen Derma Darah Jubli Emas
- 2.7.7 Cetakan Buku Mewah Jubli Emas
- 2.7.8 Pertandingan Teka Silang Kata Jubli Emas
- 2.7.9 Larian Dan Zumba Jubli Emas
- 2.7.10 Boling Jubli Emas

2.7.11 Hidangan Kari Kepala Ikan Secara Percuma Kepada 50 Pelanggan Yang Terpilih
2.7.12 Majlis Sambutan Jubli Emas
2.7.13 Majlis Makan Malam Sambutan Jubli Emas
2.7.14 Program Penyerahan Lencana Emas
2.7.15 Majlis Penutup Jubli Emas dan Sambutan Tahun Baru 2025

2.8 Pada pagi 23 September 2024 yang lalu, satu Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-50 Penubuhan Sekatarakyat telah diadakan dan telah dihadiri oleh wakil organisasi-organisasi yang telah banyak menyumbang kepada kejayaan Sekatarakyat. Pada malamnya tarikh Ulang Tahun itu telah disambut dengan Majlis Makan Malam Jubli Emas.

2.9 Majlis berkenaan berlangsung meriah dengan kehadiran seramai 200 orang yang melibatkan Anggota Sekatarakyat, Jawatankuasa Penubuhan Awal Sekatarakyat (Protemp), Mantan Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat, Mantan Kakitangan Sekatarakyat, Anggota Lembaga Pengarah dan Kakitangan Pengurusan Sekatarakyat.

2.10 Salah satu pengisian dalam Majlis Makan Malam Jubli Emas Sekatarakyat tersebut adalah pemberian Anugerah Penghargaan Kepada Mantan Anggota Lembaga Pengarah (ALP).

2.11 Seramai 34 orang mantan ALP yang telah menerima anugerah penghargaan tersebut dengan penerimaan sebuah trofi seperti yang berikut:

| BIL | NAMA | TEMPOH MENJAWAT ALP (TAHUN) | TAHUN |
|---|---|---|---|
| 1 | ABD RAZAK ABD RAHMAN | 10 | 1976 - 1977 |
| | | | 1981 - 1982 |
| | | | 1984 - 1986 |
| | | | 2009 - 2011 |
| 2 | ABDULLAH SANI TAMBI | 1 | 1999 |
| 3 | AHMAD KIDZBULLAH RIDZUAN | 3 | 2000 - 2002 |
| 4 | AHMAD TALIB | 3 | 1974 - 1976 |
| 5 | ANOOR FARIDAH NGAH | 9 | 1994 - 2002 |
| 6 | ANUAR SALLEH | 7 | 1978 - 1980 |
| | | | 2000 |
| | | | 2004 - 2006 |
| 7 | ASMADI HUSSIN | 4 | 1993 - 1996 |
| 8 | AZLAN ALIAS | 11 | 2009 - 2010 |
| | | | 2013 - 2021 |
| 9 | BAHARIN ABU SAMAH | 14 | 1978 - 1980 |
| | | | 2007 - 2017 |
| 10 | CHE NAT ABDULLAH | 12 | 1986 - 1997 |
| 11 | DATO' SHAHARUDIN MOHD SA'AD | 15 | 2005 - 2010 |
| | | | 2012 - 2020 |
| 12 | FAIZAH MAHAMUD | 3 | 2002 - 2004 |
| 13 | FAKHARUDDIN CHE PUTEH | 4 | 1981 - 1984 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 14 | FATIMAH MOHD SETH` | 4 | 1974 - 1975 |
| | | | 1997 - 1998 |
| 15 | HASHIM MOHAMED | 11 | 1988 - 1998 |
| 16 | KHALID ABDUL HAMID | 3 | 2008 - 2010 |
| 17 | MOHAMAD THUAIRI MOHAMAD TAYEB | 3 | 2019 - 2021 |
| 18 | MOHD ARIEF AZREE TUN ARIFIN | 1 | 2018 |
| 19 | MOHD BADRI OSMAN | 1 | 2003 |
| 20 | MOHD MUSHIN ISMAIL | 2 | 2000 - 2001 |
| 21 | MUA'ANAFF ABDUL LATIF | 3 | 1984 - 1986 |
| 22 | NAJIB FAHMY HAMZAH | 1 | 2001 |
| 23 | NASIRAH ARISS | 1 | 1983 |
| 24 | NOR AZIAH YAHYA | 7 | 1976 - 1982 |
| 25 | NORLIAN AHMAD IBRAHIM | 15 | 1978 - 1992 |
| 26 | NORMALA MOHD YUNUS | 9 | 1986 - 1994 |
| 27 | ROZARINA SHAHRI | 1 | 2008 |
| 28 | SABARIAH MOHD AKHIR | 2 | 2001 - 2002 |
| 29 | SUHAIMI CHE OMAR | 7 | 2013 - 2019 |
| 30 | SUHAIMI OMAR | 5 | 2003 - 2007 |
| 31 | YAHYA UDA | 2 | 2011 - 2012 |
| 32 | ZAINAL ABIDIN NORDIN | 13 | 1983 - 1986 |
| | | | 1989 - 1997 |
| 33 | ZAINUDDIN ALI | 8 | 1999 -2001 |
| | | | 2003 - 2007 |
| 34 | ZAKARIA NORDIN | 9 | 1978 - 1983 |
| | | | 1986 - 1988 |

2.12 Anugerah penghargaan yang diberikan kepada mantan ALP merupakan sebuah trofi setiap satu, seperti yang ditunjukkan gambarnya di bawah:



2.13 Lembaga Pengarah tidak memberikan Anugerah Penghargaan kepada diri mereka sendiri bagi mengelakkan isu percanggahan kepentingan.

2.14 Tempoh perkhidmatan Anggota Lembaga Pengarah yang masih berkhidmat adalah seperti yang berikut:

| NO | NAMA | TEMPOH PERKHIDMATAN (TAHUN) |
|---|---|---|
| 1 | Datuk Mohamed Arsad Sehan | 39 |
| 2 | Puan Hasrul Liza Shah Rudin | 22 |
| 3 | Haji Abdul Lidzam Muhamad Alias | 20 |
| 4 | Haji Mohd Salleh Mahmood | 16 |
| 5 | Dato' Mustafha Abd Razak | 15 |
| 6 | Haji Saliman Zainal | 9 |
| 7 | Haji Mohamad Sabri Mohamed Nor | 4 |
| 8 | Haji Mohd Khuzaini Ab Ghani | 3 |
| 9 | Haji Mohd Shaifuddin Abdullah | 3 |

## 3.0 CADANGAN

3.1 Adalah dicadangkan supaya Anugerah Penghargaan Jubli Emas diberi kepada ALP, seperti yang berikut:

| TEMPOH PERKHIDMATAN | WAFER JE |
|---|---|
| 1 – 8 Tahun | 1 Wafer 1 Gram |
| 9 -19 Tahun | 2 Wafer 1 Gram |
| 20 Tahun dan ke atas | 1 Wafer 1 Dinar |

3.2 Berdasarkan yang di atas, Anugerah Penghargaan dicadangkan diberi kepada tiap-tiap ALP, seperti yang berikut:

| No | Nama | Tempoh Perkhidmatan (Tahun) | Wafer |
|---|---|---|---|
| 1 | Datuk Mohamed Arsad Sehan | 39 | 1 Dinar |
| 2 | Hasrul Liza Shah Rudin | 22 | 1 Dinar |
| 3 | Haji Abdul Lidzam Muhamad Alias | 20 | 1 Dinar |
| 4 | Haji Mohd Salleh Mahmood | 16 | 2 Gram |
| 5 | Dato’ Mustafha Abd Razak | 15 | 2 Gram |
| 6 | Haji Saliman Zainal | 9 | 2 Gram |
| 7 | Haji Mohamad Sabri Mohamed Nor | 4 | 1 Gram |
| 8 | Haji Mohd Khuzaini Ab Ghani | 3 | 1 Gram |
| 9 | Haji Mohd Shaifuddin Abdullah | 3 | 1 Gram |

## 4.0 ALASAN CADANGAN

4.1 Bagi menghargai sumbangan dan pencapaian ALP kepada kejayaan cemerlang Sekatarakyat dalam tempoh perkhidmatan mereka.

4.2 Bagi mengiktiraf peranan dan kepimpinan ALP memelihara kepentingan Anggota dan menghasilkan manfaat yang banyak kepada Anggota, terutamanya dalam tempoh 10 tahun yang lalu.

## 5.0 IMPLIKASI KEWANGAN

5.1 Perbelanjaan yang perlu di peruntukan bagi cadangan ini adalah seperti yang berikut:

a. 9 wafer 1 gram
   9 x RM378 = RM3,402.00

b. 3 wafer 1 dinar
   3 x RM1,586.78 = RM4,760.34

c. Lain-lain yang berkaitan
   RM1,837.66

d. Jumlah RM10,000.00

5.2 Kos Pemberian Anugerah ini menggunakan peruntukan program Jubli Emas yang berbaki sebanyak RM13,000.00 yang telah diakrukan dalam perbelanjaan tahun 2024.

## 6.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 dipohon meluluskan cadangan ini.

## PERKARA 14

## MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA CADANGAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL SEKATARAKYAT

1) CADANGAN MEMINDA UNDANG-UNDANG KECIL (UUK) SEKATARAKYAT

2) CADANGAN MEWUJUDKAN ATURAN PERNIAGAAN AR-RAHNU X'CHANGE (ARX) SEKATARAKYAT

3) CADANGAN PERMOHONAN KELULUSAN PEMBUKAAN PERNIAGAAN TASKA QASEH NURI, KAFETERIA SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM) DAN D'SEKATA

## 1) CADANGAN MEMINDA UNDANG-UNDANG KECIL (UUK) SEKATARAKYAT

## CADANGAN MEMINDA UNDANG-UNDANG KECIL (UUK) SEKATARAKYAT

### 1.0 TUJUAN

Memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 bagi melaksanakan pindaan Undang-Undang Kecil (UUK) Sekatarakyat bagi perkara seperti yang berikut :

a. Pindaan di Perkara 9 (1) a dengan membuat penambahan aktiviti seperti yang berikut:

   i. Mengadakan kerjasama dengan pihak luar bagi menjalankan projek-projek usaha sama
   ii. Menjalankan perkhidmatan menjahit dan baik pulih/ menjahit pakaian dan kelengkapan serta perkhidmatan pembekalan
   iii. Menjalankan perkhidmatan pemindahan barang-barang, pembungkusan dan perpindahan
   iv. Menjalankan perniagaan pengendalian sistem kawalan komputer
   v. Menjadi pengedar barangan runcit, kosmetik, barangan kesihatan dan pengimport serta pengeksport berasaskan makanan

b. Pindaan di Perkara 21 untuk membuka keanggotaan kepada kakitangan kumpulan Bank Rakyat dan koperasi ini yang menamatkan perkhidmatan.

### 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pindaan Perkara 9 (1)

2.1.1 Pada masa ini, dalam UUK - Perkara 9 (1) Aktiviti Koperasi yang disenaraikan seperti yang berikut:-

a) menjalankan aktiviti berikut:

   i. menggalakkan anggota-anggota supaya berjimat-cermat dengan menyimpan sebahagian daripada pendapatan mereka dengan tetap dan memberi pinjaman atau pembiayaan untuk maksud yang munasabah dan berguna;
   ii. menjalankan perniagaan pajak gadai ar-rahnu serta segala perniagaan yang berkaitan dengannya;
   iii. menjalankan aktiviti perniagaan jual beli emas,sistem simpanan emas dan lain-lain yang berkaitan dengannya;
   iv. menjalankan aktiviti perniagaan makanan, penyajian, restoran, kafeteria, pembekalan makanan dan minuman, dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan;
   v. menjalankan aktiviti perniagaan taman asuhan kanak-kanak, membuka sekolah/institut pendidikan swasta;

vi. menjalankan aktiviti perniagaan perkhidmatan pelancongan, perhotelan, rumah peranginan dan aktiviti berkaitan dengannya;
vii. menjalankan perniagaan pengurusan acara dan majlis, aktiviti kursus, latihan dan perundingan;
viii. menjalankan perniagaan berkaitan kesejahteraan dan kesihatan seperti Farmasi;
ix. menjalankan kegiatan pengguna termasuk kedai runcit dan serbaneka, pasar mini, pasar hyper dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengannya seperti perolehan, pengurusan stok dan jualan barangan pengguna;
x. menjalankan aktiviti perkhidmatan takaful;
xi. menjalankan perkhidmatan perniagaan dobi, pejabat, bangunan dan lain-lain berkaitan; dan
xii. perkhidmatan, penyewaan dan pengurusan tempat letak kereta

b) menjalankan aktiviti kebajikan dan pendidikan anggota;

c) membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih;

d) melaburkan wang berlebihan di dalam perkara yang dibenarkan menurut seksyen 54 Akta;

e) mengadakan subsidiari menurut seksyen 19 Akta dengan kelulusan Suruhanjaya; dan

f) menyertai usaha sama dan menjadi anggota kepada koperasi lain

2.1.2 Sekatarakyat mempunyai perancangan untuk mengembangkan lagi perniagaan Sekatarakyat seperti yang berikut:

i. Mengadakan kerjasama dengan pihak luar bagi menjalankan projek-projek usaha sama
ii. Menjalankan perkhidmatan menjahit dan baik pulih / menjahit pakaian dan kelengkapan serta perkhidmatan pembekalan
iii. Menjalankan perkhidmatan pemindahan barang-barang, pembungkusan dan perpindahan
iv. Menjalankan perniagaan pengendalian sistem kawalan komputer
v. Menjadi pengedar barangan runcit, kosmetik, barangan kesihatan dan pengimport atau pengeksport berasaskan makanan

2.2 Pindaan perkara 21

2.2.1 Mengikut Perkara 21 (1) Keanggotaan seseorang anggota terhenti atas sebab-sebab yang berikut :

a) Mati;
b) Menarik diri menurut undang-undang kecil 22; atau
c) Dibuang menurut undang-undang kecil 23
d) Berhenti atau diberhentikan daripada menjadi kakitangan Kumpulan Bank Rakyat atau kakitangan Koperasi ini, mengikut mana-mana yang berkenaan, kecuali berhenti kerja kerana bersara

2.2.2 Berdasarkan Perkara 21 (2) Lembaga hendaklah menyingkirkan seseorang anggota yang :

a) Didapati membuat ikrar palsu menurut Undang-undang Kecil 14;
b) Hilang kelayakan sebagai anggota menurut Undang-undang Kecil 20;
c) Terhenti keanggotaannya menurut perenggan (c) fasal (1).
d) Gagal menjelaskan syer minimum menurut Undang-undang Kecil 55; atau
e) Gagal menjelaskan yuran menurut Undang-undang Kecil $50_A$ tiga bulan berturut-turut dengan tiada kebenaran Lembaga

2.2.3 Berdasarkan Perkara 21 (3) kakitangan Kumpulan Bank Rakyat dan semua kakitangan Koperasi ini yang telah bersara boleh terus kekal menjadi anggota.

2.2.4 Berdasarkan rekod 9 tahun terkini anggota yang menamatkan perkhidmatan di Kumpulan Bank Rakyat dan Sekatarakyat adalah seperti yang berikut :

| BIL | TAHUN | JUMLAH ANGGOTA |
|---|---|---|
| 1 | 2016 | 38 |
| 2 | 2017 | 49 |
| 3 | 2018 | 63 |
| 4 | 2019 | 29 |
| 5 | 2020 | 30 |
| 6 | 2021 | 48 |
| 7 | 2022 | 49 |
| 8 | 2023 | 38 |
| 9 | 2024 | 47 |
| | | 391 |

## 3.0 CADANGAN

Lembaga Pengarah ingin mencadangkan pindaan atas undang-undang kecil seperti yang berikut:

3.1 Pindaan Perkara 9

| Perkara | Asal | Pindaan |
|---|---|---|
| 9 (1) | a) menjalankan aktiviti berikut:<br><br>i. menggalakkan anggota-anggota supaya berjimat-cermat dengan menyimpan sebahagian daripada pendapatan mereka dengan tetap dan memberi pinjaman atau pembiayaan untuk maksud yang munasabah dan berguna;<br>ii. menjalankan perniagaan pajak gadai Ar-Rahnu serta segala perniagaan yang berkaitan dengannya;<br>iii. menjalankan aktiviti perniagaan jual beli emas, sistem simpanan emas dan lain-lain yang berkaitan dengannya;<br>iv. menjalankan aktiviti perniagaan makanan, penyajian, restoran, kafeteria, pembekalan makanan dan minuman, dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan;<br>v. menjalankan aktiviti perniagaan taman asuhan kanak-kanak, membuka sekolah/institut pendidikan swasta;<br>vi. menjalankan aktiviti perniagaan perkhidmatan pelancongan, perhotelan, rumah peranginan dan aktiviti berkaitan dengannya;<br>vii. menjalankan perniagaan pengurusan acara dan majlis, aktiviti kursus, latihan dan perundingan;<br>viii. menjalankan perniagaan berkaitan kesejahteraan dan kesihatan seperti Farmasi;<br>ix. menjalankan kegiatan pengguna termasuk kedai runcit dan serbaneka, pasar mini, pasar hyper dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengannya seperti perolehan, pengurusan stok dan jualan barangan pengguna;<br>x. menjalankan aktiviti perkhidmatan | a) menjalankan aktiviti berikut:<br><br>i. menggalakkan anggota-anggota supaya berjimat-cermat dengan menyimpan sebahagian daripada pendapatan mereka dengan tetap dan memberi pinjaman atau pembiayaan untuk maksud yang munasabah dan berguna;<br>ii. menjalankan perniagaan pajak gadai Ar-Rahnu serta segala perniagaan yang berkaitan dengannya;<br>iii. menjalankan aktiviti perniagaan jual beli emas, sistem simpanan emas dan lain-lain yang berkaitan dengannya;<br>iv. menjalankan aktiviti perniagaan makanan, penyajian, restoran, kafeteria, pembekalan makanan dan minuman, dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan;<br>v. menjalankan aktiviti perniagaan taman asuhan kanak-kanak, membuka sekolah/institut pendidikan swasta;<br>vi. menjalankan aktiviti perniagaan perkhidmatan pelancongan, perhotelan, rumah peranginan dan aktiviti berkaitan dengannya;<br>vii. menjalankan perniagaan pengurusan acara dan majlis, aktiviti kursus, latihan dan perundingan;<br>viii. menjalankan perniagaan berkaitan kesejahteraan dan kesihatan seperti Farmasi;<br>ix. menjalankan kegiatan pengguna termasuk kedai runcit dan serbaneka, pasar mini, pasar hyper dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengannya seperti perolehan, pengurusan stok dan jualan barangan pengguna; |

| | | |
|---|---|---|
| | takaful;<br>xi. menjalankan perkhidmatan perniagaan dobi, pejabat, bangunan dan lain-lain berkaitan; dan<br>xii. perkhidmatan, penyewaan dan pengurusan tempat letak kereta | x. menjalankan aktiviti perkhidmatan takaful;<br>xi. menjalankan perkhidmatan perniagaan dobi, pejabat, bangunan dan lain-lain berkaitan; dan<br>xii. perkhidmatan, penyewaan dan pengurusan tempat letak kereta<br>xiii. mengadakan kerjasama dengan pihak luar bagi menjalankan projek-projek usaha sama<br>xiv. menjalankan perkhidmatan menjahit dan baik pulih/ menjahit pakaian dan kelengkapan serta perkhidmatan pembekalan<br>xv. menjalankan perkhidmatan pemindahan barang-barang, pembungkusan dan perpindahan<br>xvi. menjalankan perniagaan pengendalian sistem kawalan komputer<br>xvii. menjadi pengedar barangan runcit, kosmetik, barangan kesihatan dan pengimport serta pengeksport berasaskan makanan |

3.2 Pindaan perkara 21

| Perkara | Asal | Pindaan |
|---|---|---|
| 21 (1) | Keanggotaan seseorang anggota terhenti atas sebab-sebab yang berikut :<br>a) Mati;<br>b) Menarik diri menurut undang-undang kecil 22; atau<br>c) Dibuang menurut undang-undang kecil 23<br>d) Berhenti atau diberhentikan daripada menjadi kakitangan Kumpulan Bank Rakyat atau kakitangan Koperasi ini, mengikut mana-mana yang berkenaan, kecuali berhenti kerja kerana bersara | Keanggotaan seseorang anggota terhenti atas sebab-sebab yang berikut :<br>a) Mati;<br>b) Menarik diri menurut undang-undang kecil 22; atau<br>c) Dibuang menurut undang-undang kecil 23<br>d) Diberhentikan daripada menjadi kakitangan Koperasi ini. |
| 21 (3) | Kakitangan Kumpulan Bank Rakyat dan semua kakitangan Koperasi ini yang telah bersara boleh terus kekal menjadi anggota. | Pesara Bank Rakyat, dan sesiapa yang pernah berkhidmat dengan Bank Rakyat atau Sekatarakyat. |

## 4.0 RUMUSAN

4.1 Penambahan aktiviti Perkara 9 (1)

4.1.1 Dapat meluaskan rangkaian perniagaan Sekatarakyat untuk menambah pendapatan.

4.1.2 Memberi peluang untuk menceburi bidang-bidang perniagaan baharu yang menjadi prospek pendapatan akan datang.

4.1.3 Mempelbagaikan perniagaan selaras dengan keperluan industri dan juga permintaan semasa.

4.2 Pindaan Perkara 21

4.2.1 Memberi peluang kepada anggota yang menamatkan perkhidmatan untuk terus menikmati manfaat-manfaat yang disediakan oleh Sekatarakyat.

4.2.2 Dapat menambah caruman yuran bulanan yang menjadi salah satu modal perniagaan Sekatarakyat.

4.2.3 Meningkatkan pendapatan apabila anggota melanggan produk pembiayaan.

4.2.4 Dapat mengelakkan penguncupan bilangan anggota dan jumlah anggota akan terus meningkat walaupun terdapat kakitangan Kumpulan Bank Rakyat atau koperasi yang menamatkan di samping kakitangan baharu yang mendaftar menjadi anggota.

## 5.0 RUMUSAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 dipohon meluluskan cadangan ini.

## 2) CADANGAN MEWUJUDKAN ATURAN PERNIAGAAN AR-RAHNU X'CHANGE (ARX) SEKATARAKYAT

## CADANGAN MEWUJUDKAN ATURAN PERNIAGAAN AR-RAHNU X'CHANGE (ARX) SEKATARAKYAT

### 1.0 TUJUAN

Cadangan ini disediakan bagi memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 bagi mewujudkan Aturan Perniagaan Ar-Rahnu X'Change (ARX) Sekatarakyat bertujuan mendapatkan kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

### 2.0 CADANGAN

2.1 Cadangan ini disediakan untuk memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 bagi mewujudkan Aturan Perniagaan Ar-Rahnu X'Change Sekatarakyat bertujuan mendapatkan kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

2.2 Aturan ini diwujudkan sebagai garis panduan kepada Sekatarakyat bagi urusan berkaitan perniagaan Ar-Rahnu.

2.3 Isi kandungan aturan tersebut adalah seperti yang berikut:-


| Bil. | Tujuan | Muka Surat |
|---|---|---|
| A | Tujuan | 4 |
| B | Skop | 4 |
| C | Tanggungjawab | 4 |
| D | Definisi | 5 |
| | Garis Panduan | 6 |
| 1.0 | Pendahuluan | 6-7 |
| 2.0 | Tujuan | 8 |
| 3.0 | Syarat-Syarat Kelayakan Pemohon | 9 |
| 4.0 | Jenis Barangan Emas/ Barang Kemas Yang Diterima / Tidak Diterima Untuk Gadaian | 10 |
| 5.0 | Tempoh Gadaian | 11 |
| 6.0 | Cara Bayaran Pembiayaan | 12 |
| 7.0 | Jumlah Keuntungan Pada Setiap 6 Bulan | 13 |
| 8.0 | Had Margin Dan Had Pembiayaan | 14 |
| 9.0 | Kekerapan Gadaian | 15 |
| 10.0 | Kadar Keuntungan | 16-18 |
| 11.0 | Had Kuasa Melulus | 19 |
| 12.0 | Harga Emas | 20 |
| 13.0 | Kematian / Hilang Upaya Kekal / Tidak Siuman | 21-22 |
| 14.0 | Penetapan Kategori Pembiayaan Terjejas (Pt) | 23 |
| 15.0 | Peletakan Peti Besi Ar-Rahnu Di Luar Bilik Kebal | 24 |
| 16.0 | Kod Akaun | 25-26 |
| 17.0 | Catatan Perakaunan | 27 |
| 18.0 | Kod Produk | 28 |
| 19.0 | Rekod Penyimpanan Dokumen | 29-30 |
| 20.0 | Kod Arx | 31 |
| 21.0 | Gadaian Baru | 32-34 |
| 22.0 | Pengeluaran Pembiayaan | 35 |
| 23.0 | Penyimpanan Barang Gadaian Dan Kawalan Ke Atas Peti Besi | 36 |

| | | |
|---|---|---|
| 24.0 | Kehilangan Surat Akuan Gadaian | 37 |
| 25.0 | Penghantaran Notis Pajak Gadai-i | 38 |
| 26.0 | Penggunaan Asid | 39-42 |
| 27.0 | Kekerapan Semakan Barang Gadaian | 43 |
| 28.0 | Kekerapan Semakan Tunai Fizikal Di Outlet | 44 |
| 29.0 | Kalibrasi Mesin Densimeter | 45 |
| 30.0 | Proses Urus Niaga Komoditi Dan Akad Murabahah (Dengan Menerima Pakai Amalan Tawarruq Di Sistem Bsas (Sekiranya Sistem Arx Online Gagal Berhubung Dengan Server Bsas)) | 46 |
| 31.0 | Dokumen Yang Perlu Dikemukakan Semasa Pelaksanaan Urus Niaga Komoditi Dan Akad Murabahah (Dengan Menerima Pakai Amalan Tawarruq) | 47 |
| 32.0 | Bursa Suq AI-Sila' | 48-49 |
| 33.0 | Tugas Dan Tanggungjawab | 50 |
| 34.0 | Laporan | 51 |
| 35.0 | Lelongan | 52-55 |
| 36.0 | Penggunaan Mesin Dan Pengujian Emas | 56-58 |
| 37.0 | Penyerahan Tugas Penjagaan Barang Gadaian | 59 |
| 38.0 | Kes Polis | 60 |
| 39.0 | Modus Operandi Pembiayaan Pajak Gadai-I ARX | 61 |


2.4 Aturan penuh Perniagaan Ar-Rahnu X'Change (ARX) Sekatarakyat seperti di Lampiran 1.

## 3.0 RUMUSAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 dipohon meluluskan cadangan ini.

LAMPIRAN 1

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat: 1/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

SEKATARAKYAT

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT MALAYSIA BERHAD

# ATURAN AKTIVITI AR RAHNU X'CHANGE SEKATARAKYAT

| Tajuk : Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat : 2/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## ISI KANDUNGAN


| Bil. | Tujuan | Muka Surat |
|---|---|---|
| A | Tujuan | 4 |
| B | Skop | 4 |
| C | Tanggungjawab | 4 |
| D | Definisi | 5 |
| | Garis Panduan | 6 |
| 1.0 | Pendahuluan | 6-7 |
| 2.0 | Tujuan | 8 |
| 3.0 | Syarat-Syarat Kelayakan Pemohon | 9 |
| 4.0 | Jenis Barangan Emas/ Barang Kemas Yang Diterima / Tidak Diterima Untuk Gadaian | 10 |
| 5.0 | Tempoh Gadaian | 11 |
| 6.0 | Cara Bayaran Pembiayaan | 12 |
| 7.0 | Jumlah Keuntungan Pada Setiap 6 Bulan | 13 |
| 8.0 | Had Margin Dan Had Pembiayaan | 14 |
| 9.0 | Kekerapan Gadaian | 15 |
| 10.0 | Kadar Keuntungan | 16-18 |
| 11.0 | Had Kuasa Melulus | 19 |
| 12.0 | Harga Emas | 20 |
| 13.0 | Kematian / Hilang Upaya Kekal / Tidak Siuman | 21-22 |
| 14.0 | Penetapan Kategori Pembiayaan Terjejas (Pt) | 23 |
| 15.0 | Peletakan Peti Besi Ar-Rahnu Di Luar Bilik Kebal | 24 |
| 16.0 | Kod Akaun | 25-26 |
| 17.0 | Catatan Perakaunan | 27 |
| 18.0 | Kod Produk | 28 |
| 19.0 | Rekod Penyimpanan Dokumen | 29-30 |
| 20.0 | Kod Arx. | 31 |

| Tajuk : Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat: 3/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |


| | | |
|---|---|---|
| 21.0 | Gadaian Baru | 32-34 |
| 22.0 | Pengeluaran Pembiayaan | 35 |
| 23.0 | Penyimpanan Barang Gadaian Dan Kawalan Ke Atas Peti Besi | 36 |
| 24.0 | Kehilangan Surat Akuan Gadaian | 37 |
| 25.0 | Penghantaran Notis Pajak Gadai-i | 38 |
| 26.0 | Penggunaan Asid | 39-42 |
| 27.0 | Kekerapan Semakan Barang Gadaian | 43 |
| 28.0 | Kekerapan Semakan Tunai Fizikal Di Outlet | 44 |
| 29.0 | Kalibrasi Mesin Densimeter | 45 |
| 30.0 | Proses Urus Niaga Komoditi Dan Akad Murabahah (Dengan Menerima Pakai Amalan Tawarruq Di Sistem Bsas (Sekiranya Sistem Arx Online Gagal Berhubung Dengan Server Bsas) | 46 |
| 31.0 | Dokumen Yang Perlu Dikemukakan Semasa Pelaksanaan Urus Niaga Komoditi Dan Akad Murabahah (Dengan Menerima Pakai Amalan Tawarruq) | 47 |
| 32.0 | Bursa Sug Al-Sila' | 48-49 |
| 33.0 | Tugas Dan Tanggungjawab | 50 |
| 34.0 | Laporan | 51 |
| 35.0 | Lelongan | 52-55 |
| 36.0 | Penggunaan Mesin Dan Pengujian Emas | 56-58 |
| 37.0 | Penyerahan Tugas Penjagaan Barang Gadaian | 59 |
| 38.0 | Kes Polis | 60 |
| 39.0 | Modus Operandi Pembiayaan Pajak Gadai-I ARX | 61 |

| Tajuk : Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat: 4/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## A. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan menetapkan syarat-syarat dan kaedah yang mesti dipatuhi dalam pelaksanaan Pembiayaan Pajak Gadai-i ARX serta mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

## B. SKOP

Garis panduan ini merangkumi syarat-syarat dan kaedah yang mesti dipatuhi dalam pelaksanaan Pembiayaan Pajak Gadai-i ARX.

## C. TANGGUNGJAWAB

Pengurusan Sekatarakyat perlu memastikan pelaksanaan Pembiayaan Pajak Gadai-i ARX adalah selari dengan garis panduan yang telah ditetapkan.

Pengurusan Sekatarakyat juga perlu memastikan wargakerja yang terlibat dengan pelaksanaan Pembiayaan Pajak Gadai-i ARX menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti yang dinyatakan di dalam garis panduan.

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat : 5/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## D. DEFINISI

| BIL | PERKARA | KETERANGAN |
|---|---|---|
| 1.1 | PS | Pengurusan Sekatarakyat |
| 1.2 | Barang Gadaian (Marhun) | Barang kemas / barangan emas yang boleh digadaikan kepada pihak ARX dan boleh dijualbeli |
| 1.3 | Nilai Marhun | Harga barang kemas / barangan emas yang telah dinilai mengikut jenis, berat dan kandungan emas |
| 1.4 | Pelanggan | Seseorang yang menggadaikan barang kemas / barangan emasnya kepada pihak ARX dan menerima pembiayaan daripada gadaian tersebut. |
| 1.5 | Pemegang Kunci Peti Khas | Tugas pemegang kunci diberikan kepada mana-mana dua warga kerja yang dilantik tidak terhad kepada Ketua Kedai sahaja. |
| 1.6 | SAG | Surat Akuan Gadaian |
| 1.7 | K/P | Kad Pengenalan |
| 1.8 | UD | Ujian Densimeter |
| 1.9 | UA | Ujian Asid |
| 1.10 | CDD | *Customer Due Diligence* |
| 1.11 | BSAS | Bursa Suq Al-Sila' |
| 1.12 | ARX | Ar-Rahnu X'Change |
| 1.13 | RMS | Rakyat Management Services |
| 1.14 | CPR | Contractual Profit Rate |
| 1.15 | EPR | Effective Profit Rate |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat : 6/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

**GARIS PANDUAN**

**1.0 PENDAHULUAN**

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 1.1 | Pendahuluan | 1.1.1 Pembiayaan Pajak Gadai-i adalah satu skim kemudahan pembiayaan pajak gadai secara Islam yang ditawarkan oleh outlet ARX.<br><br>1.1.2 Produk Pajak Gadai-i dilaksanakan berasaskan konsep Syariah, seperti berikut:<br><br>(i) Tawarruq<br>(ii) Rahn<br><br>1.1.3 Tawarruq<br><br>a) Tawarruq adalah merujuk kepada transaksi jual beli komoditi atau aset berasaskan pembayaran tangguh secara Murabahah (iaitu harga kos aset ditambah dengan margin keuntungan) daripada penjual kepada pembeli, dan kemudiannya komoditi atau aset tersebut akan dijual secara tunai kepada pihak ketiga (selain daripada penjual asal) bagi mendapatkan tunai.<br><br>b) Ia juga dikenali sebagai komoditi Murabahah.<br><br>c) Komoditi yang digunakan adalah komoditi yang dibenarkan oleh Syara' dan bukannya barangan ribawi seperti emas dan perak.<br><br>d) Transaksi penjualan dan pembelian komoditi hanya berlaku pada waktu operasi yang ditetapkan oleh pihak Broker.<br><br>e) Yuran broker bagi pembelian dan penjualan komoditi ditetapkan oleh pihak Broker dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.<br><br>f) Pembiayaan yang terlibat dengan konsep Tawarruq (Komoditi Murabahah) adalah pembiayaan Pajak Gadai-i ARX. |

| Tajuk : Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat: 7/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

| | | |
|---|---|---|
| | | 1.1.4 Rahn<br><br>a) Rahn dalam konteks kewangan Islam semasa merujuk kepada kontrak cagaran atau gadaian. Secara konsepnya, Rahn ialah menjadikan sesuatu aset sebagai cagaran / jaminan kepada pembiayaan, agar pembiayaan tersebut boleh dilunaskan dengan nilai aset yang dicagarkan sekiranya penerima biaya (pelanggan) tidak mampu melunaskan obligasinya.<br><br>b) Merujuk kepada produk pembiayaan Pajak Gadai-i ARX, pelanggan akan menggadaikan emas miliknya sebagai jaminan ke atas pembiayaan yang diterima olehnya.<br><br>1.1.5 Hubungan di antara RMS dan Sekatarakyat<br><br>Bagi pelaksanaan konsep Tawarruq, hubungan di antara RMS dan Sekatarakyat dimeterai melalui Perjanjian Francais Tambahan yang distruktur berasaskan konsep 'Ijarah Khadamat' (upah bagi perkhidmatan) selaras dengan peranan RMS yang menyediakan platform (ARX Online) kepada Sekatarakyat untuk melaksanakan transaksi penjualan dan pembelian komoditi dengan Bursa Suq Al-Sila' (BSAS). |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat : 8/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 2.0 TUJUAN

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 2.1 | Tujuan | 2.1.1 Menyediakan alternatif kepada masyarakat yang berpendapatan rendah dalam memenuhi keperluan wang tunai secara segera.<br><br>2.1.2 Menghapuskan unsur 'riba' dalam urusan pajak gadai.<br><br>2.1.3 Membebaskan pelanggan yang memerlukan pembiayaan, khususnya umat Islam daripada penindasan oleh kedai pajak gadai konvensional. |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat : 9/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 3.0 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PEMOHON

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 3.1 | Syarat-syarat Kelayakan Pemohon | 3.1.1 Pelanggan individu<br><br>3.1.2 Warganegara Malaysia / Bukan warganegara Malaysia / penduduk tetap.<br><br>3.1.3 Berumur 18 tahun dan ke atas.<br><br>3.1.4 ARX hendaklah memastikan nilai serta kualiti barangan yang digadai adalah terjamin.<br><br>3.1.5 Tidak muflis.<br><br>3.1.6 Berakal (tidak berada dalam ketagihan arak, dadah atau apa-apa yang memabukkan semasa urus niaga).<br><br>3.1.7 Kakitangan Sekatarakyat yang terlibat secara langsung termasuk pasangan suami atau isteri, ibu, bapa serta anak tidak dibenarkan memohon kemudahan ini. |

| Tajuk:Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit: Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat : 10/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 4.0 JENIS BARANGAN EMAS/ BARANG KEMAS YANG DITERIMA/ TIDAK DITERIMA UNTUK GADAIAN

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| **4.1** | Jenis Barangan Emas/ Barang Kemas Yang Diterima Untuk Gadaian | 4.1.1 Barang kemas / barangan emas yang mempunyai mutu-mutu emas yang dibenarkan oleh pihak francaisor.<br>4.1.2 Barang kemas / barang emas dalam bentuk jongkong, wafer, syiling atau ketulan emas yang dibeli daripada syarikat / kedai emas yang dibenarkan oleh pihak francaisor dengan mengemukakan dokumen seperti berikut:<br>a. Resit Pembelian / Invois Jualan atau;<br>b. Sijil Ketulenan Emas<br>4.1.3 Barang kemas / barang emas yang dihadiahkan oleh majikan kepada pekerja dalam perkhidmatan dengan syarat seperti berikut:<br>Mutu emas: 22.0 hingga 24.0 karat<br>Berat: Tidak melebihi 300 gram<br>4.1.4 Barang kemas yang mempunyai batu.<br>4.1.5 Barang kemas/barang emas yang mempunyai simbol yang tidak jelas (syubhah) seperti bunga teratai, angsa, merak, ikan dan haiwan lain yang tidak mempunyai elemen pemujaan dan penyembahan serta tidak didalam bentuk yang lengkap atau berjisim penuh boleh diterima sebagai barang gadaian. |
| 4.2 | Jenis Barang Emas/ Kemas Yang Tidak Diterima Untuk Gadaian | 4.2.1 Barang kemas yang jelas mempunyai elemen ketuhanan / simbol penyembahan atau pemujaan.<br>4.2.2 Barang kemas yang mempunyai bentuk atau lambang kepercayaan dan dimuliakan oleh penganut agama lain.<br>4.2.3 Barang kemas berbentuk makhluk bernyawa yang lengkap seperti haiwan, manusia dan lain-lain termasuklah makhluk yang tidak lengkap yang mempunyai elemen pemujaan dan penyembahan. |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat: 11/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 5.0 TEMPOH GADAIAN (PEMBIAYAAN)

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 5.1 | Tempoh Gadaian (Pembiayaan) | 5.1.1 Tempoh gadaian yang ditetapkan adalah 18 bulan. |

| Tajuk : Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat : 12/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 6.0 CARA BAYARAN PEMBIAYAAN

<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Perkara</th><th>Keterangan</th></tr>
<tr><td>6.1</td><td>Jumlah Keuntungan</td><td>6.1.1 Jumlah keuntungan perlu dibayar sebelum/pada Tarikh Matang Keuntungan "due profit date" setiap enam (6) bulan seperti jadual berikut;
<table>
<tr><td>Jumlah Keuntungan</td><td>Pertama (6 bulan pertama)</td><td>Kedua (6 bulan kedua)</td><td>Ketiga (6 bulan ketiga)</td></tr>
<tr><td>Tarikh</td><td>Sebelum/Pada Tarikh Matang Keuntungan</td><td>Sebelum/Pada Tarikh Matang Keuntungan</td><td>Sebelum/Pada Tarikh Matang Keuntungan</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>6.2</td><td>Jumlah Pembiayaan</td><td>6.2.1 Jumlah pembiayaan beserta jumlah Keuntungan ketiga / terakhir (6 bulan ketiga) hendaklah dibayar penuh sebelum/pada Tarikh Matang pembiayaan;
<table>
<tr><td>Jumlah Pembiayaan</td><td>Pertama (6 bulan pertama)</td><td>Kedua (6 bulan kedua)</td><td>Ketiga (6 bulan ketiga)</td></tr>
<tr><td>Tarikh</td><td>NA</td><td>NA</td><td>Sebelum/Pada Tarikh Matang Pembiayaan</td></tr>
</table>
Nota:<br>
i) Sebarang bayaran sebelum Tarikh Matang samada untuk Jumlah Keuntungan atau Jumlah Pembiayaan akan ditempatkan di ruangan 'advance payment'. Pelarasan akan dilaksanakan di sistem pada Tarikh Matang tersebut.<br>
ii) ARX dinasihatkan untuk memaklumkan kepada pelanggan untuk melaksanakan bayaran berperingkat sebelum Tarikh Matang bagi Jumlah Keuntungan / Jumlah Pembiayaan bagi memudahkan pengendalian atau mengelakkan berlakunya jumlah kekurangan (shortfall).</td></tr>
</table>

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat : 13/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 7.0 JUMLAH KEUNTUNGAN PADA SETIAP 6 BULAN

| Bil | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 7.1 | Jumlah Keuntungan pada setiap 6 bulan | 7.1.1 Transaksi bayaran Jumlah Keuntungan pada setiap 6 bulan pada Tarikh Matang akan ditentukan oleh sistem secara automatik seperti yang berikut:<br><br>i. Sekiranya bayaran yang diterima kurang daripada Jumlah Keuntungan pada tarikh matang *"due"* sehingga hari bayaran dibuat / sistem tidak meneruskan tempoh gadaian untuk 6 bulan akan datang.<br><br>ii. Sekiranya bayaran yang diterima sama atau lebih daripada Jumlah Keuntungan pada Tarikh Matang *"due"* sehingga hari bayaran dibuat, sistem akan meneruskan tempoh gadaian untuk 6 bulan akan datang.<br><br>iii. Had maksimum pembiayaan adalah sehingga Tarikh Matang Pembiayaan iaitu 18 bulan.<br><br>7.1.2 Mesej memaklumkan gadaian diteruskan / tidak di teruskan akan dipaparkan di skrin penaksir dan dicetak di resit bayaran selepas transaksi berjaya dilakukan. ARX dikehendaki memaklumkan perkara di atas kepada pelanggan /wakil semasa berurusan di kaunter. |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat : 14/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 8.0 HAD MARGIN DAN HAD PEMBIAYAAN

<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Perkara</th><th>Keterangan</th></tr>
<tr><td>8.1</td><td>Pajak Gadai-i</td><td>8.1.1 Had Margin dan Had Pembiayaan adalah seperti yang berikut:
<table>
<tr><th>Kategori Pelanggan</th><th>Had Margin (%)</th><th>Had Pembiayaan (RM)</th></tr>
<tr><td>Baharu / Sedia Ada</td><td>Sehingga had margin 80% atas nilai marhun</td><td>• Had minimum adalah RM 1.00.<br>• Had maksimum adalah RM 350,000.00</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat : 15/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 9.0 KEKERAPAN GADAIAN

| Bil | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 9.1 | Kekerapan Gadaian | Seseorang pelanggan dibenarkan membuat beberapa transaksi gadaian dalam satu masa pada hari yang sama tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:<br><br>9.1.1 Jumlah terkumpul pembiayaan mestilah tidak melebihi RM 350,000.00.<br><br>9.1.2 Ujian untuk menentukan kualiti emas mestilah menggunakan mesin densimeter.<br><br>9.1.3 Untuk emas geronggang *(hollow)* atau dimana ujian menentukan kualiti emas wajib menggunakan ujian asid, had pengeluaran pembiayaan sehari dihadkan kepada RM 30,000.00. |

| Tajuk : Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit: Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat : 16/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 10.0 KADAR KEUNTUNGAN

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 10.1 | Jumlah Keuntungan | 10.1.1 Jumlah Keuntungan dikira berdasarkan nilai marhun.<br><br>10.1.2 Jumlah Keuntungan dikira secara harian dan bayaran Jumlah Keuntungan adalah sehingga pada tarikh penebusan.<br><br>10.1.3 Jumlah Keuntungan bagi barang gadaian untuk tujuan lelongan hendaklah dikira sehingga tempoh penyelesaian berdasarkan nilai marhun pada tarikh asal gadaian di buat.<br><br>10.1.4 Jumlah Keuntungan akan hanya diambil kira sebagai pendapatan apabila bayaran diterima.<br><br>10.1.5 Bayaran Jumlah Keuntungan dan Jumlah Pembiayaan boleh dibayar secara beransur-ansur dan digalakkan berbuat demikian.<br><br>10.1.6 Sekiranya tarikh matang jatuh pada hari cuti mingguan dan am/khas maka keuntungan sebulan tidak dikira apabila tebusan dibuat melewati tarikh tersebut. Maksimum pengecualian ialah dua hari cuti yang berturut-turut. Pengecualian ini hanya boleh diluluskan oleh Ketua Kedai.<br><br>10.1.7 Kelulusan pengecualian di atas hendaklah dibuat di Slip Simpanan/Bayaran. ARX dikehendaki mencatatkan tarikh dan cuti yang terlibat.<br><br>10.1.8 Jika tarikh matang jatuh pada hari cuti, penebusan dibuat sebelum tarikh tersebut.<br><br>Nota:<br><br>Sebarang bayaran sebelum Tarikh Matang samada untuk Jumlah Keuntungan atau Jumlah Pembiayaan akan ditempatkan di ruangan 'advance payment'. Pelarasan akan dilaksanakan di sistem pada Tarikh Matang tersebut. |

| Tajuk : Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat: 17/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

<table>
<tr><td>10.2</td><td>Kadar Keuntungan</td><td>10.2.1 Kadar keuntungan adalah seperti berikut :
<table>
<tr><th>Nilai Marhun (RM)</th><th>Kadar Keuntungan Setiap RM100 Nilai Marhun Sebulan (RM)</th></tr>
<tr><td>< 500</td><td>0.60</td></tr>
<tr><td>≥ 500 - 5,000</td><td>0.75</td></tr>
<tr><td>≥ 5,000 -10,000</td><td>0.80</td></tr>
<tr><td>≥ 10,000</td><td>0.85</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>10.3</td><td>Formula Pengiraan Jumlah Keuntungan</td><td>10.3.1 Formula pengiraan jumlah keuntungan<br><br>Nilai Marhun x Kadar Keuntungan / 100 x 12 x tempoh gadaian / 365<br><br>Contoh pengiraan Jumlah Keuntungan "CPR - Contractual Profit Rate":<br><br>Tarikh Gadaian = 1/1/2020<br>Tarikh Matang Pembiayaan = 1/7/2021<br>Nilai Marhun = RM 8,000.00<br>Kadar Keuntungan = 0.80<br>Tempoh Gadaian (Bil. Hari) = 547 hari<br>Jumlah Pembiayaan = RM 6,400.00<br><br>CPR= (8,000 x RM 0.80/100) x 12 x 547hari/365 =RM 1,152.00<br><br>Nota: Pengiraan tempoh gadaian berdasarkan bilangan hari.<br><br>10.3.2 Caj Keuntungan sehari akan dikenakan bagi penebusan pada hari yang sama dengan pengeluaran pembiayaan atau hari kedua selepas pengeluaran pembiayaan.</td></tr>
<tr><td>10.4</td><td>Formula Pengiraan Harga Jualan Komoditi</td><td>10.4.1 Formula pengiraan harga jualan komoditi<br><br>Jumlah Pembiayaan + Jumlah Keuntungan "CPR"<br><br>Contoh:<br><br>RM 6,400.00 + RM 1,152.00 = RM 7,552.00</td></tr>
<tr><td>10.5</td><td>Formula Pengiraan Untuk Keuntungan Terakru @ 'Daily Profit'</td><td>10.5.1 Formula pengiraan untuk Keuntungan Terakru @ 'Daily Profit'.<br><br>(Pembiayaan x EPR x Bil. Hari / Bil. Hari Setahun)<br><br>Contoh:<br><br>RM 6,400 x 11.66% x 31/365 = RM 63.38</td></tr>
</table>

| Tajuk : Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat: 18/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

| | | |
|---|---|---|
| 10.6 | Formula Pengiraan Untuk Penjelasan Awal / Penebusan Awal | 10.6.1 Formula pengiraan untuk penjelasan awal / penebusan awal.<br><br>(Ibra' ke atas Jumlah Keuntungan)<br><br>Ibra' = Jumlah Keuntungan - Keuntungan Terakru - Kos-kos Sebenar yang lain (Sekiranya ada)<br><br>Contoh:<br><br>Ibra' = RM 1,152.00 - RM 63.38 = RM 1,088.62<br><br>Nota: "Effective Profit Rate - EPR" yang ditetapkan adalah 11.66%. (Sumber: Kewangan dan Bajet) |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat : 19/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 11.0 HAD KUASA MELULUS

<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Perkara</th><th>Keterangan</th></tr>
<tr><td>11.1</td><td>Had Kuasa Melulus</td><td>11.1.1 Had kuasa melulus adalah seperti di jadual di bawah:
<table>
<tr><th rowspan="2">Jumlah Pembiayaan (RM)</th><th>Pelulus</th></tr>
<tr><th>Ar-Rahnu X'Change</th></tr>
<tr><td>10,000 - 350,000</td><td>Ketua Kedai & Penaksir</td></tr>
<tr><td>10,000 ke bawah</td><td>Penaksir</td></tr>
</table>
11.1.2 Had kuasa meluluskan pembiayaan kedua dan seterusnya untuk pelanggan yang sama adalah sepertimana had kuasa meluluskan yang dinyatakan di atas secara berasingan.<br><br>
11.1.3 Kuasa untuk meluluskan urusan penebusan tidak dihadkan.<br><br>
11.1.4 Jumlah pembiayaan diberi bagi setiap gadaian hendaklah dalam gandaan yang genap sepuluh ringgit terakhir.</td></tr>
</table>

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat : 20/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 12.0 HARGA EMAS

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 12.1 | Harga Emas | 12.1.1 Senarai harga emas semasa akan digunakan bagi menentukan nilai marhun. RMS akan membekalkan senarai terkini harga emas sekiranya berlaku perubahan dari semasa ke semasa. |

| Tajuk : Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit: Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat: 21/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 13.0 KEMATIAN/ HILANG UPAYA KEKAL/ TIDAK SIUMAN

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 13.1 | Kematian/ Hilang Upaya Kekal/ Tidak Siuman | 13.1.1 ARX boleh memberikan Maklumat Pembiayaan kepada ahli keluarga, wasi, pentadbir atau wakil diri pelanggan yang sah di sisi undang-undang, mengikut mana-mana yang berkenaan apabila:<br><br>a. Menerima Sijil Kematian yang mengesahkan kematian pelanggan; atau<br><br>b. Surat Doktor yang mengesahkan pelanggan hilang upaya kekal atau tidak siuman.<br><br>13.1.2 Maklumat tersebut adalah bagi tujuan suatu permohonan untuk situasi-situasi seperti berikut:<br><br>a. Kematian pelanggan;<br><br>Suatu perakuan Faraid, pemberian probet, surat kuasa mentadbir atau suatu perintah pembahagian di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] berkenaan dengan harta pusaka pelanggan yang telah mati.<br><br>b. Pelanggan hilang upaya kekal atau tidak siuman.<br><br>Suatu Perintah mahkamah di bawah Akta Kesihatan Mental 2001.<br><br>13.1.3 Bagi Marhun (nilai emas mengikut SAG) di bawah RM 10,000 pentadbir pelanggan adalah dibenarkan dengan syarat:<br><br>a. Waris berkenaan hendaklah menandatangani Surat Tanggung Rugi dan mengemukakan surat-surat pengesahan berikut:<br><br>i. Surat pengesahan kematian penyimpan dan;<br>ii. Surat pengesahan daripada Penghulu atau Pegawai Daerah Tempatan atau pihak yang diberi kuasa yang mengesahkan perhubungan pentadbir pelanggan antara dengan simati.<br><br>13.1.4 Penebusan gadaian oleh wasi atau pentadbir pelanggan, atau dalam hal pelanggan yang tidak upaya, mana-mana wakil diri yang sah di sisi undang-undang/Legal Representative ("wakil diri yang sah") adalah dibenarkan dengan syarat: |

| Tajuk : Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat : 22/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

| | | |
|---|---|---|
| | | a. Mengemukakan Surat Akuan Gadaian yang sah.<br><br>b. Perintah pemberian probet, surat kuasa mentadbir daripada pihak berkuasa / mahkamah.<br><br>c. Membayar jumlah pembiayaan dari tarikh gadaian sehingga tarikh pelanggan disahkan meninggal dunia atau hilang upaya kekal atau tidak siuman.<br><br>d. Jumlah tersebut akan merupakan jumlah pelunasan gadaian tersebut.<br><br>13.1.5 Bagi akaun Si Mati/ Hilang Upaya/ Tidak Siuman, dimana gadaiannya masih di dalam tempoh, bayaran jumlah keuntungan adalah sehingga bulan kematian.<br><br>13.1.6 ARX akan teruskan dengan proses lelongan selepas tamat tempoh gadaian jika wasi atau pentadbir pelanggan, atau wakil diri yang sah tidak menebus gadaian tersebut dalam tempoh gadaian.<br><br>13.1.7 Baki lelongan hendaklah diserahkan kepada wasi atau pentadbir pelanggan, atau wakil diri yang sah setelah ditolak Jumlah Pembiayaan, dari tarikh gadaian sehingga tarikh pelanggan disahkan meninggal dunia atau hilang upaya kekal atau tidak siuman dan kos perkhidmatan. |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat : 23/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 14.0 PENETAPAN KATEGORI PEMBIAYAAN TERJEJAS (PT)

| Bil. | Perkara | Keterangaan |
|---|---|---|
| 14.1 | Pajak Gadai-i | 14.1.1 **Pembiayaan Pajak Gadai-i yang tidak berbayar akan dikategorikan sebagai PT seperti yang berikut;**<br><br>a. Selepas Tarikh Matang bagi Tarikh Matang Jumlah Keuntungan (terpakai untuk 6 bulan pertama dan 6 bulan kedua).<br><br>b. Selepas Tarikh Matang bagi Tarikh Matang Jumlah Pembiayaan (terpakai untuk 6 bulan terakhir atau 18 bulan terakhir). |
| **14.2** | Laporan PT bagi Pajak Gadai-i | 14.2.1 Laporan Non Performing Financing (NPF) atau;<br><br>14.2.2 Umuran (Aging) Penghutang |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat : 24/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 15.0 PELETAKAN PETI BESI AR-RAHNU DI LUAR BILIK KEBAL

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 15.1 | Peletakan Peti Besi Ar-Rahnu Di Luar Bilik Kebal | 15.1.1 Hanya peti besi Ar-Rahnu model LordVictor 5 Special Made C/W Inner dibenarkan untuk diletak di luar bilik kebal. |
| 15.2 | Syarat-syarat Peletakan Peti Besi | 15.2.1 Diletakkan di kedudukan yang tidak mudah diakses oleh warga kerja yang tidak berkenaan dan pelanggan ARX.<br>15.2.2 Diletakkan di kawasan yang dilitupi oleh kamera litar tutup.<br>15.2.3 Dua orang warga kerja ditugaskan untuk memegang kunci dan nombor kombinasi untuk memastikan proses dwi kawalan wujud. |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat: 25/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 16.0 KOD AKAUN

<table>
<tr><th>Bil</th><th>Perkara</th><th>Keterangan</th></tr>
<tr><td>16.1</td><td>Ar-Rahnu</td><td>
<table>
<tr><th>Perkara</th><th>Kod Akaun</th></tr>
<tr><td>Pembiayaan Ar-Rahnu</td><td>1-201</td></tr>
<tr><td>KBT* Ar-Rahnu Keuntungan</td><td>1-202</td></tr>
<tr><td>Kekurangan Lelongan Perlu Dituntut - AR</td><td>1-403</td></tr>
<tr><td>Peruntukan KBT* - Ar-Rahnu</td><td>2-104</td></tr>
<tr><td>Lebihan Lelongan Tak Dituntut (Ar-Rahnu)</td><td>3-105</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>16.2</td><td>Az-Zahab</td><td>
<table>
<tr><th>Perkara</th><th>Kod Akaun</th></tr>
<tr><td>Pembiayaan Az-Zahab</td><td>1-202</td></tr>
<tr><td>KBT* Az-Zahab Keuntungan</td><td>1-204</td></tr>
<tr><td>Kekurangan Lelongan Perlu Dituntut - Az-Zahab</td><td>1-404</td></tr>
<tr><td>Peruntukan KBT* - Az-Zahab</td><td>2-105</td></tr>
<tr><td>Lebihan Lelongan Tak Dituntut (Az-Zahab)</td><td>3-106</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat: 26/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 16.3 | Pajak Gadai-i (PGI) | **PERKARA** | **KOD AKAUN** | |
| | | Pembiayaan PGI | 1-218 | |
| | | KBT* PGI | 1-219 | |
| | | Kekurangan Lelongan Perlu Dituntut - PGI | 1-406 | |
| | | Peruntukan KBT* - PGI | 2-126 | |
| | | Lebihan Lelongan Tak Dituntut PGI | 3-109 | |
| | | Royalti PGI | 5-208 | |
| | | NMF PGI | 5-209 | |
| | | Pelbagai Sipiutang Francaisor (PGI) | 3-108 | |
| | | Caj Notis | 1-220/4-209 | |
| | | Advance Payment PGI | 2-126 | |

**KBT- Keuntungan Belum Terima*

| | | |
|---|---|---|
| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat : 27/61 |
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 17.0 CATATAN PERAKAUNAN

| Bil | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 17.1 | Pengeluaran Pembiayaan/Pelanggaran | DR Ar-Rahnu (Tawarruq)<br><br>CR Tunai di Tangan |
| 17.2 | Keuntungan | DR KBT Ar-Rahnu (Tawarruq)<br><br>CR Keuntungan |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat : 28/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 18.0 KOD PRODUK

| Bil | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 18.1 | Kod Produk | |

| Kod Produk | Keterangan |
|---|---|
| 08 | Pajak Gadai-i |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat : 29/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 19.0 REKOD PENYIMPANAN DOKUMEN

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 19.1 | Rekod Penyimpanan Dokumen | Tempoh, lokasi dan tanggungjawab penyimpanan dokumen adalah seperti yang berikut: |

| Jenis | Tempoh Simpanan | Tanggungjawab |
|---|---|---|
| Salinan Kad Pengenalan Pelanggan | 6 tahun | Ketua Kedai |
| Salinan Kad Pengenalan Pemilik Barang Kemas | 6 tahun | Ketua Kedai |
| Surat Akuan Pemilik Barang Kemas | 6 tahun | Ketua Kedai |
| Surat Akuan Gadaian (Salinan ARX/Outlet) | 6 tahun | Ketua Kedai |
| Laporan Harian Gadaian | 6 tahun | Ketua Kedai |
| Laporan Keterangan Barangan/Marhun | 6 tahun | Ketua Kedai |
| Laporan Harian Penebusan | 6 tahun | Ketua Kedai |
| Laporan Harian Lanjut Tempoh | 6 tahun | Ketua Kedai |
| Laporan Harian Bayaran | 6 Tahun | Ketua Kedai |
| Laporan Harian Tebus | 6 tahun | Ketua Kedai |
| Salinan Kad Pengenalan Wakil Pelanggan | 6 tahun | Ketua Kedai |
| Surat Pelantikan Wakil oleh Pelanggan | 6 tahun | Ketua Kedai |
| Resit: Bayaran/Lanjut Tempoh/Tebus | 6 tahun | Ketua Kedai |
| Notis Pertama | 6 tahun | Ketua Kedai |
| Notis Kedua | 6 tahun | Ketua Kedai |
| Notis Ketiga | 6 tahun | Ketua Kedai |
| Notis Keempat | 6 tahun | Ketua Kedai |
| Notis Kelima | 6 tahun | Ketua Kedai |
| Notis Keenam | 6 tahun | Ketua Kedai |
| Senarai Barang Lelongan | 6 tahun | Ketua Kedai |

| Tajuk : Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat: 30/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Borang Tender | 6 tahun | Ketua Kedai | |
| | | Surat kepada Penaksir | 6 tahun | Ketua Kedai | |
| | | Rekod Jualan Tender | 6 tahun | Ketua Kedai | |
| | | Surat Kepada Pemohon Tender Yang Berjaya | 6 tahun | Ketua Kedai | |
| | | Surat kepada Pelanggan selepas lelongan | 6 tahun | Ketua Kedai | |
| | | Surat Tawaran Memasuki Tender Kepada Syarikat | 6 tahun | Ketua Kedai | |
| | | Daftar Baki Barangan Kemas Selepas Lelongan | 6 tahun | Ketua Kedai | |
| | | Daftar Sipiutang Ar-Rahnu | 6 tahun | Ketua Kedai | |
| | | Daftar Siberhutang Ar-Rahnu | 6 tahun | Ketua Kedai | |
| | | Laporan Tentukur / Baik Pulih Mesin / Alat | 6 tahun | Ketua Kedai | |
| | | Buku Log tentukur alat densimeter | 6 tahun | Ketua Kedai | |
| | | | | | |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat: 31/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 20.0 KOD ARX

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 20.1 | Kod ARX | Petugas Ar-Rahnu X'Change tidak dibenarkan untuk mengubah kod ARX untuk tujuan pengemaskinian rekod Customer Information Form (CIF) pelanggan. |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat: 32/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

**21.0 GADAIAN BARU**

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 21.1 | Semakan Rekod Pelanggan | 21.1.1 Baki kelayakan pembiayaan yang masih boleh diambil oleh pelanggan tertakluk kepada had pembiayaan harian / terkumpul.<br><br>21.1.2 Pelanggan disenaraihitamkan oleh sistem ARX Online mesej ralat 'Blacklisted CIF' akan dipaparkan.<br><br>21.1.3 Had kawalan RM30,000 bagi marhun yang diuji menggunakan ujian asid.<br><br>21.1.4 Maklumat alamat, nombor telefon dan senarai akaun Pajak Gadai-i yang terkini (aktif/jelas).<br><br>21.1.5 Pembukaan akaun boleh dilakukan lebih daripada sekali sebelum pengeluaran dibuat (bagi pelanggan yang hendak Surat Akuan Gadaian lebih daripada satu). ARX boleh menyemak akaun berkenaan di *Senarai Gadaian* di mana sistem memaparkan status akaun 'A'.<br><br>21.1.6 Penambahan / pembatalan maklumat marhun boleh dilakukan semasa proses kemasukan maklumat gadaian. Bagi membatalkan maklumat marhun/gadaian, Ketua Kedai perlu membuat laporan kepada RMS menerusi menu Aduan. |
| 21.2 | Penerimaan Barangan Emas | 21.2.1 Harga barangan emas adalah sama dengan harga barang kemas. Harga barangan emas boleh disemak di Laman Utama.<br><br>21.2.2 ARX hanya dibenarkan menerima gadaian barangan emas daripada syarikat / kedai emas yang disenaraikan sahaja Senarai Syarikat / Kedai Emas Yang Dibenarkan kecuali barangan emas yang dihadiahkan oleh majikan kepada pekerja. |
| 21.3 | Penerimaan Barang Gadaian Cacat / Rosak | 21.3.1 Bagi barang gadaian yang cacat atau rosak perlu direkodkan ke dalam ruangan *Keterangan* di dalam *Daftar Gadaian.* |

| Tajuk : Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Muka surat : 33/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

| | | |
|---|---|---|
| 21.4 | Penilaian Barang Gadaian dan Jumlah Pembiayaan | 21.4.1 Jumlah terkumpul pembiayaan dihadkan kepada RM 350,000.00 dan tertakluk kepada syarat berikut:<br>a) Ujian untuk menentukan kualiti emas mestilah menggunakan mesin densimeter.<br>b) Untuk emas geronggang (hollow), di mana ujian menentukan kualiti emas wajib menggunakan ujian asid, had pengeluaran pembiayaan sehari dihadkan kepada RM30,000.00 sahaja.<br><br>21.4.2 ARX dibenar melakukan ujian bahan kimia dengan had pembiayaan sehari sehingga RM30,000 sahaja dalam keadaan yang berikut:<br><br>a. Satu unit barang yang beratnya melebihi 300g.<br><br>b. Barang yang geronggang (hollow).<br><br>c. Alat densimeter tidak dapat digunakan kerana rosak atau sebab-sebab lain.<br><br>21.4.3 ARX tidak dibenarkan menggunakan budi bicara untuk membuat ujian lanjut dengan asid sekiranya bacaan yang diberikan oleh mesin densimeter adalah rendah untuk bacaan emas.<br><br>21.4.4 Bagi emas jenis geronggang (hollow) yang banyak penyambung (Joints), ARX dinasihati mengurangkan mutu pada satu mata ke bawah mengikut kategori emas.<br><br>21.4.5 ARX adalah dinasihatkan / digalakkan untuk meminta resit/ surat akuan belian daripada pelanggan untuk menentukan jenis emas untuk membuat bandingan nilaian.<br><br>21.4.6 Bagi barangan emas, penentuan ketumpatan dan ketulenan emas hanya boleh dilakukan dengan menggunakan ujian densimeter sahaja. Penerimaan barangan emas berkenaan adalah berdasarkan bacaan ketumpatan 17.66 (22K) hingga 19.30 (24K) sahaja dan beratnya tidak melebihi 300 gram.<br><br>21.4.7 Berat dan ketumpatan marhun perlu dilakukan melalui ujian densimeter. Ujian manual (um) digugurkan.<br><br>21.4.8 Mutu / kualiti barang gadaian adalah berdasarkan kepada Ujian Densimeter (UD) / Ujian Asid (UA) sepertimana yang tercatat dalam Surat Akuan Gadaian. |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat: 34/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

| | | |
|---|---|---|
| 21.5 | Penandatangan produk Pajak Gadai-i | 21.5.1 Bagi Produk Pajak Gadai-i hanya 2 penandatangan sahaja diperlukan iaitu:<br><br>a. Penaksir yang melakukan transaksi gadaian, dan/ atau;<br>b. Ketua Kedai yang meluluskan transaksi di Menu Senarai Gadaian.<br><br>21.5.2 Penandatangan di atas mestilah warga kerja yang melakukan transaksi berkenaan. |
| 21.6 | Semakan Barang Kemas Geronggang (Hollow) | 21.6.1 Gesekan ke atas barang kemas geronggang hendaklah dilakukan pada beberapa bahagian barang kemas yang digadai.<br><br>21.6.2 Sebagai tambahan, setiap tempat yang digesek perlu di catatkan pada Surat Akuan Gadaian bagi memudahkan tujuan semakan.<br><br>21.6.3 Cap Jari tangan kanan pelanggan wajib diturunkan di atas Surat Akuan Gadaian (bersebelahan dengan tandatangan pelanggan) sebagai pengesahan. |
| 21.7 | Pelaksanaan Akad Tawarruq | 21.7.1 Laksanakan Akad Tawarruq mengikut ketetapan pelaksanaan seperti di GP Pembiayaan Pajak Gadai-i >Pembiayaan >Prosedur >2.0 Pelaksanaan Urusniaga Komoditi (Bagi Pembelian dan Penjualan Komoditi) dan Akad Murabahah (Dengan Menerima Pakai Amalan Tawarruq). |

| Tajuk : Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit: Ar Rahnu Sekatarakyat | Muka surat : 35/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 22.0 PENGELUARAN PEMBIAYAAN

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 22.1 | Pengeluaran Pembiayaan | 22.1.1 No akaun adalah dijana oleh sistem.<br><br>22.1.2 ARX perlu memastikan jumlah tunai dikeluarkan adalah sama dengan jumlah pembiayaan yang tercatat pada SAG.<br><br>22.1.3 Pastikan pelanggan mengakui penerimaan tunai pada SAG salinan fail. |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Muka surat : 36/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 23.0 PENYIMPANAN BARANG GADAIAN DAN KAWALAN KE ATAS PETI BESI

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 23.1 | Penyimpanan Sementara Barang Gadaian | Penaksir yang diberikuasa oleh Ketua Kedai bertanggungjawab menyimpan dan menjaga barang gadaian yang berada di dalam peti besi sementara di bilik Ar-Rahnu sebelum disimpan di dalam Peti Besi Marhun pada petang hari. |
| 23.2 | Kawalan Nombor Kombinasi Peti Besi Sementara | 23.2.1 Pada satu-satu masa, nombor kombinasi peti besi sementara ini hanya dibenarkan diketahui oleh 2 orang sahaja iaitu Penaksir atau Pengganti sahaja.<br><br>23.2.2 Ketua Kedai adalah bertanggungjawab ke atas kawalan nombor kombinasi peti besi sementara. |
| 23.3 | Penyimpanan Barang Gadaian Dalam Bilik Kebal | 23.3.1 Penyimpanan perlu mengikut nombor siri gadaian dan nombor peti untuk memastikan penyimpanan fizikal dan rekod di sistem diselaraskan bagi memudahkan semakan.<br><br>23.3.2 Tugas pemegang kunci diberikan kepada mana-mana dua penaksir yang dilantik oleh Ketua Kedai.<br><br>23.3.3 Warga kerja yang dipertanggungjawabkan dalam penyimpanan dan pengambilan barang gadaian dibenarkan untuk memegang satu salinan pendua kunci jeriji atau kunci pintu bilik kebal (yang mana berkenaan).<br><br>23.3.4 Pemegang-pemegang kunci dipertanggungjawabkan ke atas keselamatan barang-barang gadaian yang disimpan di dalam peti besi. |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat: 37/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 24.0 KEHILANGAN SURAT AKUAN GADAIAN

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 24.1 | Kehilangan Surat Akuan Gadaian | 24.1.1 Sekiranya berlaku kehilangan SAG oleh pelanggan,<br><br>**Bagi kali pertama** :<br>membuat pengesahan kad pengenalan, thumbprint pelanggan melalui GMPC (Jika ada) dan pengesahan kelulusan dari Ketua Kedai.<br><br>**Bagi kali kedua** :<br>Pelanggan akan dikenakan caj kehilangan sebanyak RM 5.00.<br><br>**Bagi kali ketiga dan seterusnya (akaun yang sama)** :<br>Pelanggan akan dikenakan caj kehilangan sebanyak RM 10.00. |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Muka surat : 38/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 25.0 PENGHANTARAN NOTIS PAJAK GADAI-i

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 25.1 | Penghantaran Notis Pajak Gadai-i | 25.1.1 Jumlah Keuntungan (bagi setiap tempoh 6 bulan pertama dan kedua).<br>i. Notis-notis akan dijana secara automatik oleh sistem dan dihantar kepada pelanggan oleh Ketua Kedai tanpa gagal.<br>ii. Notis 1<br>a. Dijana satu (1) bulan sebelum Tarikh Matang untuk memaklumkan bayaran Jumlah Keuntungan perlu dijelaskan.<br>b. Laporan Senarai Notis 1 dijana oleh sistem.<br>iii. Notis 2<br>a. Dijana empat belas (14) hari sebelum Tarikh Matang untuk memaklumkan bayaran Jumlah Keuntungan perlu dijelaskan.<br>b. Laporan Senarai Notis 2 dijana oleh sistem.<br>25.1.2 Jumlah Pembiayaan<br>i. Notis 1<br>a. Dijana satu (1) bulan sebelum Tarikh Matang Pembiayaan iaitu tempoh gadaian (18 bulan) untuk memaklumkan Jumlah Pembiayaan hendaklah dibayar penuh pada Tarikh Matang Jumlah Pembiayaan.<br>b. Laporan Senarai Notis 1 dijana oleh sistem<br>ii. Notis 2<br>a. Dijana empat belas (14) hari sebelum Tarikh Matang Pembiayaan iaitu tempoh gadaian (18 bulan) untuk memaklumkan Jumlah Pembiayaan dan Jumlah Kadar Keuntungan ketiga / terakhir hendaklah dibayar penuh pada Tarikh Matang Jumlah Pembiayaan.<br>b. Laporan Senarai Notis 2 dijana oleh sistem. |

## 26.0 PENGGUNAAN ASID

<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Perkara</th><th>Keterangan</th></tr>
<tr><td>26.1</td><td>Jenis Asid</td><td>26.1.1 Ujian ketulenan emas menggunakan 2 jenis asid iaitu:<br>a. Asid Nitrik<br>b. Asid Hidroklorik</td></tr>
<tr><td>26.2</td><td>Spesifikasi Asid</td><td>26.2.1 Spesifikasi asid adalah seperti yang berikut :
<table>
<tr><th>Perkara</th><th>Asid Nitrik</th><th>Asid Hidroklorik</th></tr>
<tr><td>Nama lain</td><td>Hidrogen Nitrates</td><td>Hidrogen Klorida</td></tr>
<tr><td>Formula Kimia</td><td>HN03</td><td>HCl</td></tr>
<tr><td>Kaedah Fizikal</td><td>Cecair</td><td>Cecair</td></tr>
<tr><td>Bau</td><td>Bau yang menyesakkan nafas</td><td>Bau yang tajam</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>26.3</td><td>Penyimpanan Asid</td><td>26.3.1 Pengesahan penerimaan asid perlu dilakukan oleh Ketua Kedai di Ar-Rahnu X'Change dan diserahkan kepada Penaksir untuk disimpan.<br>26.3.2 Penaksir hendaklah memastikan asid berada dalam keadaan yang berikut:<br>a. Botol asid tertutup.<br>b. Di dalam bekas yang dibekalkan<br>c. Jauh dari pelanggan dan sumber-sumber yang mendorong kebakaran<br>d. Mudah dilihat dan diambil apabila diperlukan<br>26.3.3 Label amaran bahaya asid diletakkan berhampiran dengan asid.</td></tr>
<tr><td>26.4</td><td>Penggunaan Asid</td><td>26.4.1 Ujian ketulenan emas menggunakan asid perlu dilakukan dengan perkara berikut:<br>a. Memakai alat keselamatan yang dibekalkan iaitu topeng muka, sarung tangan getah dan cermin mata.</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | | b. Ujian dilakukan di dalam kabinet asid yang bersih serta tiada bahan makanan dan bahan mudah terbakar.<br><br>c. Tudung botol asid perlu dibuka dengan berhati-hati supaya tidak tumpah.<br><br>d. Muncung tudung botol asid perlu dilap menggunakan tisu sebelum ditutup supaya tidak bercampur dengan benda asing.<br><br>26.4.2 Kawasan ujian perlu dibersihkan setelah ujian ketulenan selesai diuji. |
| 26.5 | Kaedah Pengujian Asid | 26.5.1 Lakukan ujian ketulenan menggunakan bahan kimia (ujian asid) seperti berikut:<br><br>a. Peralatan yang diperlukan:<br><br>i. Batu hitam<br>ii. Asid nitrik<br>iii. Asid Hidroklorik<br>iv. Contoh Emas (Kunci Emas)<br>v. Peralatan Keselamatan<br><br>b. Cari tanda ketulenan di barang kemas. Jika ada, pilih kunci emas yang bersamaan dengan gred ketulenan barang kemas tersebut.<br><br>c. Jika tiada tanda ketulenan, bandingkan warna barang kemas. Pilih warna kunci emas yang terhampir dengan warna barang kemas tersebut.<br><br>d. Guna peralatan keselamatan.<br><br>e. Gesekkan barang kemas pada batu hitam.<br><br>f. Kemudian gesekan kunci emas yang telah dipilih bersebelahan dengan gesekan barang kemas tadi.<br><br>g. Titikkan asid nitrik atas gesekan.<br><br>h. Ambil asid hidroklorik, titikkan bersebelahan dengan kedua-dua tompokan tadi.<br><br>i. Ambil balik asid nitrik, campurkan dengan kedua-dua tompokan tadi.<br><br>j. Buat pemerhatian selama 10-30 saat dan buatkan catatan mutu emas hasil daripada uji kaji tersebut. |

| | | |
|---|---|---|
| | | k. Jika hasilnya kelihatan sama, maka mutu emas gadaian sama dengan mutu kunci emas.<br><br>l. Jika hasilnya kelihatan kurang daripada kunci emas yang telah dipilih, buat perbandingan pula dengan kunci emas yang gred ketulenan lebih rendah sehingga mendapat gred ketulenan yang sama.<br><br>m. Lapkan/keringkan tempat gesekan di batu hitam dengan tisu setiap kali selesai ujian.<br><br>n. Timbang barang gadaian dengan menggunakan alat penimbang emas elektronik untuk mendapatkan berat barang gadaian.<br><br>26.5.2 Pastikan alat pengacau (stick) dilap sebelum dimasukkan ke dalam botol asid. |
| 26.6 | Tumpah Asid | 26.6.1 Penggunaan alat pelindung adalah perlu bagi mengelakkan dari terkena kulit dan mata.<br><br>26.6.2 Neutralkan asid dengan batu kapur atau limau.<br><br>26.6.3 Bersihkan bekas tumpahan yang telah dineutralkan dengan air. |
| 26.7 | Pelupusan Asid | 26.7.1 Jika terdapat asid yang hendak dilupuskan hubungi RMS.<br><br>26.7.2 RMS akan menghubungi pembekal asid yang berkenaan bagi memaklumkan tentang pelupusan asid.<br><br>26.7.3 Pembekal akan melaksanakan pelupusan asid dengan menggunakan kaedah keselamatan yang sedia digunakan.<br><br>26.7.4 Jangan buang asid ke dalam kawasan yang tidak berkenaan seperti longkang, parit, kawasan tadahan air dan sebagainya. |
| 26.8 | Kecemasan | 26.8.1 Sekiranya asid terkena pada mata/kulit, termakan/terminum dan tersedut wapnya, warga kerja perlulah mendapatkan rawatan kecemasan berpandukan label keselamatan yang dibekalkan. |
| 26.9 | Kuantiti Asid Yang Dibekalkan | 26.9.1 RMS adalah bertanggungjawab untuk membekalkan kuantiti asid ke ARX untuk setiap jenis asid adalah tidak melebihi 200ml sebotol. |

| Tajuk : Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit: Ar Rahnu Sekatarakyat | Muka surat : 42/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

| | | |
|---|---|---|
| | | 26.9.2 Bilangan botol yang dibekalkan ke ARX adalah berdasarkan bilangan meja/kaunter perkhidmatan.<br><br>26.9.3 ARX pula hendaklah memastikan bahawa bekalan asid yang diterima dari pembekal adalah tidak melebihi dari kuantiti yang ditetapkan. |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit: Ar Rahnu Sekatarakyat | Muka surat : 43/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 3 | Tarikh : 02/02/2023 |

## 27.0 KEKERAPAN SEMAKAN BARANG GADAIAN

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 27.1 | Semakan stok (bilangan sampul 100%) | 27.1.1 Dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam 6 bulan oleh Pengurusan Sekatarakyat. |
| 27.2 | Pengesahan semakan stok | 27.2.1 Pengesahan semakan stok dilakukan bagi memastikan semakan stok di ARX dilakukan mengikut kekerapan yang telah ditetapkan dengan menurunkan tandatangan di Laporan Kotak Simpanan Terkini.<br><br>27.2.2 Dilakukan sekurang-kurangnya dua kali dalam setahun. |
| 27.3 | Semakan secara rawak | 27.3.1 Dilakukan setiap 1 bulan sekali oleh Ketua Kedai. |
| 27.4 | Semakan proses taksiran | 27.4.1 Semakan oleh RMS dibuat ke atas proses taksiran yang dilakukan oleh Penaksir. Kekerapan semakan ini dilakukan dari semasa ke semasa. |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Muka surat : 44/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 28.0 KEKERAPAN SEMAKAN TUNAI FIZIKAL DI OUTLET

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 28.1 | Semakan Tunai Fizikal | 28.1.1 Dilakukan sekurang-kurangnya dua (2) kali dalam 6 bulan oleh Pengurusan Sekatarakyat (surprise check). |
| 28.2 | Pengesahan semakan Tunai Fizikal | 28.2.1 Pengesahan semakan tunai fizikal dilakukan oleh Pengurusan Sekatarakyat bagi memastikan semakan tunai di ARX dilakukan mengikut kekerapan yang telah ditetapkan dengan menurunkan tandatangan di Laporan Baki Peti Besi dan Baki *Teller*.<br><br>28.2.2 Dilakukan sekurang-kurangnya dua (2) kali dalam 6 bulan. |
| 28.3 | Semakan secara rawak | 28.3.1 Dilakukan setiap 1 bulan sekali oleh Ketua Kedai. |
| 28.4 | Semakan proses taksiran | 28.4.1 Semakan oleh RMS dibuat ke atas proses taksiran yang dilakukan oleh Penaksir. Kekerapan semakan ini dilakukan dari semasa ke semasa. |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit: Ar Rahnu Sekatarakyat | Muka surat : 45/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 29.0 KALIBRASI MESIN DENSIMETER

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 29.1 | Kalibrasi | 29.1.1 Kalibrasi peralatan densimeter model GK 300 dilakukan setiap hari Isnin.<br><br>29.1.2 Manakala, pada hari Selasa sehingga Jumaat hendaklah melakukan *counter checking* dan kalibrasi sekiranya perlu.<br><br>29.1.3 Kalibrasi dan *counter checking* dilakukan selepas setengah jam alat ini dihidupkan agar alat ini dalam keadaan stabil.<br><br>29.1.4 Batu pemberat hendaklah disimpan dalam keadaan tertutup dalam sebuah kotak yang kering dan diletakkan jauh dari asid untuk mengelakkan terdapat kesan karat pada pemberat. |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Muka surat : 46/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 30.0 PROSES URUS NIAGA KOMODITI DAN AKAD MURABAHAH (DENGAN MENERIMA PAKAI AMALAN TAWARRUQ DI SISTEM BSAS (SEKIRANYA SISTEM ARX ONLINE GAGAL BERHUBUNG DENGAN SERVER BSAS))

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 30.1 | Proses Urus Niaga Komoditi dan Akad Murabahah | 30.1.1 Ilustrasi Pelaksanaan Proses Tawarruq di Sistem Bursa Suq Al-Sila' (BSAS).<br><br>30.1.2 Tatacara Jual Beli Komoditi di Sistem BSAS<br><br>30.1.3 Sampel "E-Cert".<br><br>30.1.4 Proses dan Syarat Pengambilan Komoditi daripada BSAS. |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat: 47/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 31.0 DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN SEMASA PELAKSANAAN URUS NIAGA KOMODITI DAN AKAD MURABAHAH (DENGAN MENERIMA PAKAI AMALAN TAWARRUQ)

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 31.1 | Dokumen yang perlu dikemukakan semasa pelaksanaan dan akad Murabahah | 31.1.1 Surat Akuan Gadaian.<br><br>31.1.2 *Purchase Requisition*.<br><br>31.1.3 *Tawarruq Arrangement (Dual Waka/ah)*.<br><br>31.1.4 *Murabahah Sale Contract*.<br><br>**Nota:**<br><br>i. Dokumen perjanjian di atas perlu ditandatangani oleh pelanggan sebelum akad dilaksanakan kecuali dokumen *(Murabahah Sale Contract)*.<br><br>ii. Dokumen *Murabahah Sale Contract (nominal)* tidak perlu dimatikan setem. |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat: 48/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 32.0 BURSA SUQ AL-SILA'

<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Perkara</th><th>Keterangan</th></tr>
<tr><td>32.1</td><td>Waktu Operasi Belian Komoditi</td><td>32.1.1 Waktu Operasi Belian Komoditi.
<table>
<tr><th>Hari</th><th>Masa</th></tr>
<tr><td>Ahad hingga Khamis</td><td>9.00 Pagi - 7.00 Malam</td></tr>
<tr><td>Jumaat:<br><br>Sesi Pertama<br><br>Sesi Kedua</td><td><br><br>9.00 Pagi-1.15 Petang<br><br>1.45 Petang - 7.00 Malam</td></tr>
<tr><td>Sabtu</td><td>9.00 Pagi - 7.00 Malam</td></tr>
</table>
Nota : Waktu operasi ini tertakluk kepada perubahan BSAS</td></tr>
<tr><td>32.2</td><td>Proses Pembelian dan Penjualan</td><td>32.2.1 Proses pembelian dan penjualan komoditi dilakukan secara integrasi dengan sistem ARX Online.<br>32.2.2 Masa pembelian dan penjualan komoditi dilakukan dalam tempoh masa secara "millisecond".</td></tr>
<tr><td>32.3</td><td>Yuran Broker</td><td>32.3.1 Yuran broker yang dikenakan oleh Bursa adalah berdasarkan formula yang berikut:<br>i) Jika jumlah pembiayaan RM1juta, kadar fi semasa ialah RM15.00, maka bayaran kadar fi semasa yang akan dibilkan adalah RM15.00<br>$\frac{\text{Jumlah Pembiayaan} * \text{RM15}}{1{,}000{,}000}$<br>ii) Jika jumlah pembiayaan RM100ribu, kadar fi semasa ialah RM1.50, maka bayaran kadar fi semasa yang akan dibilkan adalah RM1.50<br>$\frac{\text{Jumlah Pembiayaan} * \text{RM1.50}}{100{,}000}$<br>iii) Jika jumlah pembiayaan RM10ribu, kadar fi semasa ialah RM0.15 (disebabkan kadar fi semasa kurang daripada RM1.00, maka kadar fi untuk transaksi ini akan ditetapkan pada satu kadar fi minima baharu, iaitu RM1.00), justeru bayaran kadar fi semasa yang akan dibilkan untuk transaksi ini, adalah sebanyak RM1.00, berbanding RM0.15.<br>$\frac{\text{Jumlah Pembiayaan} * \text{RM1.00}}{10{,}000}$<br>Nota: Yuran Broker ini tertakluk kepada perubahan semasa yang ditentukan oleh pihak BSAS.</td></tr>
</table>

| Tajuk : Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit: Ar Rahnu Sekatarakyat | Muka surat : 49/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

| | | |
|---|---|---|
| 32.4 | Caj Penalti | 32.4.1 Caj penalti yang dikenakan oleh Bursa adalah berdasarkan formula yang berikut:<br><br>$\frac{\text{Jumlah Pembiayaan * RM10}}{1{,}000{,}000}$ x bil. jam<br><br>32.4.2 Caj penalti akan ditanggung oleh Sekatarakyat sekiranya urus niaga komoditi dan akad Murabahah (dengan menerima pakai amalan Tawarruq) dilakukan melebihi 2 jam sekiranya bukan masalah daripada sistem.<br><br>**Nota:**<br>Jangkamasa yang kurang satu (1) jam akan digenapkan kepada satu (1) jam.<br>32.4.3 Pengiraan masa 2 jam bermula dari komoditi berjaya dibeli daripada Bursa Suq Al-Sila' hingga komodili berjaya dijual kepada Bursa Suq Al-Sila'.<br><br>32.4.4 Contoh pengiraan adalah seperti berikut: |

| | |
|---|---|
| Amaun Pembiayaan (RM) | 50,000 |
| Jangka masa akad | 5 jam |
| Jangka masa dikenakan penalti | 3 jam |
| Pengiraan caj penalti | RM50,000 x RM10 x 3 jam<br>RM1,000,000 |
| **Amaun penalti** | **RM1.50** |

| | |
|---|---|
| Amaun Pembiayaan (RM) | 50,000 |
| Jangka masa akad | 7 jam 30 minit |
| Jangka masa dikenakan penalti | 5 jam 30 minit |
| Pengiraan caj penalti | RM50,000 x RM10 x 6 jam<br>RM1,000,000 |
| **Amaun penalti** | **RM3.00** |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Muka surat : 50/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 33.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 33.1 | ARX | 33.1.1 Memastikan pelaksanaan Tawarruq (Komoditi Murabahah) bagi Pembiayaan Pajak Gadai-i di sistem dilakukan dengan betul dan mengikut masa yang telah ditetapkan. |
| 33.2 | RMS | 33.2.1 Memaklumkan kepada pihak BSAS melalui emel mengenai pembatalan urusniaga pembelian atau penjualan komoditi oleh ARX di sistem ARX Online.<br><br>33.2.2 Bertindak sebagai *liason officer* dengan BSAS.<br><br>33.2.3 Mengurus dan mendapatkan kelulusan bayaran kepada pihak broker komoditi secara bulanan (yuran broker) |
| 33.3 | Unit Operasi IT RMS | 33.3.1 Memastikan sistem ARX Online sentiasa berfungsi untuk pembelian dan penjualan komoditi dari / ke sistem ARX Online.<br><br>33.3.2 Berurusan dengan pihak BSAS sekiranya sistem ARX Online tidak dapat berhubung dengan *"server' (down* atau *slow)*.<br><br>32.3.3 Memastikan sistem ARX Online berfungsi. |
| 33.4 | Unit Kewangan RMS | 33.4.1 Membuat bayaran kepada BSAS ke atas caj yang terlibat iaitu bagi yuran broker, caj penalti dan pembelian komoditi ke atas pelanggan yang memilih untuk mengambil pemilikan secara fizikal. |

| Tajuk : Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat: 51/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 34.0 LAPORAN

| Sistem | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| ARX Online | Laporan Pelbagai - Laporan Gadaian | Laporan transaksi urus niaga komoditi yang telah Berjaya |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit: Ar Rahnu Sekatarakyat | Muka surat : 52/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 35.0 LELONGAN

<table>
<tr><th>Bil</th><th>Perkara</th><th>Keterangan</th></tr>
<tr><td>35.1</td><td>Akaun Untuk Dilelong / Laporan Senarai Masuk Lelong</td><td>35.1.1 Akaun-akaun yang telah matang / mengalami tunggakan diperolehi melalui Laporan Senarai Masuk Lelong yang dijana di sistem pada setiap 15hb dan setiap hujung bulan (jika ada). Laporan ini dijana seperti yang berikut :
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Produk</th><th>Keterangan</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Pajak Gadai-i</td><td>i. 15hb - Pembiayaan yang tamat tempoh pada 1hb hingga 15hb, bulan yang sama.<br><br>Contoh 1: Pajak Gadai-i
<table>
<tr><td>Pengeluaran</td><td>14/01/2020</td></tr>
<tr><td>Tamat Tempoh</td><td>14/07/2020</td></tr>
<tr><td>Masuk Laporan</td><td>15/08/2020</td></tr>
</table>
ii. Setiap hujung bulan - Pembiayaan yang tamat tempoh pada 16hb hingga hujung bulan, bulan yang sama.<br><br>Contoh 2: Pajak Gadai-i
<table>
<tr><td>Pengeluaran</td><td>20/01/2020</td></tr>
<tr><td>Tamat Tempoh</td><td>20/07/2020</td></tr>
<tr><td>Masuk Laporan</td><td>31/07/2020</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | | Nota: Lelongan perlulah dilakukan sekurang-kurangnya sekali sebulan.<br><br>35.1.2 Akaun-akaun yang masuk dalam senarai lelongan akan dipaparkan dalam menu Lelongan Sekaligus/Ansuran.<br><br>35.1.3 Ketua Kedai perlu menetapkan tarikh lelongan bagi menjana Notis Terakhir. Tarikh lelongan disetkan di sistem minimum 14 hari dari tarikh janaan notis. |
| 35.2 | Notis Tuntutan Terakhir | 35.2.1 Tempoh Notis Tuntutan Terakhir adalah minimum 14 hari.<br><br>35.2.2Sekiranya tarikh jangkaan lelongan yang dimasukkan kurang daripada 14 hari daripada tarikh di sistem, ianya tidak dibenarkan oleh sistem.<br><br>35.2.3 Notis Terakhir perlu dihantar melalui Pos Berdaftar.<br><br>35.2.4 Ketua Kedai perlu menyemak semula senarai masuk lelong sebelum Notis Terakhir dihantar. |
| 35.3 | Laporan Senarai Lelongan Awam | 35.3.1 Laporan Senarai Lelongan Awam akan dijana oleh sistem secara automatik pada hari lelongan.<br><br>35.3.2 Maklumat yang dipaparkan dalam laporan ini adalah maklumat terkini pada tarikh laporan dijana.<br><br>35.3.3 Bagi tujuan penentuan harga rezab, gunakan harga rezab yang dijana pada hari lelongan. |

<table>
<tr>
<td>35.4</td>
<td>Penentuan Harga Rezab</td>
<td>35.4.1 Asas pengiraan untuk menentukan harga rezab seperti berikut:
<table>
<tr><th>Perkara</th><th>Tugas</th></tr>
<tr><td>Lelongan 1 (Tender Terbuka)</td><td>Menentukan harga rezab dengan membolehkan pengurangan sebanyak 10% daripada nilai marhun barang yang dilelong.</td></tr>
<tr><td>Lelongan 2 ke RMS</td><td>Menentukan harga rezab dengan membolehkan pengurangan sebanyak 20% daripada nilai marhun barang yang dilelong.</td></tr>
</table>
</td>
</tr>
<tr>
<td>35.5</td>
<td>Pameran / Lelongan Marhun</td>
<td>35.5.1 Senarai harga rezab yang ditampal atau diletakkan di luar peti pameran boleh disediakan sebagai alternatif sekiranya harga rezab tidak sempat dicatatkan pada tag-tag harga.<br><br>35.5.2 Tempoh pameran / lelongan marhun adalah sekurang-kurangnya 3 hingga 5 hari bekerja.<br><br>35.5.3 Kakitangan Sekatarakyat yang terlibat secara langsung termasuk pasangan suami, isteri, ibu, bapa serta anak tidak dibenarkan sama sekali mengambil bahagian sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam mana-mana urusan lelongan yang diadakan dari semasa ke semasa.<br><br>35.5.4 Kesemua kos yang terbabit di dalam pengiklanan dan kos-kos lain yang terlibat akan diagihkan mengikut pro-rata kepada pelanggan-pelanggan yang terlibat berasaskan kepada nilai marhun setiap akaun. Setelah agihan dibuat, jumlah tersebut hendaklah didebitkan ke akaun gadaian berkaitan.</td>
</tr>
<tr>
<td>35.6</td>
<td>Jualan Ke RMS</td>
<td>35.6.1 Sekiranya masih ada barang yang tidak habis dilelong pada lelongan pertama, penjualan lebihan lelongan dijual kepada tetuan Rakyat Management Services (RMS).</td>
</tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | | 35.6.2 Pelaksanaan transaksi penjualan emas perlu dilakukan secara "lani" (tanpa sebarang penangguhan) sama ada bayaran atau penyerahan di mana kedua-duanya perlu dilaksanakan pada T+0.<br><br>35.6.3 Penghantaran notis 14 hari kepada pelanggan perlu dilaksanakan supaya menebus marhun dengan membayar jumlah pembiayaan termasuk jumlah keuntungan dan kos-kos lain.<br><br>35.6.4 Senarai marhun yang akan dijual kepada RMS diperolehi dengan menggunakan laporan Senarai Lelongan (Outstanding) ke RMS. |
| 35.7 | Transaksi Penjualan Emas | 35.7.1 Pelaksanaan transaksi penjualan emas kepada penender yang berjaya perlu dilakukan secara "lani" (tanpa sebarang penangguhan) sama ada bayaran atau penyerahan di mana kedua-duanya perlu dilaksanakan pada T+0. |
| 35.8 | Lebihan Lelongan | 35.8.1 Lebihan lelongan akan dikreditkan ke *sundry creditor (Lebihan Lelongan Tak Dituntut).* |
| 35.9 | Akaun Masih Berbaki Selepas Lelongan | 35.9.1 Pengiraan keuntungan dihentikan bagi akaun yang masih berbaki selepas lelongan dilakukan.<br><br>35.9.2 Akaun akan diklasifikasikan sebagai PT dan peruntukan waham (100%) dibuat ke atas baki prinsipal dan keuntungan pada hujung bulan lelongan. |
| 35.10 | Baki hasil lelongan | 35.10.1 Baki hasil lelongan yang tidak dituntut adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan Akta Wang Tak Dituntut 1965 dan hendaklah mengikut GPO Kaedah Operasi Bil.108 - Wang Tak Dituntut. |

| Tajuk : Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit: Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat: 56/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 36.0 PENGGUNAAN MESIN DAN PENGUJIAN EMAS

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 36.1 | Alat menguji emas elektronik | 36.1.1 Alat menguji emas dinamakan 'Electronic Densimeter'. Ia menguji ketumpatan sesuatu logam dan mengukur dalam bentuk ukuran 'gm/ cm3'.<br><br>36.1.2 Pastikan penghadang angin ditutup sepenuhnya untuk mendapatkan keputusan yang tepat. Ini kerana, alat ini terlalu sensitif dengan angin.<br><br>36.1.3 Pastikan alat ini diletakkan di tempat yang stabil dan rata.<br><br>36.1.4 Pastikan alat ini tidak diletakkan bersebelahan asid, kerana asid akan menyebabkan alat ini berkarat.<br><br>36.1.5 Untuk mengurangkan beban pada alat ini, digalakkan supaya mengangkat keluar bekas air daripada alat tersebut setiap kali selesai operasi.<br><br>36.1.6 Sebaik-baiknya air hendaklah digantikan dengan yang baru setiap hari.<br><br>36.1.7 Tatacara Penggunaan :<br><br>a. Tekan butang 'On/ Off pada alat.<br><br>b. Tunggu selama 30 minit dan alat sedia digunakan.<br><br>c. Pastikan bacaan berada pada '0.00'.<br><br>d. Jika bacaan tidak menunjukkan bacaan '0.00' tekan butang ' Zero'.<br><br>e. Letakkan barang kemas di atas tudung densimeter dan tekan butang Memori untuk dapatkan bacaan.<br><br>f. Buka tudung densimeter dan masukkan barang kemas ke dalam air. Tekan butang Memori sekali lagi.<br><br>g. Bacaan yang tertera adalah ketumpatan sesuatu logam.<br><br>h. Buat perbandingan bacaan dengan jadual yang diberikan untuk mengetahui jenis logam yang dinilai.<br><br>i. Selesai penggunaan, tekan butang 'On/ Off' |

| | | |
|---|---|---|
| | | 36.1.8 Pastikan penghadang angin ditutup sepenuhnya untuk mendapatkan keputusan yang tepat. Ini kerana alat ini terlalu sensitif dengan angin.<br><br>36.1.9 Pastikan alat ini diletakkan di tempat yang stabil dan rata.<br><br>36.1.10 Pastikan alat ini tidak diletakkan bersebelahan asid, kerana asid akan menyebabkan alat ini berkarat.<br><br>36.1.11 Bagi mengurangkan beban pada alat ini, digalakkan supaya mengangkat keluar bekas air daripada alat tersebut setiap kali selesai operasi.<br><br>36.1.12 Sebaik-baiknya air hendaklah digantikan dengan yang baru setiap hari. |
| 36.2 | Alat Penimbang Emas Elektronik | 36.2.1 Alat penimbang emas ini dinamakan 'Electronic Balance' dan ukuran yang digunakan adalah dalam bentuk metrik (gram).<br><br>36.2.2 Tatacara penggunaan:<br><br>a. Tekan butang 'On/ Off'.<br><br>b. Tunggu selama 30 minit dan alat sedia digunakan.<br><br>c. Pastikan bacaan meter di sebelah kanan papan paparan adalah seperti '0.00'.<br><br>d. Jika bacaan meter tidak menunjukkan '0.00', tekan Zero sehingga bacaan '0.00' diperolehi.<br><br>e. Buka penghadang angin dan letakkan barang kemas di atas ceper untuk mendapatkan bacaan. Pastikan penghadang angin ditutup sepenuhnya untuk mendapatkan bacan tepat.<br><br>f. Tunggu sehingga tanda 'O' (Bulat) tertera pada sudut kiri papan paparan untuk mencatat bacaan paling tepat.<br><br>g. Selesai penggunaan, tekan butang 'On / Off'.<br><br>36.2.3 Elakkan alat penimbang emas daripada diletakkan bersebelahan asid. Pastikan alat ini diletakkan di tempat yang stabil dan rata. |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Mukasurat: 58/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

<table>
<tr><td>36.3</td><td>Tentukur Mesin</td><td>36.3.1 Tentukur dibuat oleh pihak pembekal berdasarkan kontrak belian yang dibuat antara RMS dengan pembekal bagi alat ujian emas densimeter dan alat penimbang emas dibuat setiap 1 tahun sekali.<br>36.3.2 Bagi alat penimbang emas, pengesahan daripada Jabatan Timbang & Sukat hendaklah diperolehi sebelum ia digunakan. Alat tersebut hendaklah dibawa ke Jabatan Timbang & Sukat bagi tujuan pengujian ketepatan timbangan dan sukatan dan seterusnya mendapatkan pengesahan.<br>36.3.3 Ketua Kedai bertanggungjawab memastikan tentukur mesin dilakukan mengikutjadual yang sepatutnya. Sekiranya jadual tentukur tidak dipatuhi hubungi RMS untuk tindakan selanjutnya.<br>36.3.4 Bagi alat ujian emas densimeter, ARX perlu mendapatkan sijil pengesahan kalibrasi alat timbangan densimeter berkenaan setahun sekali.<br>36.3.5 Permohonan mendapatkan sijil berkenaan perlu dibuat oleh ARX melalui pembekal alat densimeter atau pihak yang dilantik oleh RMS.<br>36.3.6 Ketua Kedai hendaklah mengesahkan tentukur yang telah dibuat dengan menurunkan tandatangan di dalam buku log yang disediakan.</td></tr>
<tr><td>36.4</td><td>Servis (Baik Pulih) DiluarJangkaan</td><td>36.4.1 Sekiranya mesin / alat tersebut mengalami masalah dan mengganggu kelancaran operasi ARX, pembekal boleh dihubungi untuk membaik pulih mesin / alat walaupun ia terkeluar daripada persetujuan kontrak asal.<br>36.4.2 Ketua Kedai akan menghubungi RMS untuk tindakan selanjutnya.</td></tr>
<tr><td>36.5</td><td>Laporan Daripada Pembekal</td><td>36.5.1 Pihak pembekal akan mengeluarkan laporan setelah setiap kali selesai membuat servis atau tentukur. Laporan ini akan disahkan oleh Ketua Kedai atau wakil tetap dan dicop rasmi ARX.<br>36.5.2 Penaksir perlu menyimpan satu salinan di dalam fail sebagai rujukan.</td></tr>
<tr><td>36.6</td><td>Rekod</td><td>
<table>
<tr><th>Jenis</th><th>Tempoh Simpanan</th><th>Lokasi</th><th>Tanggungjawab</th></tr>
<tr><td>Laporan Tentukur / Baik Pulih Mesin</td><td>6 tahun</td><td>Unit Pentadbiran</td><td>Ketua Kedai</td></tr>
<tr><td>Buku Log Tentukur Alat Densimeter</td><td>6 tahun</td><td>Unit Pentadbiran</td><td>Ketua Kedai</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

| Tajuk : Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Muka surat : 59/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 37.0 PENYERAHAN TUGAS PENJAGAAN BARANG GADAIAN

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 37.1 | Penyerahan tugas penjagaan barang gadaian | 37.1.1 Sekiranya kakitangan yang bertugas bercuti, menghadiri kursus atau terlibat dengan rombakan dalaman, kakitangan berkenaan perlu membuat penyerahan tugas kepada kakitangan yang telah diarahkan mengambil alih tugas beliau.<br><br>37.1.2 Kakitangan berkenaan perlu mengisi borang penyerahan tugas dan membuat pengakuan bahawa barang-barang gadaian yang ada di dalam simpanan peti besi di dalam bilik kebal sehingga ke tarikh penyerahan tugas dan kunci peti besi khas tersebut adalah seperti yang terdapat di dalam Laporan Keterangan Barangan / Marhun.<br><br>37.1.3 Sekiranya keadaan mengizinkan, kakitangan gantian yang menerima tugas dan kunci berkenaan hendaklah menyemak barang-barang gadaian yang tersimpan di dalam peti besi tersebut semasa mengambil alih tugas.<br><br>37.1.4 Kakitangan gantian perlu mengisi borang penyerahan tugas yang sama dan membuat pengakuan yang sama apabila menyerahkan semula tugas dan kunci peti besi.<br><br>37.1.5 Borang penyerahan tugas ini hendaklah digunakan di dalam semua keadaan yang melibatkan penyerahan / pertukaran tugas dan kunci penyimpanan barang-barang gadaian yang tersimpan di dalam peti besi di dalam bilik kebal. |


| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Muka surat : 60/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 38.0 KES POLIS

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 38.1 | Melihat marhun dan dokumen terlibat | 38.1.1 Sekiranya pihak polis ingin melihat (tanpa mengambil) marhun dan/atau dokumen-dokumen yang terlibat dalam Pajak Gadai-i iaitu bagi mendapatkan butir-butir penggadai, pihak polis hendaklah memberikan arahan bertulis kepada ARX di bawah Seksyen 51 Kanun Prosedur Jenayah.<br><br>38.1.2 Arahan bertulis hendaklah menyatakan:<br><br>a. Secara terperinci apa yang ingin dilihat oleh polis bagi tujuan penyiasatan.<br><br>b. Arahan tersebut adalah di bawah seksyen 51(1) Kanun Prosedur Jenayah<br><br>38.1.3 ARX hendaklah membenarkan pihak polis melihat marhun dan / atau dokumen-dokumen yang terlibat selepas mendapat arahan bertulis di atas. |
| 38.2 | Mengambil marhun | 38.2.1 Berdasarkan seksyen 435, pihak polis boleh mengambil marhun yang disyaki dicuri (sama ada setelah melihatnya terlebih dahulu atau tidak).<br><br>38.2.2 Di bawah seksyen 413, pihak polis hendaklah melaporkan pengambilan marhun tersebut kepada Majistret yang akan memutuskan kepada siapa marhun tersebut diserahkan. Pihak polis tidak mempunyai kuasa untuk menyerahkan marhun tersebut kepada sesiapa melainkan telah mendapat ketetapan Majistret.<br><br>38.2.3 Sekiranya pihak polis hadir ke ARX untuk mengambil marhun, ARX hendaklah mendapatkan pengesahan bertulis daripada pihak polis bahawa mereka mengambil marhun di bawah seksyen 435 Kanun Prosedur Jenayah. Pengesahan bertulis tersebut hendaklah juga menyatakan butir-butir marhun tersebut. |
| 38.3 | Tindakan sivil | 38.3.1 Untuk mendapatkan kembali wang ARX, ARX boleh mengambil tindakan sivil terhadap pelanggan. |

| Tajuk: Aturan Aktiviti Ar Rahnu | Unit : Ar Rahnu Sekatarakyat | Muka surat : 61/61 |
|---|---|---|
| | Semakan: 1 | Tarikh : 02/01/2025 |

## 39.0 MODUS OPERANDI PEMBIAYAAN PAJAK GADAI-I ARX




Nota:
ARX menggunapakai sistem ARX online untuk membuat pembelian komoditi daripada BSAS.

## 3) CADANGAN PERMOHONAN KELULUSAN PEMBUKAAN PERNIAGAAN TASKA QASEH NURI, KAFETERIA SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM) DAN D'SEKATA

**CADANGAN PERMOHONAN KELULUSAN PEMBUKAAN PERNIAGAAN TASKA QASEH NURI, KAFETERIA SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM) DAN D'SEKATA**

## 1.0 TUJUAN

Cadangan ini disediakan bagi memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 bagi pembukaan perniagaan Taska Qaseh Nuri, Kafeteria Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan D'Sekata bertujuan mendapatkan kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

## 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Sekatarakyat telah menjalankan aktiviti utama perniagaan dengan memberikan kemudahan pembiayaan kepada anggota.

2.2 Usaha untuk memperkembang lagi cabang perniagaan dipergiat dan diperluaskan dari tahun ke tahun.

2.3 Kini, Sekatarakyat telah memperluaskan lagi aktiviti perniagaan seperti yang berikut :-

| BIL | AKTIVITI |
|---|---|
| 1 | **Kredit**<br>• Menyediakan kemudahan kredit |
| 2 | **Ar-Rahnu X'Change (ARX)**<br>a) Jalan Othman<br>b) Sungai Besi<br>c) Taman Selaseh<br>d) Hulu Langat<br>e) Bandar Kinrara<br>f) Seremban 2<br>g) Kota Kemuning<br>h) Dengkil<br>i) Port Klang<br>j) Ampang Triangle<br>k) Pasar Borong<br>l) Bandar Melawati<br>m) Dataran Otomobil<br>n) Mantin<br>o) Puncak Alam<br>p) Sri Rampai<br>q) Sri Muda |
| 3 | **Bangunan**<br>a) Wisma Sekatarakyat, Kelana Jaya, Petaling Jaya, Selangor<br>b) Rumah Kedai Space U8, Bukit Jelutong, Shah Alam, Selangor<br>c) Bangunan Pejabat Kampong Attap, Kuala Lumpur<br>d) Banglo Sekata Vista, Dengkil, Selangor (3 buah)<br>e) Blok Komersial VIVO @ 9 Seputeh, Kuala Lumpur |
| 4 | **Perkhidmatan Penyediaan Makanan**<br>a) Kafeteria Jalan Tangsi, Kuala Lumpur<br>b) Medan Selera, Menara Kembar Bank Rakyat, Kuala Lumpur<br>c) Kafeteria Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kuala Lumpur |

| | |
|---|---|
| | d) D'Sekata, Menara Kembar Bank Rakyat, Kuala Lumpur<br>e) Kenny Rogers Roasters, Ringlet, Cameron Highlands, Pahang |
| 5 | **Peruncitan**<br>a) Kedai Serbaneka Jalan Tangsi, Kuala Lumpur<br>b) Kedai Serbaneka Menara Kembar Bank Rakyat, Kuala Lumpur |
| 6 | **Lain-Lain Perkhidmatan**<br>a) Pengurusan & Penyewaan Pejabat<br>b) Penyelenggaraan & Pembersihan Pejabat<br>c) Takaful<br>d) Air Mineral<br>e) Pemasangan Produk Coway<br>f) Penyewaan Tapak Mesin ATM<br>g) Skim Belian Plus Sekatarakyat<br>h) Taska Nuri |
| 7 | **Perhotelan/Rumah Rehat**<br>• Sekata Apartment |
| 8 | **Bilik Persidangan/Dewan Terbuka**<br>• Sekata Makmur |
| 9 | **Farmasi**<br>• Sekata Farmasi<br>(Ditutup secara rasmi mulai 1 Disember 2024) |
| 10 | **Projek Hartanah**<br>a) Taman Saujana Sekata (107 unit), Dengkil, Selangor<br>b) Pangsapuri Sekata Selangorku (47 unit), Dengkil, Selangor |
| 11 | **Projek Hartanah (dalam pembangunan)**<br>a) Projek Perumahan Salak Tinggi, Sepang<br>(kerjasama dengan IRMA Worldwide Sdn. Bhd.)<br>b) Projek Perumahan Taman Sri Mawar, Mantin, Seremban<br>(kerjasama dengan PTT Synergy Group Berhad)<br>c) Projek Perindustrian Elmina, Shah Alam<br>(kerjasama dengan PTT Synergy Group Berhad)<br>d) Projek Perindutrian Pontian<br>(kerjasama dengan PTT Synergy Group Berhad)<br>e) Projek Perumahan Villa Bukit Negeri, Seremban<br>(kerjasama dengan GME Sdn. Bhd.) |

2.4 Sekatarakyat telah membuat permohonan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi 11 kelulusan pembukaan cawangan iaitu Sekata Apartment, Sekata Makmur, Kenny Rogers Roasters, Sekata Farmasi, Taska Qaseh Nuri, Kafeteria Jalan Tangsi, Kafeteria MKBR, Kafeteria SKM, Kedai Serbaneka MKBR, Kedai Serbaneka Jalan Tangsi dan D'Sekata.

2.5 Walaubagaimanapun, hanya 8 perniagaan yang telah diluluskan manakala 3 perniagaan lagi iaitu Taska Qaseh Nuri, Kafeteria SKM dan D'Sekata memerlukan kelulusan daripada Mesyuarat Agung Perwakilan.

## 3.0 CADANGAN

3.1 Lembaga Pengarah ingin memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 bagi pembukaan perniagaan Taska Qaseh Nuri, Kafeteria SKM dan D'Sekata.

3.2 Perniagaan-perniagaan ini telah mula beroperasi seperti yang berikut:
   a) Taska Qaseh Nuri mula beroperasi pada 4 Januari 2016
   b) Kafeteria SKM mula beroperasi pada 1 April 2021
   c) D'Sekata mula beroperasi pada 27 Disember 2021

3.3 Permohonan kelulusan ini selaras dengan permohonan Sekatarakyat bagi mendapatkan kelulusan menjalankan perniagaan daripada pihak SKM.

3.4 Pada 6 Januari 2025, SKM telah memberikan maklum balas bagi 3 perniagaan iaitu Taska Qaseh Nuri, Kafeteria SKM dan D'Sekata memerlukan kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan.

## 4.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 dipohon meluluskan cadangan ini.

**PERKARA 15**

**MENDENGAR DAN MEMUTUSKAN APA-APA ADUAN, YANG SUATU NOTIS YANG TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI TELAH DIBERIKAN KEPADA SEKATARAKYAT, YANG DIKEMUKAKAN OLEH ANGGOTA YANG TERKILAN DENGAN KEPUTUSAN LEMBAGA PENGARAH SEKATARAKYAT**

**(TIADA)**

**PERKARA 16**

**MELULUSKAN APA-APA PERBELANJAAN BAGI PELANTIKAN ORANG-ORANG YANG KOMPETEN UNTUK MEMBANTU JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

**CADANGAN MEMOHON KELULUSAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN 2025 UNTUK MEMBERI MANDAT KEPADA LEMBAGA PENGARAH BAGI MELANTIK ORANG-ORANG YANG KOMPETEN UNTUK MEMBANTU JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

## 1.0 TUJUAN

Cadangan ini disediakan bagi memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 untuk memberi mandat kepada Lembaga Pengarah bagi melantik Orang-orang yang Kompeten untuk membantu Jawatankuasa Audit Dalaman.

## 2.0 LATARBELAKANG

2.1 Jawatankuasa Audit Dalaman memainkan peranan penting dalam sistem tadbir urus koperasi berkaitan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko kerana ia berupaya menyediakan penilaian yang bebas dan boleh menjadi petunjuk terhadap pematuhan ke atas undang-undang, dasar dan prosedur sedia ada di Sekatarakyat.

2.2 Oleh kerana kekangan masa dan tanggungjawab, Jawatankuasa Audit Dalaman didapati tidak berfungsi sepenuhnya seperti yang perlu dijalankan bagi memenuhi Garis Panduan 4 yang disediakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Oleh yang demikian, Lembaga Pengarah berpendapat Sekatarakyat perlu melantik orang-orang yang kompeten bagi membantu Jawatankuasa Audit Dalaman yang telah dilantik.

2.3 Permohonan bagi mendapatkan kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan bagi cadangan pelantikan Orang-orang yang Kompeten bagi membantu Jawatankuasa Audit Dalaman Sekatarakyat bagi tahun 2024 telah diluluskan di Mesyuarat Agung Perwakilan pada 2 Mac 2024.

2.4 Mesyuarat Agung Perwakilan juga telah meluluskan perbelanjaan sebanyak RM80,000.00 setahun (dari tahun 2020 - 2023) dan RM90,000.00 setahun (bagi tahun 2024) diperuntukkan bagi perbelanjaan yang melibatkan kerja-kerja yang dijalankan oleh pihak yang dilantik bagi membantu jawatankuasa tersebut.

2.5 Skop pengauditan yang ditentukan oleh Jawatankuasa Audit Dalaman Sekatarakyat dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Sekatarakyat bagi tahun kewangan 2023 adalah seperti butiran yang berikut :-

2.5.1 Bidang Kuasa Pengurusan
2.5.2 Unit Kafeteria
2.5.3 Unit Ar-Rahnu

2.6 Lembaga Pengarah telah bersetuju melantik syarikat CWC & Eng PLT sebagai orang yang kompeten bagi membantu Jawatankuasa Audit Dalaman berkuat kuasa mulai 21 Mei 2024 di mana tempoh kerja yang

ditetapkan adalah bagi satu tahun dengan yuran tahunan sebanyak RM62,000.00.

2.7 Skop pengauditan yang telah ditetapkan kepada syarikat tersebut bagi tahun 2024 adalah seperti yang berikut:-

2.7.1 Bidang Kuasa Pengurusan
2.7.2 Skim Simpanan Am
2.7.3 Unit Ar-Rahnu
2.7.4 Unit Perniagaan
2.7.5 Environmental, Social & Governance (ESG)
2.7.6 Bidang Kuasa Pengurusan

2.8 Sepanjang tahun 2023, CWC & ENG PLT telah menjalankan kerja-kerja pengauditan sebanyak 4 kali dari 2 Mac 2024 sehingga 21 Februari 2025. Jawatankuasa Audit Dalaman dan Lembaga Pengarah berpuas hati dengan kerja-kerja yang telah dijalankan oleh CWC & ENG PLT.

## 3.0 CADANGAN

3.1 Lembaga Pengarah memohon mandat daripada Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 untuk memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah bagi melantik Orang Kompeten bagi membantu Jawatankuasa Audit Dalaman dengan kelulusan perbelanjaan tidak melebihi RM120,000.00.

3.2 Skop pengauditan akan ditentukan kemudian oleh Sekatarakyat berdasarkan cadangan oleh Jawatankuasa Audit Dalaman kepada Lembaga Pengarah dan tertakluk kepada persetujuan Lembaga Pengarah.

3.3 Orang-orang yang kompeten yang dilantik akan membentangkan laporannya di mesyuarat bersama-sama Jawatankuasa Audit Dalaman dan laporan tersebut pula akan dikemukakan oleh jawatankuasa tersebut kepada Lembaga Pengarah.

3.4 Perbelanjaan untuk orang kompeten di dalam Belanjawan 2025 adalah sebanyak RM 120,000.00.

## 4.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2025 dipohon meluluskan cadangan ini.

**PERKARA 17**

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA LAPORAN YANG HENDAK DIKEMUKAKAN MENURUT PERATURAN-PERATURAN**

**LAPORAN KURSUS LUAR NEGARA BAGI LEMBAGA PENGARAH**

**(TIADA)**